UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

1970-2020 UKM #menciptamasadepan

e-PROSIDING

BICARA DAKWAH KALI KE 21

"Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik"

Pada
27 Oktober 2020

Anjuran :

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam

Dengan Kerjasama :

YADIM YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA

UNIVERSITAS IBN KHALDUN BOGOR

e-Prosiding
BICARA DAKWAH KALI KE 21

"Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik"

November 2020/Rabiul Akhir 1442
Fakulti Pengajian Islam ● Universiti Kebangsaan Malaysia

Penyunting:
Hasanah Abd Khafidz,
Siti Jamiaah Abdul Jalil,
Zainab Ismail
Salasiah Hanin Hamjah

e-Prosiding
Bicara Dakwah Kali Ke 21

©Hak Cipta Fakulti Pengajian Islam UKM 2020
Bicara Dakwah Kali Ke 21

e-ISBN:
978-967-2256-42-7

Diterbitkan oleh:
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Laman Sesawang: www.uk.my/fpi

Diuruskan oleh:
Urusetia Bicara Dakwah ke 21
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
Laman sesawang: www.ukm.my/bicaradakwah/

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

KANDUNGAN

PRAKATA

Cabaran Pembangunan Belia Berdepan Pasca Pandemik Di Negara Brunei Darussalam 1
Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit

Tinjuan Terkini Animo Masyarakat Terhadap Video Dakwah Islam Dan Covid-19 Di Indonesia: Periode Februari-April 2020 10
Kholil Nawawi & M. Dahlan Rabbanie

Model Dakwah Online Pada Masa Pandemik: Kajian Seminar Internasional Media Dan Dakwah Online Malaysia Brunei Darussalam Dan Indonesia Di Fakultas Agama Islam Ibn Khaldun Bogor 19
Dewi Anggrayni, Christie & Indria

Maqra'ah "Online": Memanfaatkan Teknologi Sebagai Platform Dakwah 31
Ahmad Baha' Mokhtar & Dewi Erika Samidi

Peranan Kaunseling Islam Dalam Menghadapi Isu Kekeluargaan Semasa Pandemik Covid-19 39
Salasiah Hanin Hamjah

Pengawalan Ibu Bapa Berkerjaya Terhadap Penggunaan Gajet Dalam Kalangan Kanak-Kanak: Satu Kajian Kes 49
Siti Jamiaah Abdul Jalil, Nurfarahain Abu Bakar & Juwairiah Hassan

Peranan Qawaid Fiqhiyyah dalam Dakwah Semasa Situasi Penularan Wabak 69
Khazri Osman, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani & Najihah Abd. Wahid

Dakwah Tanpa Sempadan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang di Era Pandemik Covid-19 75
Syamimi Amira Binti Shamsul Baharin & Najah Nadia Amran

Isu Covid-19 Dalam Kandungan Ceramah Agama Pendakwah Malaysia Di Youtube 91
Burhanuddin Jalal, Ezad Azraai Jamsari, Sayuti Ab Ghani, Amnah Saayah Ismail & Muntaha Hj Salleh

Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik COVID-19 110
Ashraf Ismail, Khazri Osman & Nurul Hudaa Hassan

PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala pujian untuk Allah SWT serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Dakwah dalam talian semasa pandemik merupakan transformasi dan inovasi yang dilaksanakan bagi merealisasikan satu dimensi dakwah moden yang lebih efektif dan proaktif. Dalam dunia diuji dengan pandemik COVID-19 tanpa penghujung, sudah tentu usaha dakwah perlu diteruskan. Pelbagai usaha perlu dilakukan oleh segenap lapisan masyarakat meliputi institusi pendidikan, institusi agama dan pihak kerajaan sendiri agar usaha untuk memberikan persekitaran hidup yang selesa serta boleh menyumbang kepada kestabilan kehidupan masyarakat walaupun ketika menghadapi situasi yang kritikal seperti penularan Covid-19 ini.

E-Prosiding ini merupakan kompilasi artikel berkaitan dakwah dalam talian semasa pandemik yang dibentangkan dalam Bicara Dakwah ke -21, 2020. Artikel ini disumbangkan oleh pembentang yang terdiri dari Indonesia, Brunei dan Malaysia. Fokus kajian e-prosiding ini adalah kajian yang berkaitan dengan dakwah dalam talian yang terdiri daripada inovasi, metodologi, cabaran dan impak kepada dakwah dalam talian semasa pandemik.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kami kepada penyumbang utama dana bagi penerbitan buku ini iaitu Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM). Penghargaan ini juga kepada rakan kerjasama Universitas Ibn Khaldun Bogor, Indonesia (UIKA) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei (UNISSA) yang bersama-sama menjayakan seminar Bicara Dakwah ke 21. Tidak dilupakan kepada semua pembentang yang menyertai seminar bicara dakwah ini walaupun diadakan secara alam maya berikutan pandemik Covid-19 yang masih melanda negara kita.

Akhir kata, diharapkan e-prosiding ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak dalam menyampaikan dakwah ketika pandemik. Harapan kami penerbitan e-prosiding ini dapat meningkatkan dan memberi inovasi dalam dakwah secara dalam talian. Kami mohon maaf jika terdapat sebarang kekurangan dalam penulisan e-prosiding ini.

Sekian, terima kasih.

Sidang Penyunting
Bicara Dakwah Kali Ke 21

CABARAN PEMBANGUNAN BELIA BERDEPAN PASCA PANDEMIK DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit

Abstrak

Pembangunan belia Islam sebagai modal insan yang berintegriti adalah salah satu strategi Kerajaan dalam usaha mencapai gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah Ibn Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dan mencapai wawasan negara 2035 dalam membentuk belia sebagai modal insan yang cemerlang dalam konsep duniawi dan ukhrawi. Sebagai sebuah negara Islam, strategi untuk membangun ummah ini tidak akan lengkap tanpa di asaskan kepada rujukan yang utama dan elemen yang jitu iaitu Al-Quran dan Hadis Nabawi. Situasi dunia pada hari ini yang berdepan dengan pandemik Covid-19 telah memberi kesan kepada pembangunan belia diseluruh dunia termasuk di Negara Brunei Darussalam. Kertas kerja ini akan membincangkan langkah-langkah pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam di dalam memangkin pembangunan belia di Brunei Darussalam pasca pandemik Covid-19.

Pendahuluan

Dalam zaman yang penuh dengan pancaroba ini para belia masa sekarang berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh menghanyutkan mereka kepada jalan yang tidak betul. Untuk membincangkan perkara yang amat penting ini, seeloknya ada beberapa hal yang perlu dititikberatkan dan didiskusikan bersama bagi memastikan kerangka permasalahan dapat dicerna dengan teliti.

Perkara yang paling utama walhal ianya sudah dimaklumi oleh kesemua para penganut Islam atau bukan ialah sumber rujukan utama di dalam agama Islam iaitu Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Sumber rujukan autoriti ini adalah paksi utama bagi umat Islam dalam membentuk roh rabbani dan modal insan yang berakhlak mahmudah.[1]

Sebagai sebuah negara yang memegang teguh kepada Kitab suci Al-Quran, Sunnah Rasulullah dan ijtihad para alim ulama, ini adalah satu kelebihan bagi penduduk Brunei Darussalam untuk sentiasa berada di landasan yang betul. Bagi kita pula, seharusnya kita mempunyai dasar-dasar yang kukuh dalam pengambilan nas-nas dan hadis-hadis nabawi sharif dan memahami nas-nas tersebut dengan betul berlandaskan aqidah Ahli Sunnah wal Jemaah dan Mazhab Syafie seperti mana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

[1] Mahyuddin Ashaari, Pendidikan al-Quran menjana keupayaan berfikir. *Jurnal pendidikan Islam*. Jil. 9. Bil. 4. November 2001, m.s 24

Sultan haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibn Al Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien. Di dalam titah Baginda Kebawah Duli tentang belia, baginda bersabda bahawa: "belia adalah sebagai aset negara dan bakal penyambung usaha pembangunan, belia perlulah dipimpin ke arah hala tuju yang jelas agar mereka faham dan sedar akan peranan dan sumbangan mereka dalam membangunkan negara atau 'nation building'."[2]

Manakala Perkataan "pembangunan" yang banyak diungkapkan oleh cendekiawan hari ini juga perlu diberi perhatian yang penting terlebih-lebih lagi dalam konsep Islam itu sendiri. Ini adalah kerana ungkapan pembangunan yang banyak diguna pakai kini lebih merujuk kepada pembangunan dan perubahan yang berbentuk konsep barat.[3]

Pandemik Covid-19 telah mula dikesan positif di Brunei Darussalam pada 9 Mac 2020, Kementerian Kesihatan Brunei mengesahkan bahawa ujian koronavirus awal telah kembali dengan keputusan positif untuk lelaki berusia 53 tahun yang telah pulang dari Kuala Lumpur, Malaysia pada 3 Mac 2020. Bermula dari sana sehingga ke bulan September 2020, Brunei Darussalam telah mendapat seramai 147 kes positif Covid-19 dengan tiga kematian. Ada pun kertas kerja ini akan membincangkan mengenai cabaran yang di hadapi oleh pihak kerajaan dalam pembangunan belia berdepan pasca pandemik.

Istilah dan definisi belia:

Menurut Kamus Dewan, belia bermaksud muda belia, sangat muda, golongan muda secara keseluruhannya yang terdiri daripada pemuda dan pemudi.[4]

Golongan umur belia adalah berbeza di sebahagian negara-negara tertentu, hal ini di rujuk kepada dokumen yang telah di keluarkan oleh *Commonwealth Youth Secretariat* mengenai had umur bagi belia: [5]

Bangladesh: 15 hingga 30 tahun
Brunei Darussalam: 15 hingga 35 tahun
India: 15 hingga 34 tahun
Malaysia: 15 hingga 25 tahun
Hong Kong: 10 hingga 24 tahun

[2] Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda ke-56, 1423H / 2002M
[3] Dr. Amran Muhammad, "Mengisi Makna Wawasan 2020", Al-Hikmah Bil. 2 / Tahun 3 (April-Jun 1997), Kuala Lumpur: ISTAC, hlm. 2.
[4] Kamus Dewan (edisi ketiga), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994, m.s 131
[5] Kay, Tess, Dudfield, Oliver, *The Commonwealth Guide to Advancing Development Through Sport*, Commonwealth Secretariat, 2013, m.s 12

Golongan belia di Brunei Darussalam boleh dikategorikan kepada beberapa kelompok berdasarkan had umur mereka. Setiap peringkat umur para belia ini akan memiliki aktiviti yang berlainan di dalam kegiatan kehidupan mereka. Golongan-golongan ini dapat dibahagikan kepada beberapa kelompok:

1. Golongan belia remaja. Rata-rata kumpulan ini masih di bangku sekolah. Antara beberapa perkara yang perlu ditekankan pada kumpulan ini adalah mendidik nilai, memupuk jati diri, di samping mendedahkan mereka dengan senario yang berubah dan impaknya ke atas mereka.[6] Remaja yang mengalami krisis dan konflik identiti perlu dibimbing menerusi Program Rakan Sebaya atau menjinakkan mereka dengan kaunseling remaja.

2. Golongan belia institusi pengajian tinggi atau penuntut (18 hingga 25 tahun). Golongan ini terdiri daripada penuntut yang berada di institusi pengajian tinggi dan lepasan sekolah menengah.[7] Mereka mula memasuki alam lebih bebas daripada kawalan ibu bapa mahupun peraturan sekolah. Pada peringkat ini, mereka perlu ditekankan dengan moral yang tinggi dan memupuk hubungan sihat apabila bergaul. Golongan ini perlu didedahkan dengan pelbagai peluang memajukan diri dalam bidang yang mereka ceburi. Galakkan belajar dan menimba pengalaman perlu diutamakan. Di samping itu, program yang dapat meningkatkan kesedaran sosial yang sihat perlu diusahakan dan dilaksanakan.

3.Golongan belia industri (25 hingga 35 tahun). Belia perlu diberi peluang meningkatkan diri dalam hal yang berkait dengan keperluan kemahiran bekerja dan membangunkan insan.[8] Gerakan dan usaha memulihkan imej pekerja industri perlu diutamakan dengan meletakkan mereka pada posisi yang lebih baik daripada segi nama dan kehidupan sosial mereka. Biasanya golongan ini sudah berumah tangga dan lebih menumpukan pada usaha mengukuhkan pendapatan keluarga serta mendidik anak-anak. Mereka ini lebih matang dan ada tanggungjawab yang lebih tinggi pada keluarga. Program membangunkan golongan ini perlu ditumpukan pada usaha meningkatkan kualiti hidup serta mengukuhkan institusi keluarga.

CABARAN BELIA DI ERA GLOBALISASI

Bila kita menelusuri kitab-kitab sejarah Islam yang terdahulu, banyak kemenangan umat Islam diterajui oleh belia-belia Islam. Di antara punca utama kemenangan mereka ini adalah keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya yang tidak berbelah bahagi, Lebih-lebih lagi dengan mempunyai sifat-sifat yang *mahmudah* dan sifat perjuangan yang tinggi semata-mata untuk Allah dan rasul-Nya dan

[6] http://www.kbs.gov.my/dokumen/pekeliling/FAQ_akta_belia.pdf retrieve 23/8/2014
[7] Ibid
[8] Ibid

keazaman yang tinggi untuk mempertahankan nilai-nilai Islam yang suci maka kemenangan sentiasa berpihak kepada Umat Islam ketika itu yang mana sedikit sebanyak diterajui oleh pemuda-pemuda Islam ketika itu seperti mana firman Allah: "Dialah yang mengutuskan rasulnya (dengan membawa) petunjuk yang benar dan agama yang hak untuk dimenangkan-Nya di atas seluruh agama walaupun orang-orang musyrik membencinya " (At-Taubah: 33)

Akan tetapi belia Islam masa kini hidup dalam lingkungan budaya yang banyak di cemari oleh unsur-unsur barat yang mana ini banyak melenyapkan unsur-unsur Islam yang murni. Para orientalis barat banyak mencuba untuk meracuni pemikiran, perasaan dan tingkah laku para belia ini dengan senjata utama mereka iaitu media massa. Ini jelas terbukti bila mana kebanyakan para belia sekarang lebih cenderung untuk mengambil pemikiran ideologi-ideologi barat, bahkan jika dilihat dalam sudut akhlak dan pergaulan banyak di kalangan mereka mencelup budaya-budaya barat yang mana ini telah menyalahi konsep Islamisasi.[9] Oleh kerana budaya dan tingkah laku para belia ini banyak yang telah di kotori oleh unsur-unsur yang tidak di ingini maka berlakunya pergaulan bebas tanpa had, seks bebas, pakaian yang tidak senonoh dan akhlak yang tidak baik di dalam diri mereka. Ini sudah setentunya bercanggah dengan hadis Nabi yang mana ketahui Baginda Rasulullah SAW telah dihantar untuk menyempurnakan akhlak yang mulia: “Sesungguhnya aku diutuskan tidak lain hanyalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.” (HR Imam Bukhari)

Manakala di dalam bidang ekonomi pula, banyak para belia sekarang banyak bergiat aktif di dalam bidang keusahawanan. Ini sudah setentunya menjadi kebanggaan bagi umat Islam untuk menonjolkan bahawa belia-belia Islam ini serba boleh dalam segala bidang. Akan tetapi apa yang menyedihkan ialah bila mana mereka lebih banyak untuk mempercayai sistem-sistem keusahawanan yang diajarkan oleh pihak barat yang mana lebih mengutamakan untuk mendapat keuntungan dengan cara yang bertentangan dengan ajaran Islam iaitu riba.[10] Bila mana perkara ini berleluasa di kalangan para belia ini maka ianya sudah pasti akan membawakan impak yang negatif bukan sahaja dari segi keberkatan rezeki mereka itu sendiri bahkan ianya juga akan mencemarkan kemurnian Islam itu sendiri.

Di sudut politik pula, jika kita kembali kepada sirah Nabawi dan suasana kehidupan para sahabat dulu, mereka tidak banyak berbelah pendapat dan berpecah belah sesama mereka kerana mereka dididik dengan firman Allah bahawa firman Islam itu bersaudara. Berlainan pula dengan belia masa kini,

[9] Wan Roslili Abd Majid., *Masyarakat Ulul Albab: Modal Insan Terbaik*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2008, m.s 16

[10] Tajul Ariffin Noordin dan Nor’Aini Dan, *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bangi. As Syabab Media, 2002, m.s 42

cabaran yang mereka hadapi sekarang ialah bila mana kebanyakan dari mereka telah disuntik dengan jiwa nasionalisme yang salah. Penyebaran nasionalisme yang berlebihan dan tidak mengikut landasan Al-Quran dan Hadis ini telah menimbulkan sifat *"taassub'* / fanatik di kalangan mereka yang mana setiap individu/ kaum/ puak melihat dirinya lebih hebat jika dibandingkan dengan yang lain.[11] Sewajarnya para belia Islam ini bersatu padu dalam membangun ummah Islam yang jitu dan dapat mempamerkan kepada agama lain bahawa agama Islam berdiri atas kesatuan ummah.

CABARAN BELIA PASCA PANDEMIK

1. Pandemik telah memberi impak yang amat ketara di dalam pembangunan belia di Brunei Darussalam. Di sudut keagamaan, masjid-masjid telah di tutup dan sebarang aktiviti agama yang biasanya dilakukan secara berkumpulan telah diarahkan untuk diberhentikan sehingga suasana pulih kembali. Pada 16 Mac, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengumumkan penutupan semua masjid di negara itu selama seminggu dari hari keesokannya hingga 23 Mac termasuk pembatalan solat Jumaat, meskipun azan, zikir dan doa-doa masih dikumandang.

2. Belia-belia yang masih menuntut bermula dari sekolah rendah, menengah dan peringkat universiti di arahkan untuk bercuti lebih awal daripada pelan tahunan yang telah dijadualkan daripada 16 Mac berpindah kepada 10 Mac dan cuti persekolahan yang dijadualkan hanya seminggu telah pun disambung sehingga bulan Jun kerana untuk menghindari penularan wabak Covid-19.

3. Dari sudut keusahawanan pula, ramai usahawan muda yang selalunya aktif menjual dan mengadakan perjumpaan pembeli secara berdepan telah banyak mengalami kerugian dan ada di antara mereka yang terpaksa menutup perniagaan kerana tidak mendapat pulangan keuntungan seperti biasanya.

4. Di samping itu belia-belia juga di arahkan untuk tidak melakukan riadah secara berkumpulan dan pihak kerajaan juga telah mengambil langkah untuk menutup stadium, *gym* dan kelab riadah untuk membasmi penularan wabak ini. Semua perlawanan sukan juga telah ditunda sehingga keadaan pulih seperti biasa.

5. Tidak ketinggalan bagi mereka yang berhajat untuk melangsungkan

[11] Muhammad Syukri Salleh, *Falsafah Ilmu Pembangunan Berteraskan Islam* (Philosophy of Islamic Development's Knowledge), Islamic Centre, Universiti Sains Malaysia, Penang, 1985, m.s 36

perkahwinan, Semua acara-acara keramaian atau perkumpulan termasuk majlis perkahwinan dan acara kesukanan adalah tidak dibenarkan buat sementara waktu.

PEMBANGUNAN BELIA DALAM PASCA PANDEMIK

Kerajaan Brunei Darussalam telah mengambil beberapa langkah di dalam membendung penularan pandemik Covid-19 ini dan melibatkan belia di dalam proses ini, di antaranya:

1. Penubuhan satu Jawatankuasa Ad-Hoc Sukarelawan Belia bagi mengumpul para sukarelawan yang berhasrat untuk membantu usaha menangani wabak ini di samping menyelaras pembahagian sukarelawan bagi membantu Kementerian Kesihatan. Sukarelawan ini ditempatkan untuk berada di Bangunan Pusat Pengasingan Kebangsaan di Daerah Tutong bagi menempatkan pesakit-pesakit yang telah pun disahkan positif dari jangkitan Covid-19 untuk dipantau rapi di pusat pengasingan yang baru ini.

2. Mendapat elaun khas sebanyak $400 (Empat ratus ringgit) sebulan, khusus kepada para doktor, jururawat, parademik, pemandu, ambulans, sukarelawan, pembersih, penjaga keselamatan dan kesemua mereka yang bertugas dengan Kementerian Kesihatan khususnya di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pusat Pengasingan Kebangsaan Tutong dan di pusat-pusat kuarantin yang dikhaskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pemberian elaun khas ini bermula bulan Mac 2020 dan akan dilanjutkan sehingga berakhirnya wabak COVID-19 di negara Brunei Darussalam.

3. Pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam juga telah mengambil berat akan pendidikan belia ini terutamanya yang masih menuntut dengan mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi terutamanya platform pelajaran atas talian (*online*) kepada pelajar-pelajar dan guru-guru dengan penyediaan *bandwith* dan data bagi meneruskan pembelajaran. Ini untuk memudahkan belia ini belajar dan berinteraksi secara atas talian sementara berada di kediaman masing-masing.

4. Memberikan peluang kepada belia untuk menjadi "*runner*" terutamanya yang mempunyai pesanan barangan di luar Brunei tetapi dengan syarat dan peraturan yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Perundingan dua hala antara Jabatan Perkhidmatan Pos, Negara Brunei Darussalam dan Pos Malaysia, Pos Malaysia telah memberikan kebenaran kepada Jabatan Perkhidmatan Pos selaku wakil

bagi pengambilan barang di Pos Miri dan Pos Limbang bagi penerima-penerima yang berada di Negara Brunei Darussalam. Bagi memudahkan proses penghantaran dan penerimaan barang yang dibeli secara *online* dari luar negara, orang ramai adalah disarankan untuk menggunakan alamat di Negara Brunei Darussalam.

5. Bagi menghidupkan semula suasana keagamaan pengajian di masjid-masjid bagi belia-belia ini, pihak kerajaan telah mengagihkan buku zikir dan doa Covid-19. Sebanyak 15 ribu naskah buku zikir dan doa diagihkan kepada sektor kerajaan dan sektor swasta di negara ini. Belia-belia juga boleh mendapatkan buku tersebut berbentuk format pdf dengan mengimbas kod QR dengan melayari laman sesawang www.kheu.gov.bn.

6. Bagi yang berhajat untuk melangsungkan perkahwinan dan mana yang telah terpaksa menunda dari bermulanya Covid-19, pihak kerajaan telah memberikan kelonggaran untuk melaksanakan acara tersebut untuk bernikah di mahkamah syarie Brunei Darussalam dengan mengikuti peraturan yang telah ditetapkan berhubung kait dengan pandemik Covid-19.

7. Bagi yang terjejas akan perniagaan mereka, kerajaan mengambil langkah dengan memberikan subsidi pembayaran gaji sebanyak 25 peratus kepada pekerja tempatan di Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mempunyai pekerja seramai 100 orang dan ke bawah - selama 3 bulan.

8. Bagi graduan-graduan yang terkesan untuk mencari pekerjaan ketika pandemik ini, kerajaan menggalakkan mereka untuk mengikuti *online training* secara percuma melalui platform Coursera yang menyediakan lebih dari 300 kursus yang berkaitan dengan hal ehwal perniagaan.

9. Belia-belia juga disarankan untuk melibatkan diri dalam berjual beli secara E-commerce platform ‘e-kadai’: ini adalah bertujuan untuk memberikan alternatif kepada para peniaga untuk memasarkan barangan mereka secara dalam talian (*online*).

Kesimpulan

Melihat kepada senario perbincangan di atas, maka sewajarnya bagi setiap belia itu untuk terus mengukuhkan diri mereka walaupun sedang berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19 ini. Segala cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh para belia sama ada dari sudut sosial, ekonomi dan pendidikan, pasti ada cara untuk bangkit dan menjadi proaktif seperti sebelumnya. Mungkin cara pendekatan telah berubah kepada norma baharu tetapi semangat dan kecekalan

hati untuk terus maju ke hadapan mestilah diperkukuhkan. Para belia juga mestilah menyatakan rasa syukur dengan menyokong ,dan memberikan khidmat yang terbaik kepada kerajaan, yang mana bertungkus lumus telah menyediakan *platform* bagi belia Brunei Darussalam ketika berdepan fasa pandemik Covid-19 ini. Harapan kami dengan adanya norma baharu ini, para belia akan kekal berinovasi dan integriti di dalam memangkin pembangunan Negara.

Rujukan

Amran Muhammad, "Mengisi Makna Wawasan 2020", Al-Hikmah Bil. 2 / Tahun 3 (April-Jun 1997), Kuala Lumpur: ISTAC, 1997.

Fauzian Mohammad, Ke arah Pembentukan Masyarakat Madani, Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi. Panel Pengurusan YPEIM. 2005. Pengurusan dalam Islam. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM Sdn Bhd, 1997

Kamus Dewan (edisi ketiga), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994.

Kay, Tess, Dudfield, Oliver, The Commonwealth Guide to Advancing Development Through Sport, Commonwealth Secretariat, 2013.

Mahyuddin Ashaari, Pendidikan al-Quran menjana keupayaan berfikir. Jurnal pendidikan Islam. Jil. 9. Bil. 4. November 2001

Muhammad Syukri Salleh, "Pembangunan: Erti Sebenar Yang Dituntut Dalam Islam" (Development: Its True Meaning According to Islamic Doctrines), Harian Nasional, 10 February, Kuala Lumpur, 1984

Muhammad Syukri Salleh, Falsafah Ilmu Pembangunan Berteraskan Islam (Philosophy of Islamic Development's Knowledge), Islamic Centre, Universiti Sains Malaysia, Penang, 1985

Mukadimah Ibn Khaldun, Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993

Sheikh Mohd. Saifuddeen Sheikh Mohd. Salleh. Belia dan Masyarakat, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2001.

Tajul Ariffin Noordin dan Nor'Aini Dan, Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu. Bangi. As Syabab Media, 2002

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda ke-56, 1423H / 2002M

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifudd ien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1434

Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun ke-24 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 2008.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1990. Budaya ilmu sebagai asas pembangunan tamadun. Jurnal Pendidikan Islam, Jil. 3. Bil.1, 1990.

Wan Roslili Abd Majid., Masyarakat Ulul Albab: Modal Insan terbaik, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2008.

Zulkifli Mohamed al-Bakri, Himpunan Hadis Modal Insan, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd, 2007

http://www.kbs.gov.my/dokumen/pekeliling/FAQ_akta_belia.pdf retrieves 23/8/2014

"Latest news - Detection of the First Case of COVID-19 Infection". Kementerian Kesihatan Brunei (dalam bahasa Inggeris).

"Brunei reports first coronavirus death". Reuters (dalam bahasa Inggeris). 28 Mac 2020. Dicapai pada 28 Mac 2020.

"Press Releases & Press Info on Coranavirus Disease 2019 (COVID-19)". *Kementerian Kesihatan Brunei* (dalam bahasa Inggeris).

Langkah-langkah Kerajaan Menangani Impak Covid http://www.mtic.gov.bn/Documents/pdf

Penulis:

Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit
Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

TINJUAN TERKINI ANIMO MASYARAKAT TERHADAP VIDEO DAKWAH ISLAM DAN COVID-19 DI INDONESIA: PERIODE PEBRUARI-APRIL 2020

Kholil Nawawi & M. Dahlan Rabbanie,

Abstrak

Masa Pembatasan Sosial Berskala Besar (PSBB) menjadi masa yang teramat sulit bagi kaum muslim Indonesia dalam menjalankan berbagai aktifitas, baik aktifitas ekonomi maupun aktifitas keagamaan, karena adanya larangan tersebut menjadikan umat muslim terbelenggu di rumah masing-masing, sehingga segala kegiatan keagamaan dilaksanakan di rumah. Hal ini tentu menjadi tugas dan tantangan tersendiri bagi para da'i untuk tetap menyebarkan ajaran Islam meskipun tidak ada lagi tempat untuk berdakwah secara konvensional, sehingga para da'i harus melakukan perubahan media dakwah dengan menggunakan konten Youtube yang sudah digunakan oleh penduduk muslim Indonesia. Youtube manjadi sarana untuk menyampaikan dakwah Islam bertemakan Islam dan Covid-19 yang telah menjadi pandemi, dalam bentuk video, seberapa banyak kaum muslimin yang menonton video Youtube tersebut dihitung sejak bulan Februari awal ditetapkannya Covid-19 sebagai wabah di Indonesia sampai bulan April 2020 masa PSBB, dengan mengambil sampel khusus video bertemakan Islam dan Covid-19, bukan untuk menghitung pengaruhnya melainkan menyajikan data deskriptif animo masyarakat terhadap video tersebut selama awal Covid-19 dan masa akan diberlakukannya PSBB. Dari video yang ditayangkan selama tiga bulan terdapat 48 video dan ditonton 6.184.579 orang selama tiga bulan, dengan rata-rata ditonton oleh 2.061.526 setiap bulannya.

Kata Kunci: *Da'i, PSBB, Video Dakwah*

Pendahuluan

Covid-19 merupakan virus yang memiliki daya sebar sangat luar biasa, dalam hitungan bulan virus ini sudah menjangkiti ratusan orang dari berbagai dunia, padahal asalnya dari sebuah desa yang bernama Wuhan Provinsi Hubei, Tiongkok (Wu et al., 2020)(Maryanti et al., 2020) karena cepatnya penyebaran dan banyaknya yang terjangkiti. Pada tanggal 11 bulan Maret 2020 badan Kesehatan Dunia mengumumkan kalau virus ini menjadi pandemik dunia (Cucinotta & Vanelli, 2020)(Spinelli & Pellino, 2020).

Masa pandemik merupakan masa teramat sulit bagi penduduk dunia termasuk Indonesia, sebagai sebuah negara yang luas dengan jumlah penduduk negeri yang mayoritas beragama Islam (Buehler, 2009)(Anwar, 2011). Di tengah pandemik ini masyarakat muslim Indonesia tentu merasakan goncangan yang teramat berat dari berbagai sektor, secara psikologi umat muslim di Indonesia merasa takut dan sedih (Agung, 2020) banyak yang kehilangan keluarga karena terinfeksi dan wafat dikarenakan virus ini, Dari sisi ekonomi, masyarakat muslim begitu sulit menjalankan roda ekonomi di tengah pandemik Corona karena para pembeli

merasa takut dan hanya membeli kebutuhan yang mendesak saja (Iskandar et al., 2020), dari sisi pola keagamaan pun umat Islam mulai mengalami goncangan ketakutan akan tertular di saat sedang ibadah.

Dalam kondisi seperti itu kemudian pemerintah sebagai pengatur negara menetapkan Corona sebagai wabah yang harus ditangani secara serius dan penuh perhitungan karena sudah menjadi wabah pandemik dunia, maka dibuatlah aturan pembatasan melakukan kegiatan yang kemudian disebut dengan Pembatasan Sosial Berskala Besar (PSBB)(Fathoni, 2019) meskipun dalam PSBB ini hanya fasilitas umum yang ditutup (Nasruddin & Haq, 2020), hampir semua kegiatan ekonomi mengalami kelumpuhan dan melemah (Maryanti et al., 2020) dalam pergerakan, pasar-pasar dibuka hanya dalam hitungan beberapa jam saja, hal ini tentu membuat sulit perkembangan kehidupan masyarakat muslim Indonesia (Hadiwardoyo, 2020).

Praktek keagamaan pun mengalami pergeseran karena terkena aturan tersebut. Pembiasaan sholat berjama'ah di masjid menjadi ditiadakan dan digantikan dengan ibadah di rumah, demikian pula dengan pengajian-pengajian selama masa tersebut ditiadakan (Hasbiyallah et al., 2020),(Permadhi & Mahasaraswati, n.d.), akibatnya masjid dan musholla menjadi sepi (Jarnawi, 2020), ini menambah berat beban bagi masyarakat muslim, sehingga masyarakat menjadi galau dan pada akhirnya memunculkan dualiseme sikap, sikap pertama patuh dan mengikuti anjuran pelarangan ibadah di masjid dan di musholla serta melakukannya di rumah masing-masing, sementara sikap kedua tetap menjalankan ibadah sholat lima waktu di masjid dan musholla seusai dengan keteguhan keyakinan keagamaan yang dimilikinya (Syatar et al., 2020), jumlah yang seperti ini tidaklah banyak (Sagala et al., 2020), meskipun sesungguhnya mereka tahu sesuatu yang terjadi itu tidak hanya akan menimpa sebahagian saja melainkan bisa menimpa pada siapa saja sebagaimana Allah firmankan dalam surat al Anfal ayat 25:

وَٱتَّقُواْ فِتۡنَةٗ لَّا تُصِيبَنَّ ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنكُمۡ خَآصَّةٗۖ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ

Dan peliharalah dirimu dari pada siksaan yang tidak khusus menimpa orang-orang yang zalim saja di antara kalian. Dan ketahuilah bahawa Allah amat keras siksaNya.

Keadaan ini membuat kaum muslim Indonesia praktis hanya melakukan berbagai kegiatan keagamaan di rumah dan tidak bisa menghadiri berbagai kegiatan secara datang langsung, sementara pemahaman dan tambahan keilmuan harus terus dicari dan dipelajari, kehausan akan ilmu agama tidak membendung seseorang untuk mempelajarinya dalam berbagai kondisi, hal inilah yang dilihat dan difahami oleh para ulama yang ada di Indonesia, bahawasanya masyarakat butuh akan pencerahan agama, dalam rangka memahami berbagai permasalahan secara spiritual. Di sisi lain para ulama melihat bahawa penyebaran ajaran Islam tidak boleh berhenti karena adanya wabah ini, hal ini sesuai dengan sabda Nabi

Muhammad sebagaimana disampaikan Abdullah bin Amr; Bahawa nabi Muhammad bersabda:

بَلِّغُوا عَنِّى وَلَوْ آيَة

"Sampaikanlah dariku walau hanya satu aayat" (HR. Bukhari)

Maka berbagai upaya dilakukan untuk mencerdaskan pemahaman agama kaum muslimin guna menjadikannya masyarakat yang menjadikan agama sebagai nalar dalam menyikapi berbagai persoalan termasuk pandemik corona. Selain itu perkembangan teknologi internet menjadi media yang sangat baik dalam menyampaikan ajaran Islam ke berbagai pelosok, hampir dipastikan semua masyarakat muslim mengenal dengan perkembangan teknologi internet bahkan sudah menjadi kegiatan rutin untuk berselancar dengan menggunakan media internet. Jadi teknologi internet hari ini menjadi sarana terbaik dalam menyampaikan ajaran Islam ke berbagai penjuru nusantara bahkan dunia sebagai kontribusi nyata para ulama memberikan pemahaman kepada umat.

Seiring perkembangan teknologi internet kemudian muncul Youtube sebagai sebuah situs media berbagi video dalam menyebarkan informasi mahu pun hiburan. Di Indonesia pengguna youtube mencapai 50 juta pengguna aktif dari 146 juta pengguna akses setiap bulannya (Cahyono & Hassani, 2019). Hal ini tentu sangat menguntungkan bagi para da'i untuk memanfaatkan media ini sebagai sarana dakwah yang efektif, karena bagi para da'i dakwah tidak boleh berhenti dengan alasan apapun kecuali ajal yang menghentikannya. Hal ini berarti seorang da'i dituntut untuk mampu menjadi *agent social of chang*e yang dapat memberikan pencerahan dan solusi terhadap segala permasalahan yang timbul di kalangan umat (Dulwahab, 2010) termasuk dalam masa pandemik ini.

Adanya pemberlakukan PSBB dan munculnya konten Youtube menjadi alasan kuat untuk melakukan banding secara total dalam dakwah dari tatap muka secara langsung menjadi penyebaran video. Ini menjadi kesempatan emas bagi para da'i untuk menyebarkan ajaran Islam secara baik, dan memahamkan kepada umat atas pandemik corona yang terjadi, sehingga umat dapat melihat dan memahami pandemik ini secara baik dan benar menurut syariat, mampu menyikapi dengan sikap yang sesuai dengan ajaran agama. Keadaan ini menjadikan menarik bagi penulis untuk mendalami sejauh mana umat muslim Indonesia konsen terhadap penerimaan dakwah para da'i di masa pandemik terutama pada masa Pembatasan Sosial Berskala Besar.

Metodologi

Jenis penelitian ini adalah penelitian kualitatif dengan pendekatan deskriptif, penulis melakukan pencarian video Youtube yang khusus bertemakan Islam dan Covid-19, tidak dimaksudkan untuk menguji suatu hipotesis tertentu melainkan

penyajian sebuah data yang menggambarkan diterimanya dakwah dikalangan umat muslim Indonesia masa PSBB telah sampai dan dibaca. Pencarian video Youtube dimulai sejak awal Februari sampai akhir April 2020 atau sepanjang masa PSBB berlaku.

Hasil dan Pembahasan

Dari hasil penulusuran video Youtube selama tiga bulan masa Pembatasan Sosial Berskala Besar di Indonesia didapatkan data sebagai berikut:

1. Pada bulan April 2020

NO	Tanggal Bulan	SUREL	LIKE	VIEW	MATERI
1	01/02/2020	https://youtu.be/PMXg95GbOBs	218	11.763	Pandangan Islam tentang virus corona
2	03/02/2020	https://youtu.be/2haNHIZgvGQ	3200	282.320	Asal muasal segala penyakit-Virus corona
3	06/02/2020	https://youtu.be/-3GzxV-WxQg	4900	554.604	Virus Corona sudah diprediksi ulama, tanda-tanda kiamat kecil
4	07/02/2020	https://youtu.be/20b7qT4S3Jc	61	3973	Pesan menghadapi Corona
5	15/02/2020	https://youtu.be/PM9BiLZWjD0	80	4721	Musibah Virus Corona
6	17/02/2020	https://youtu.be/4kyjT5p_hn8	678	93.801	Virus Corona Adalah Tentara Allah
7	28/02/2020	https://youtu.be/C6cixYXh4RM	68	5.568	Penguasa Sombong Diruntuhkan Allah SWT, Wabah Virus Corona Serangan Jutaan Belalang
			9205	**956.750**	

2. Bulan Maret 2020

NO	Tanggal Bulan	SUREL	DISUKAI	DITONTON	MATERI
1	04/03/2020	https://youtu.be/Z1Ib9SW74rA	241	17.808	Tenang, Jangan panik Dengan Musibah Corona, Minta Pertolongan Allah SWT
2	04/03/2020	https://youtu.be/r3LY42hremw	11.000	909.403	Antara Corona dan Diriku / Obat Segala Penyakit

3	05/03/2020	https://youtu.be/dgIE34S1IQo	3.300	141.940	Viral, ini nasehat Habib Syekh Assegaf
4	05/03/2020	https://youtu.be/3ddzY8eEfhM	1.300	63.239	Tentang Virus Corona
5	07/03/2020	https://youtu.be/jEuDxB9khLg	220	3.232	Karena Corona Virus
6	09/03/2020	https://youtu.be/GO_GRtxx-WA	1.200	2.025.895	Karena Corona Virus, Ust. Fatih Karim Terjebak Di Australia
7	10/03/2020	https://youtu.be/UOH2oJVNY4U	917	54.093	Heran kenapa Cina Dibiarkan Masuk
8	12/03/2020	https://youtu.be/HhZzNFt4kqY	194	17.419	Penyakit dan Corona
9	12/03/2020	https://youtu.be/1bp9SELO02c	1.000	93.552	Virus Corona (COVID-19)
10	13/03/2020	https://youtu.be/JfECoCaA0hU	995	43.232	Tentang menuntut ilmu
11	14/03/2020	https://youtu.be/08P53289WeU	18.000	330.887	Respon dan Himbauan UAH Terkait PandemikVirus Corona
12	14/03/2020	https://youtu.be/casASl8xRrE	181	10.976	Imbauan Aa Gym Terhadap Maraknya Virus Corona Bagi Civitas Daarut Tauhid
13	14/03/2020	https://youtu.be/IDixlFN-X5A	270	29.400	Wabah Penyakit Yang Datang
14	15/03/2020	https://youtu.be/WRj-jAZAyJY	55	2.842	Doa Agar Terhindar Dari Wabah Virus Corona
15	15/03/2020	https://youtu.be/Dljv5Vk7Hxg	22	490	Himbauan Maulid Muslimah Terkait Virus Corona
16	15/03/2020	https://youtu.be/v7H7fWMo66c	863	49.973	Menhub kena, Siapa Lagi Menyusul?
17	15/03/2020	https://youtu.be/3VasNjHYdJ8	468	13.122	Langkah Daarut Tauhid dalam menghadapi Virus Corona

18	16/03/2020	https://youtu.be/gjhYf-aWaKE	4.800	332.675	Hikmah di balik wabah virus corona
19	16/03/2020	https://youtu.be/lx1eyqyraGw	1.600	32.951	Melihat Covid-19 dari perspektif berbeda
20	16/03/2020	https://youtu.be/X0vZcT0EvKU	14.000	449.950	Solusi menghadapi virus corona
21	16/03/2020	https://youtu.be/gjhYf-aWaKE	1.000	35.559	Hikmah adanya virus Covid-19
22	17/03/2020	https://youtu.be/Nkw386Gt2xg	1.800	122.634	Sikap seorang Muslim menghadapi ujian
23	17/03/2020	https://youtu.be/irPKAi-eX-M	4.800	332.675	Hikmah di balik wabah virus corona
24	17/03/2020	https://youtu.be/bi44mTQoVN4	11.000	337.824	Himbauan Buya Yahya tentang Wabah Corona Covid-19
25	17/03/2020	https://youtu.be/CKsSel-aUJo	40	727	Hikmah di balik lockdown Covid-19
26	18/03/2020	https://youtu.be/9TJL-PgAWUE	144	9.591	Ujian Keimanan, Ini Hikmah di balik Virus Corona
27	18/03/2020	https://youtu.be/6kZqollfgH4	911	93.833	Cegah Corona, Aa Gym Ajak Masyarakat Beribadah di Rumah
28	19/03/2020	https://youtu.be/FCDT7AAfyM0	8	1.250	Hikmah di balik Covid-19
29	19/03/2020	https://youtu.be/inVPb7NBPZU	12.000	456.402	Mengalahkan Virus Corona Covid-19
30	19/03/2020	https://youtu.be/kIK9soD393M	845	102.221	Vierus Coronna Ges Aya di Banten
31	19/03/2020	https://youtu.be/KPxopfUDE5U	7.300	331.433	Corona Menurut Dr. Zaidul Akbar
32	22/03/2020	https://youtu.be/dLdYmBPKYUY	110	6.497	Hikmah di Balik Merebaknya Virus Corona
		Jumlah	**100.584**	**4.477.796**	

3. Bulan Mei 2020

NO	Tanggal Bulan	SUREL	DISUKAI	DITONTON	MATERI
1	03/04/2020	https://youtu.be/z8XinzpFOU4	1.100	46.786	Hikmah yang Indah diBalik Wabah Virus Corona
2	06/04/2020	https://youtu.be/60rFyCWvB38	15.000	20.587	Wabah yang Menyingkap Mutiara
3	07/04/2020	https://youtu.be/qOftrFn4i	55	3.629	Sisi Positif dan Negatif dari Wabah Corona
4	07/04/2020	https://youtu.be/F2lQ5TcwyKl	1.200	16.435	Tips dari Allah Jika Merasa Berhadapan Dengan Corona
5	10/10/2020	https://youtu.be/lmpRu-zCshc	1.300	19.948	Corona dan LDR
6	11/04/2020	https://youtu.be/4pKwKfm8J98	578	11.845	Selalu Ada Hikmah diBalik Musibah
7	13/04/2020	https://youtu.be/Xg0GCNOn1l4	225	14.615	Saat terjadi Wabah Corona Saatnya Sedekah
8	21/04/2020	https://youtu.be/x_jcwo1T25U	11.000	600.828	Hikmah yang Indah diBalik Wabah Virus Corona
9	28/04/2020	https://youtu.be/NNOX3BQPTD0	171	15.360	islam di tengah pandemikCovid-19
		Jumlah	**30.629**	**750.033**	

Dilihat dari hasil video dari yang tayang di Youtube pada bulan Februari terdapat 7 video yang berisikan Islam dan Covid-19 dilihat dari berbagai aspek tema. Semua da'i mengajak umat Islam Indonesia untuk menyadari keberadaan Covid-19 sebagai sebuah musibah dan menyikapi dengan kesedaran diri untuk selalu berbuat baik dan tetap komitmen menjalankan segala perintah Allah. Dilihat dari jumlah yang melihat tayangan ini sebesar 956.750, jika diasumsikan masyarakat muslim pengguna internet aktif dari 50 juta, 80%nya penduduk muslim maka jumlah tersebut relatif kecil hanyalah 2,3%.

Kondisi ini jauh berbeda dengan bulan Maret 2020 yang penonton video mencapai 4.477.796, sebanding dengan 11,1% jika diasumsikan dengan 805 pengguna asli internet warga muslim. Peningkatan ini di dasar bahwa pada maret merupakan peningkatan Covid dan rancangan lockdown yang dituntut masyrakat yang pada akhirnya melahirkan PSBB, pada akhir maret diumumkannya PSBB.

Sementara itu pada bulan April terdapat 9 video yang bertemakan Islam dan Covid-19 dengan jumlah penonton sebesar 750.033, setara dengan 1,85 persen dari 40 juta pengguna aktif internet. Hal ini jauh lebih menurun dibandingkan dengan sebelum diberlakukannya PSBB iaitu bulan Februari 2020.
Jika dirata-ratakan yang menonton video dakwah Islam dan Covid dalam satu bulan sebanyak 2.061.526 dari jumlah 40 juta pengguna aktif internet di Indonesia. Tergolong sangat kecil. Namun penonton ini hanya dalam video bertemakan Islam dan Covid sementara itu selama tiga bulan masih terdapat video dakwah dengan tema-tema keislaman yang tidak berhubungan secara langsung dengan Covid dalam tema masih banyak jumlahnya.

Kesimpulan

Dakwah melalui video yang dilakukan para da'i di Indonesia khususnya pada masa menjelang Pembatasan Sosial Berskala Besar sudah mendapatkan apresiaisi dari kaum muslimin Indonesia, hal ini dapat dilihat dari video yang ditonton dalam setiap bulannya mencapai 2.061.526 penonton dari 48 buah video dakwah yang bertemakan Islam dan Covid-19 periode Februrari-April 2020.

Rujukan

Agung, I. M. (2020). Memahami PandemikCovid-19 Dalam Perspektif Psikologi Sosial. *Psikobuletin: Buletin Ilmiah Psikologi*, *1*(2), 68–84.

Anwar, D. F. (2011). Foreign policy, Islam and democracy in Indonesia. *Journal of Indonesian Social Sciences and Humanities*, *3*, 37–54.

Buehler, M. (2009). Islam and democracy in Indonesia. *Insight Turkey*, 51–63.

Cahyono, G., & Hassani, N. (2019). Youtube Seni Komunikasi Dakwah Dan Media Pembelajaran. *Al-Hikmah*, *13*(1), 23–38.

Cucinotta, D., & Vanelli, M. (2020). WHO declares COVID-19 a pandemic. *Acta Bio-Medica: Atenei Parmensis*, *91*(1), 157–160.

Dulwahab, E. (2010). Dakwah di Era Konvergensi Media. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies*, *5*(16), 19–34.

Fathoni, A. (2019). Dampak covic 19 dan kebijakan psbb pemerintah terhadap UMKM di Wiyung Surabaya. *Dinar: Jurnal Prodi Ekonomi Syariah*, *3*(1), 30–69.

Hadiwardoyo, W. (2020). Kerugian Ekonomi Nasional Akibat PandemikCovid-19. *BASKARA: Journal of Business & Entrepreneurship*, *2*(2), 83–92.

Hasbiyallah, H., Suntiah, R., Ainisyifa, H., & Fatimah, T. (2020). Fikih Corona: Studi pandangan ulama Indonesia terhadap ibadah dalam kondisi darurat Covid-19. *Karya Tulis Islam Fakultas Tarbiyah Jurusan PAI*.

Iskandar, A., Possumah, B. T., & Aqbar, K. (2020). Peran Ekonomi dan Keuangan Sosial Islam saat PandemikCovid-19. *Salam J. Sos. Dan Budaya Syar'i*, *7*(7).

Jarnawi, J. (2020). Mengelola Cemas Di Tengah Pandemik Corona. *At-Taujih: Bimbingan Dan Konseling Islam*, *3*(1), 60–73.

Maryanti, S., Netrawati, I. G. A. O., & Nuada, I. W. (2020). PandemikCovid-19 Dan Implikasinya Pada Perekonomian NTB. *Media Bina Ilmiah*, *14*(11), 3497–3508.

Nasruddin, R., & Haq, I. (2020). Pembatasan Sosial Berskala Besar (PSBB) dan Masyarakat Berpenghasilan Rendah. *SALAM: Jurnal Sosial Dan Budaya Syar-I*, *7*(7), 639–648.

Permadhi, P. L. O., & Mahasaraswati, F. H. U. (n.d.). *Problematika Penerapan Sistem Karantina Wilayah Dan PSBB Dalam Penanggulangan Covid-19*.

Sagala, S. H., Maifita, Y., & Armaita, A. (2020). Hubungan Pengetahuan Dan Sikap Masyarakat Terhadap Covid-19: A Literature Review. *Menara Medika*, *3*(1).

Spinelli, A., & Pellino, G. (2020). COVID-19 pandemic: perspectives on an unfolding crisis. *The British Journal of Surgery*.

Syatar, A. S. A., Amiruddin, M. M., & Rahman, A. (2020). Darurat Moderasi Beragama Di Tengah PandemikCorona Virus Desease 2019 (Covid-19). *KURIOSITAS: Media Komunikasi Sosial Dan Keagamaan*, *13*(1), 1–13.

Wu, Y.-C., Chen, C.-S., & Chan, Y.-J. (2020). The outbreak of COVID-19. *Journal of the Chinese Medical Association*, *83*(3). https://doi.org/10.1097/jcma.0000000000000270

Penulis:

Kholil Nawawi,
Emel: ekholil@fai.uika-bogor.ac.id
Fakultas Agama Islam Universitas Ibn Khaldun Bogor

M. Dahlan Rabbanie,
Emel: ahlan@uika-bogor.ac.id
Fakultas Agama Islam Universitas Ibn Khaldun Bogor

MODEL DAKWAH ONLINE PADA MASA PANDEMIK: KAJIAN SEMINAR INTERNASIONAL MEDIA DAN DAKWAH ONLINE MALAYSIA BRUNAI DARUSALAM DAN INDONESIA DI FAKULTAS AGAMA ISLAM IBN KHALDUN BOGOR

Dewi Anggrayni, Christie & Indria

Abstrak

PandemikCovid-19 telah menjadikan situasi dunia secara global dipaksa beradaptasi dengan banyak perubahan kebiasaan baru. Pernyataan WHO terkait adaptasi tatanan kehidupan baru sepanjang pandemik secara tidak langsung juga merubah seluruh kebiasaan. Masyarakat Islam adalah bagian dari masyarakat dunia yang harus melakukan banyak perubahan kebiasaan baru khususnya dalam aktifitas ibadah untuk mengantisipasi penularan wabah corona. Berbagai aktifitas ibadah maupun agenda dakwah tidak lagi dijalankan secara tatap muka di Masjid maupun majelis ilmu. Ulama tentunya mengambil peranan utama dalam membantu masyarakat melewati situasi sulit ini. Hambatan interaksi sosial dalam praktek syi'ar islam secara tidak langsung menjadi persoalan yang harus dicarikan jalan keluarnya. Ulama perlu merancang metode dakwah efektif untuk memastikan aktifitas dakwah terlus dilaksanakan. Penelitian ini akan difokuskan untuk melihat metode dakwah yang dijalankan tiga negara Malaysia, Brunai Darusalam dan Indonesia. Kajian kualitatif ini akan menjelaskan secara deskriptif hasil perbincangan seminar internasional yang dilaksanakan secara online melalui aplikasi zoom oleh Fakultas Agama Islam Universitas Ibn Khaldun. Hasil diskusi interaktif didapati bahwa ketiga negara telah menjalankan praktek dakwah secara online dengan berbagai strategi sepanjang pandemik. Ulama di Malaysia, Brunai Darusalam dan Indonesia didapati telah menjalankan aktifitas dakwah secara online dengan berbagai metode. Melalui kuisioner yang disebar kepada 133 peserta didapati bahwa peserta seminar mendapatkan ilmu baru dengan strategi dakwah yang dijalankan masing-masing negara. Secara umumnya responden mengakui banyak bergantung kepada media online untuk mendengarkan kajian Islam terkini sepanjang masa pandemik.

Kata Kunci: Pandemik, Metode Dakwah Online, Media Baru

Pendahuluan

Reaksi masyarakat terhadap penanggulangan Coovid-19 memaksa dunia global terus merancang berbagai inovasi untuk melewati krisis global ini. Sebanyak 600 organisasi dunia bersama WHO bersepakat untuk mencegah penularan virus diperlukan disiplin diri dan mematuhi seluruh protokol kesehatan dan menghindari stress. Virus corona perlu dilawan dengan ketahanan mental yang baik (WHO 2020). Situasi yang sangat serius ini memerlukan keterlibatan semua pihak untuk berhasil melewati pandemik ini dengan selamat. Islam turut serta mengambil peranan dengan memperkuat ketahanan mental umatnya melewati situasi pandemik ini. Berbagai upaya dijalankan agar aktifitas dakwah tetap

dijalankan sepanjang pandemik. Penggunaan media baru menjadi salah satu alternatif bagi ulama untuk tetap menjalankan agenda dakwah secara online. Tokoh agama dalam dan di luar negara merancang konten-konten kreatif untuk memberikan nasehat kepada masyarakat muslim dapat bertahan melewati situasi sulit ini. (Khailur 2019) menjelaskan bahwa, ahli agama telah aktif menggunakan media baru sebagai satu media dakwah dalam beberapa tahun terakhir (Khairul 2019).

Penelitian ini akan difokuskan untuk melihat bagaimana kehadiran media baru telah membantu ulama dalam menjalankan tugas dakwah merka dalam beberapa decade ini. Peneliti akan melihat bagaimana aktifitas seminar yang disampaikan melalui aplikasi zoom menjadi pilihan responden peserta seminar untuk mendapatkan pengetahuan tentang bagaimana aktifitas ulama di tiga negara dapat merancang metode dakwah yang dijalankan secara online dalam berbagai media baru. Kehadrian Zoom sebagai media baru juga telah digunakan banyak ahli agama sebagai sarana dakwah mereka. Bagaimanapun kehadiran media baru telah membantu penyebaran gerakan dakwah dengan tujuan mempersiapkan masyarakat lebih siap melewati perubahan sosial sebagai dampak dari pandemik Covid.

Penelitian ini juga melihat bagaimana ahli agama yang berasal dari tiga universitas di tiga negara berbagi pengetahuan terkait strategi dakwah efektif menggunakan media baru sepanjang masa pandemik. Seminar Internasional dengan tajuk "Media dan Dakwah Online Pada Masa Pandemi". yang diselenggarakan secara online oleh Fakultas Agama Islam Universitas Ibn Khaldun Bogor. Peneliti juga melakukan survei dan wawancara mendalam kepada peserta seminar untuk mengetahui sejauh mana pemateri seminar yang berasal dari Malaysia, Brunai Darusalam dan Indonesia berhasil meyakinkan peserta seminar bahwa dakwah secara online dapat dijalankan untuk mengedukasi masyarakat muslim lebih siap menjalankan adaptasi kebiasaan pada masa pandemikkhususnya aktifitas ibadah. Aktifitas dakwah akan terus dijalankan dengan serangkaian metode inovatif melalui media baru dengan konten yang lebih edukatif sesuai dengan situasi masyarakat hari ini.

Komunikasi Dakwah Online

Komunikasi dengan makna yang jelas sangat penting untuk memastikan penerima pesan memahami makna pesan yang disampaikan (Butler 2010). Aktifitas dakwah merupakan salah satu bentuk komunikasi yang dilakukan oleh ahli agama untuk dapat berinteraksi dengan pengikutnya dalam konteks penyiaran Islam. Aktifitas dakwah menuntut seorang ulama memiliki kemampuan komunikasi yang baik untuk memudahkan penyampaian pesan dakwah dapat diterima khalayak.

Saat ini, media baru telah menjadi platform yang membantu masyarakat meluaskan jaringan komunikasi. Dengan jaringan internet masyarakat bebas menentukan media mana yang akan diakses untuk memenuhi kebutuhan informasi. Ahli agama turut serta mengambil peluang kehadiran media baru ini untuk menjalankan tugas dakwah mereka. Saat ini banyak ulama Islam telah menjadikan media baru sebagai media dakwah efektif untuk menjalankan syiar Islam secara meluas. Komunikasi interpersonal antara seorang ulama dengan jama'ahnya lebih di perkuat lagi dengan hadirnya media baru yang interaktif. Metode dakwah dapat dikatakan sebagai sebuah strategi ulama untuk membuat perencanaan yang matang dari praktek dakwah yang akan dijalankan untuk mencapai tujuan dakwah (Arifin 1984). Dengan metode dakwah bil hall yang mengarah kepada pembangunan masyarakat kehadiran ulama akan lebih dirasakan manfaatmya. Situasi pandemik telah memberikan dampak dari segala aspek kehidupan masyarakat. Sehingga peranan ulama mengambil peranan penting untuk menguatkan menguatkan dan membantu masyarakat sebih siap melewati krisis global. Penguatan akidah islam yang disampaikan ulama kepada masyarakat diharapkan memberikan kesan kepada masyarakat agar lebih siap melewati pandemik dengan berbagai perubahan kebiasaan baru. Secara teori masyarakat muslim bergantung kepada al-Quran dan hadis sebagai panduan hidup. Akidah yang kuat menjadi alasan yang kuat untuk bersabar menjalani setiap ujian kehidupan.

New Media

Keberadaan *Information and Communication Technologies* (ICT) sangat diperlukan untuk meredam gejolak yang terjadi sebagai dampak dari pandemik ini. Berawal pada tahun 90- an Lonjakan pengguna media baru terus mengalami meningkat. Siapa saja yang memiliki akses internet dibolehkan menggunakan media baru untuk berkomunikasi dan bertukar informasi dengan siapapun.

Media massa berperanan penting dalam mempengaruhi gaya kehidupan individu (Mustaffa, Ibrahim, Samani, & Rahim, 2017). Penggunaan media baru terus meluas dengan berbagai perbincangan yang dapat menambah pengetahuan baru, memperkaya dan mengembang kemampuan kognitif individu. Kepercayaan masyarakat terhadap ulama boleh dijadikan salah satu usaha meredam gejolak yang terjadi dikarenakan pandemik.

Usaha ulama menjadikan media baru sebagai medium dakwah diperkirakan sangat membantu mobilitas dakwah. Hanya saja masyarakat dituntut untuk lebih cerdas memastikan otoritas pesan yang konsumsi berasal dari sumber dan ahli agama yang terpercaya. Akurasi pemilik akun media baru perlu dipastikan untuk memastikan keberan informasi yang disediakan. Hal ini penting untuk menjaga otoritas sumber pesan yang akan dikonsumsi pada akun media baru tersebut (Gillmor, 2009).

Kajian empirikal menunjukkan bahwa penekanan harus diberi kepada akurasi pemilik akun. Otoritas pemilik akun lebih diperhitungkan dalam menilai kebenaran informasi yang disajikan dalam media baru (Collin & Brotcorne, 2019; Hargittai, 2010; Moll & Nielsen, 2016; Pettingill, 2006). Secara teori masyarakat awam masih kesulitan mendapatkan informasi yang akurat dan terpercaya melalui media baru terutamanya informasi yang disampaikan melalui laman media sosial. Metzger (2007) mengkategori otoritas informasi pada media baru kepada otoritas isi pesan dan sumber pesan. Otoritas pesan media baru dilihat dari kualitas yang disampaikan berasal dari sumber yang terkini dan terpercaya. Otoritas ulama disepakati Melalui Kesepakatan (Metzger, Flanagin & Zwarun, 2003).

Pengelolaan konten pesan pada media baru secara baik didukung dengan pilihan media yang tepat akan memberi manfaat kepada khalayak atau organisasi (Haddadi Harandi, Bokharaei Nia & Valmohammadi, 2018; Janhonen & Johanson, 2011). Penggunaan jaringan media yang beragam dengan perbincangan yang bersifat interaktif dengan khalayak dalam berbagai rangkaian sosial akan menghasilkan pengetahuan baru bagi pengguna media. Komunikasi yang interaktif akan memperkaya dan mengembangkan kemampuan kognitif individu. Media baru sebagai platform online media yang digunakan individu untuk membangun jaringan sosial lebih luas. Situasi ini tergambar dalam keragaman yang disajikan new media sebagai salah satu sumber informasi yang mudah diakses masyarakat.

Berdasarkan data yang dihimpun Nielsen di semester awal tahun 2020, penetrasi penggunaan media baru di Indonesia mencapai 80 persen. Sedangkan media mainstream seperti televisi di peringkat kedua dengan 77 persen. Semakin hari masyarakat semakin bergantung akan hadirnya new media. Masyarakat dibebaskan memilih ruang public sendiri untuk mendapatkan informasi terkini terkait Covid-19. Kehadiran komunitas virtual menjadi ruang public baru yang berfungsi sebagai saluran komunikasi paling tepat untuk mendapatkan berbagi informasi secara online (Surahman, 2018).

Berbagai aktifitas masyarakat hari ini telah dijalankan secara online. Situasi ini semakin meningkatkan kebergantungan terhadap digital era sehingga menghasilkan perubahan yang begitu cepat.

Metodologi

Penerapan metodologi kualitatif analisis konten seminar internasional dijalankan untuk menganalisis sejauh mana media baru dapat dijadikan sarana komunikasi ulama dalam menjalankan aktifitas dakwah sepanjang masa pandemik Covid. Wawancara secara mendalam kepada peserta seminar juga dijalankan untuk mengetahui sejauh mana peserta seminar memahami pentingnya persiapan aktifitas dakwah yang dijalankan dengan media baru. Wawancara ini juga

dijalankan untuk memastikan pesan dakwah dapat menambah ilmu keislaman khususnya dalam situasi pandemik.

Peneliti juga menganalisis materi strategi dakwah yang disampaikan panel pakar yang berasal dari tiga universitas di Malaysia, Brunei Darusalam dan Indonesia. Peneliti telah menyiapkan sejumlah koding siaran seminar online. Selanjutnya koding tersebut akan dianalisis secara deskriptif bersama hasil wawancara mendalam kepada peserta seminar online. Pemilihan sampel difokuskan kepada peserta seminar yang terlibat dalam interaktif seminar online. Tujuan pemilihan sampel ini adalah untuk memastikan otoritas pesan yang disampaikan panel telah sesuai dan dapat dipahami oleh responden peserta seminar. Peneliti perlu memastikan sejauh mana pentingnya kehadiran media baru dapat menjadi medium dakwah ulama pada masa pandemikCovid. Indikator sebenar yang diperlukan dalam menilai pentingnya strategi dakwah yang dijalankan dengan media baru dikenali melalui paparan pemateri seminar internasional dalam seminar online ini.

Pembahasan

Indikator interaktif dapat diukur dalam seminar online internasional bertajuk "Media dan Dakwah Online Pada Masa Pandemi". Ditekankan oleh masing-masing pemateri bahwa Dakwah islam harus terus dijalankan dengan bantuan media baru yang bersifat konvergensi. Sejatinya setiap negara memiliki pola komunikasi dakwah tersendiri sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang masing-masing negara.

Peneliti telah menyiapkan koding terhadap materi seminar yang disampaikan masing-masing panel di setiap negara. Lima koding dibentuk secara bersamaan untuk melihat sejauh mana metode dakwah online pada media baru dapat terlaksana di masing-masing negara sesuai dengan tujuan utama aktifitas dakwah yang berlangsung secara online. Diantara lima koding tersebut adalah: Dakwah, Interaktif, strategi dakwah, program dakwah dan media online. Hasil diskusi interaktif didapati bahwa ketiga negara telah menjalankan praktek dakwah secara online dengan berbagai strategi sepanjang pandemi.

Metode Dakwah Online di Malaysia

Di Malaysia dakwah interaktif telah dijalankan jauh hari sebelum terjadi pandemikCovid. Negara melakukan pengawalan terhadap aktifitas media baru semenjak tahun 1996. Seluruh aktifitas ICT telah diatur oleh negara penggunaannya. (wanhamizah 2017). Setelah masa pandemik kebergantungan dengan media baru dalam aktifitas dakwah di Malaysia semakin meningkat. Kekuatan sosial network dipandang sebagai salah satu strategi dakwah pada masa pandemi. Strategi dakwah melalui akun media siaran yang disiarkan secara online seperti youtube Instagram twitter memiliki pendekatan yang berbeda. Media baru

dengan aktifitas interaksi langsung akan memudahkan capaian dakwah secara menyeluruh. Konvergensi media baru memberikan peluang dakwah dapat tersebar lebih luas lagi.

Tingginya kebutuhan masyarakat dengan media baru menjadi tantangan tersendiri bagi ulama untuk merencanakan Strategi dakwah dapat berlangsung dengan efektif sesuai dengan jenis media baru yang digunakan. Dengan membina program-program dakwah dilengkapi dengan konten yang sesuai dengan situasi terkini akan memaksimalkan capaian dakwah tersebut. Bagaimanapun media online tidak bisa dipisahkan dari kehidupan masyarakat. Ulama perlu memperkaya pengetahuan dan mengikuti isu-isu terkini yang sedang hangat dibicarakan netizen. Informasi terkini dapat dijadikan pembahasan dalam siaran-siaran dakwah online yang disampaikan kepada masyarakat. Menentukan tema ataupun konten-konten dakwah edukatif dapat membantu masyarakat mendapatkan pencerahan bermanfaat sesuai dengan kaidah ajaran islam. Menjadi tanggungjawab moral seorang ahli agama untuk memastikan syiar islam disampaikan kepada masyakat dengan sumber-sumber kajian yang terpercaya.

Metode Dakwah di Brunei Darussalam

Dalam paparan seminar online "Media Baru dan Dakwah" oleh pakar Kolej Universiti Perguruan Ugama (KUPU) Brunei Darussalam menyampaikan banyak pengetahuan baru kepada responden peserta seminar. Melalui koding yang siaran peneliti mendapati bahawa Brunei Darussalam pada masa pandemikjuga menerapkan berbagai adaptasi kebiasaan baru. Penggunaan media baru di Brunei Darussalam juga mengalami peningkatan. Ulama memiliki tanggungjawab menjalankan aktifitas dakwah dengan menyiapkan materi dakwah yang sesuai dengan situasi terkini, Dakwah di Brunei Darussalam dirancang oleh pemerintah dengan menjadikan al-Quran sebagai panduan utama. Seperti yang dijelaskan dalam surat Ali-Imran ayat 104 bahawa 'Hendaklah di antara kamu ada yang menyeru kepada kebaikan (Dakwah) menyeru kepada kebaikan dan mencegah perbuatan mungkar, sesungguhnya beruntunglah mereka yang menyeru kepada kebaikan".

Dalam seminar online pemateri menjelaskan bahwa aktifitas dakwah harus dijalankan dengan menyusun perencanaan dengan mengikuti perkembangan situasi terkini. Ulama perlu memastikan kandungan dakwah penuh hikmah untuk masyarakatnya. Ulama wajib meletakkan sesuatu pada tempatnya sesuai dengan hukum islam. Menduga kemampuan Ulama dituntut untuk melakukan pendekatan dakwah kepada masyarakat dan memastikan pendekatan tersebut berkesan bagi khalayak. Situasi pandemikbukanlah alasan untuk menghentikan aktifitas dakwah. Kehadiran media baru dapat digunakan sebagai medium efektif bagi ulama menjalankan tugas dakwah.

Agenda dakwah di Brunei Darussalam lebih mengedepankan kepada penguatan mental masyarakat dalam menghadapi situasi pandemi. Bahwa setiap manusia akan diberikan ujian kehidupan sesuai dengan kesanggupannya. Kajian dakwah yang bersifat interaktif juga menjadi salah satu metode dakwah yang dijalankan ulama di media baru. Hanya saja pemerintah Brunei menganjurkan ulama untuk membuat rekaman siaran dakwah dengan tema-tema yang telah direncanakan dengan tujuan memberikan edukasi kepada masyarakat sepanjang aktifitas dakwah tidak belum bisa dilaksanakan secara tatap muka. Selanjutnya rekaman siaran dakwah tersebut disebarluaskan melalui media social. Pihak pemerintah Brunei juga melibatkan tokoh-tokoh masyarakat dalam agenda dakwah di masa pandemi. dengan mengirimkan rekaman siaran dakwah melalui media sosial.

Metode Dakwah di Indonesia

Akdemisi dari Fakultas Agama Islam Universitas Ibn Khaldun melalui diskusi ilmiah online berfokus kepada pemikiran islam yang perlu diluruskan sepanjang pandemik Covid. Hasil analsis deskriptif koding siaran seminar online didapati bahwa ulama mengambil peranan penting menjalankan aktifitas dakwah edukatif di masa pandemik Covid. Ulama perlu mempertimbangkan konten siaran dakwah yang dijalankan dengan bantuan media baru. Kehadiran media baru yang interaktif juga berpeluang kepada hadirnya penyimpangan pemahaman radikal yang menyimpang dari ajaran islam. Situasi ini yang perlu diselamatkan ulama.

Kehadiran media baru dapat menjadi medium yang edukatif untuk masyarakat muslim menguatkan akidah yang lurus sesuai dengan tuntunan islam. Program-program edukatif yang disajikan melalui media baru perlu direncanakan dengan menyiapkan metode dakwah interaktif. Aktifitas dakwah yang mendapat respon langung dari jama'ah akan memudahkan ulama untuk meluruskannya.

Pengkaji melihat bahwa seluruh panel seminar online telah dipercayai mempunyai pengetahuan teknikal dan latar belakang dari segi ajaran Islam dan konteks penggunaan media baru sebagai sarana dakwah dimasa pandemi. Setiap sesi paparan yang disampaikan pemateri dijalankan secara interaktif sehingga mendapat respon yang sangat baik dari 133 peserta seminar online yang terlibat dalam aplikasi zoom meeting tersebut. Masing-masing pemateri menyampaikan paparannya selama dua puluh menit.

Selanjutnya, secara deskriptif dari lima koding siaran seminar online yang dijalankan disimpulkan bahwa masing-masing negara tetap menjalankan aktifitas dakwah dengan bantuan media baru sebagai sarana dakwah. Siaran dakwah yang interaktif dilihat sebagai aktfitas dakwah yang berhasil dijalankan sehingga mendapat respon positif dari masyarakat.
Selanjutnya hasil survei dengan bantuan kuisioner yang telah disebar kepada responden didapati bahwa peserta seminar memiliki minat yang tinggi terhadap

metode dakwah ketiga pemateri seminar internasional. Sebanyak 66,7 % peserta sangat tertarik dengan tema yang dipilih dalam kegiatan seminar online ini. Peserta seminar juga memiliki minat yang sangat tinggi untuk terlibat melalui pertanyaan kepada pemateri. Interaktif yang berlangsung antara pemateriu dan peserta seminar menunjukkan besarnya keinginan peserta seminar untuk mengetahui strategi dakwah efektif sepanjang pandemik. Kemudian untuk pernyataan selanjutnya peserta memahami bahwa dakwah tetap harus dilakukan walaupun masa pandemik dengan memanfaatkan berbagai media yang ada. Penelitian ini juga mendapati bahwa aktfitas dakwah memerlukan program-program inovatif yang mengangkat isu terkini. Dengan program dakwah interaktif dan penyampaian yang inovatif efektifitas dakwah akan lebih maksimal pencapaiannya. Kepercayaan masyarakat kepada ulama akan semakin kuat seiring dengan usaha ulamat melakukan pendekatan kepada masyarakat. pada pertanyan selanjutnya peserta lebih menyukai jika pembahasan seminar dibahas secara umum. Sehingga dapat menambah wawasan
peserta.

Penyelidikan metode dakwah online dimasa pandemik yang dijalankan melalui media sosial kurang efektif dibandingkan dengan siaran langsung melalui media baru yang disiarkan secara live. Aktifitas dakwah online yang interaksi berpeluang untuk mendapatkan informasi yang tepat dari sumber yang tepat. Interaktif yang dibangun dalam siaran dakwah juga dapat membangun kedekapan antara ulama dengan masyarakat sehingga upaya penguatan mental masyarakat akan lebih mudah tercapai. Sebaliknya, dalam wawancara mendalam ditemukan otoritas informasi dalam media social tidak sepenuhnya dapat dipercayai. Penerapan konsep komunikasi interaktif sulit terwujud apabila sumber akun informasi dakwah tidak terpercaya. Untuk siaran interaktif yang tidak mendapat respon dari khalayak, maka siaran tersebut tidak dapat dikatakan sebagai aktifitas dakwah yang memberikan manfaat kepada masyarakat. pembangunan diperlukan semua pihak untuk menjalankan adaptasi kebiasaan baru.

Program komunikasi adaptif perlu dirancang untuk keberlangsungan komunikasi dakwah di masa depan khususnya untuk aktifitas dakwah yang dijalankan melalui media baru. Sehingga upaya pembangunan umat tetap terus terlaksana meskipun dalam situasi yang sulit. Dugaan akan besarnya peranan media baru dalam memulihkan kepercayaan masyarakat dapat melewati krisis global ini dengan selamat memerlukan strategi dan perencanaan konten pesan yang lebih terencana. Keterlibatan semua pihak terutamanya pemerintah sangat diperlukan agar kekuatan ulama dalam menjalankan tugas dakwah mendapatkan dukungan.



Model strategi komunikasi dakwah pada media baru.

Ilustrasi began di atas dapat dijelaskan bahawa produksi siaran dakwah memerlukan persiapan yang matang. Setiap konten dakwah merupakan informasi penting dengan tujuan syiar Islam kepada masyarakat. Persiapan yang terencana akan memudahkan proses distribusi pesan dakwah kepada khalayak. Konten siaran dakwah dengan perencanaan yang matang akan menjadi ukuran keberhasilan syiar dakwah disampaikan.

Setelah syiar dakwah dijalankan diperlukan maklum balas dari peserta kajian. Kritik membangun akan membantu ulama memperbaiki dan mempersiapkan konten-konten dakwah yang lebih inovatif untuk pembangunan umat di masa depan.

Peran Media Baru Dalam Adaptasi Tatanan Baru Untuk Keberlangsungan Dakwah

Serangan virus Corona memaksa masyarakat dunia beradaptasi dengan berbagai kebiasaan baru dalam menjalankan aktifitas. Kehadiran media baru setidaknya telah membantu masyarakat agar dapat saling terhubung dan berbagi informasi positif. Media baru hari ini juga dijadikan sarana untuk interaksi sosial mencarikan solusi kolektif dari berbagai masalah Didem Ozkul 2019.

Situasi hari ini memang memaksa setiap orang untuk berinteraksi secara online. Pertemuan tatap muka yang dulu terasa biasa saat ini telah mengalami perubahan besar aktifitas sosial masyarakat. Seluruh aktifitas virtual menjadi hal biasa digunakan untuk keberlangsungan kehidupan. Situasi pandemikmenunjukkan bahwa akses internet menjadi salah satu solusi interaksi sosial dapat terus berlangsung.

Masyarakat digital wujud sebagai bentuk dari “pe-label-an”. Formasi sosial baru yang merupakan dampak dari perkembangan teknologi komunikasi. Masyarakat

digital bergantung pada *computer mediated communication (CMC)*, seperti instagram, twitter, facebook, email, blog, vlog, youtube, dan lainnya, dalam menumpahkan berbagi pemikiran atau informasi secara instan yang tidak lagi dibatasi jarak, ruang, dan waktu. Masyarakat digital hari ini bertindak sebagai produsen informasi, distributor informasi, dan juga sekaligus menjadi konsumen informasi itu sendiri.

Fungsi media sebagai salah satu alat dalam komunikasi pembangunan umat perlu menunjukkan peranannya secara tegas dalam mengawal situasi krisis ini dengan selamat. Peranan media menjadi sangat vital dalam situasi ini. Media wajib memberikan asupan informasi yang bersifat edukasi dan ajakan menyesuaikan diri dalam situasi pandemi. Ketika masyarakat digital berkeluh kesah dengan situasi yang ada, artinya media dituntut untuk menyediakan keperluan informasi secara cepat. Situasi ini yang perlu dicermati semua pihak untuk lebih aktif mengajak masyarakat meningkatkan kewaspadaan agar terhindar dari wabah ini.

Berdasarkan data Nielsen 2020, penetrasi media sosial mencapai angka 80 persen sedangkan televisi berada pada angka 77 persen. Data ini menunjukkan tingginya minat masyarakat digital untuk mengakses informasi secara online. Media baru memiliki peranan utama dalam situasi krisis pada hari ini. Secara umum media memiliki fungsi sebagai komunikasi massa dalam pembangunan negara. Kehadiran media baru justru memperkuat fungsi media sebagai alat pembangunan negara dan masyarakatnya.

Efektivitas Media Baru Sebagai Ruang Publik yang Positif

Terdapat tiga peranan penting media yang harus dipraktekkan dalam pembangunan negara. Pertama, media memiliki peran yang bersifat *persuasive* yang mensosialisasikan hingga mengkritisi kebijakan pemerintah. Kedua, media juga dituntut cermat dalam menyikapi kebijakan yang akan diterapkan, mengkiritisi yang membangun menjadi hal wajib di tanam kepada pelaku media. Ketiga, media wajib menyediakan informasi yang membangkitkan kesadaran sosial, pemberitaan yang meningkatkan rasa optimisme sehingga menumbuhkan rasa percaya diri masyarakat di tengah kehidupan era baru ini.

New Normal dinarasikan pemerintah menjadi 'Adaptasi Kebiasaan Baru' bagi masyarakat untuk dapat menjalankan aktifitas. Bagaimanapun Pandemikmenyerang dunia, kehidupan harus terus dijalankan, sehingga diperlukan strategi yang bijak dan selamat untuk dapat bekerja, belajar dan beraktivitas dengan produktif di era PandemikCovid-19. Sejak PandemikCovid-19 menyerang masyarakat dunia, terdapat tiga periode sehingga sampai kepada tahapan new normal. Pertamanya adalah proses adaptasi, masyarakat mulai menjalankan proses ini untuk memutus mata rantai penyebaran Covid dilingkungan mereka. Mulai dari kebersihan, kebiasaan mencuci tangan maupun menjaga jarak. Setelah proses adaptasi dijalankan, muncullah reaksi yang

mengharuskan adanya berbagai inovasi agar masyarakat tetap taat terhadap aturan yang ditetapkan. Inovasi dijalankan sebagai upaya agar masyarakat berdisiplin dalam menjalankan kebiasaan hidup sehat dan menjadikannya norma baru dalam kehidupan sehari-hari. Proses adaptasi harus disikapi secara proporsional. Pemerintah perlu mencermati dan mencari formula yang tepat dalam upaya memanfaatkan hadirnya fungsi media baru sebagai sarana edukasi efektif untuk masyarakat sepanjang pandemik ini (Danrivanto, 2020).

New Media Sebagai Medium Edukasi Masyarakat

Karakteristik media baru yang edukatif di masa pandemik ini adalah media yang mampu menjadi ruang publik positif untuk khalayak. Selain memperhitungkan konten sebagai informasi yang disajikan kepada khalayak, digital media juga perlu menciptakan ruang interaktif yang positif sehingga berdampak kepada kehidupan sosial masyarakat yang positif juga. Adaptasi perlu dilakukan dengan menjalankan simulasi-simulasi virtual untuk mencari dan kemudian berhasil merancang konten positif dalam sajian informasi untuk khalayak.

Ketika masyarakat mendapatkan kepuasan dari interaksi media yang dijalankan, pada masa yang sama media mampu memberikan energi positif kepada khalayak (Wemmer, 2005). Teori yang Uses Gratification ini masih berlaku untuk dapat mengukur sejauh mana tingkat kepuasan khalayak dalam menggunakan media. Membangun strategi komunikasi yang berimpak dalam konten media akan memberikan dampak postif kepada khalayak. Bagaimanapun media dibangun atas dasar kepentingan, ketika media mampu memenuhi kebutuhan informasi maka pengaruh media tersebut akan dirasakan oleh khalayak.

Kondisi global hari ini telah menggeser perilaku sosial masyarakat yang biasa dijalankan dengan tatap muka berubah menjadi online. Masyarakat semakin bergantung kepada kehidupan digital dalam segala aspek kehidupan. Situasi ini mendesak media massa untuk mampu merancang konten-konten edukasi yang diperlukan masyarakat dalam menjalan kehidupan *new normal*. Perubahan sosial sebagai dampak dari pandemik telah menjadikan masyarakat dunia bergantung terhadap media digital untuk memenuhi kebutuhan informasi khalayak.

Media baru bertugas harus menjalankan fungsinya mendampingi masyarakat menjalankan tatanan baru kehidupan masyarakat ke arah yang lebih baik lagi. Pandemik ini menuntut media digital untuk menyediakan ruang publik yang interaktif dan edukatif mengolah pesan maupun konten-konten yang diperlukan khalayak. Sehingga diharapkan kehadiran media baru dapat lebih memberikan manfaat kepada keberlangsungan pembangunan negara.

Kesimpulan

Hasil diskusi interaktif pada seminar internasional “Media dan Dakwah Online” didapati bahwa ketiga negara Malaysia, Brunei Darussalam dan Indonesia telah

menjalankan praktek dakwah secara online dengan berbagai strategi pada media baru. Secara umum aktifitas dakwah dijalankan dengan metode interaktif bersama media baru telah memberikan kesan positif terhadap responden peserta seminar. Responden peserta seminar online mendapatkan pesan dakwah melalui media baru yang disajikan sepanjang pandemik. Melalui soal selidik yang disebar kepada 133 peserta didapati bahawa secara umumnya responden yang mengakui seminar banyak bergantung kepada media online untuk mendengarkan kajian Islam terkini sepanjang masa pandemik.

Keberadaan media baru sebagai ruang *public* yang positif perlu dijadikan rujukan bagi semua pihak untuk bersama-sama merancang dan menyajikan konten informasi edukatif yang bermanfaat bagi orang banyak. Diharapkan dengan edukasi yang baik masyarakat dapat menggunakan media baru sebagai salah satu sarana interaksi sosial yang lebih bermakna di masa depan.

Rujukan

Badrul Redzuan 2015. The governance of broadcasting industry in malaysia and indonesia: through the eyes of media regulators. Geogafira Online TM Malaysian Journal

Didem Özkul 2019. Placing Mobile Ethnography Mobile Communication as a Practice of Place Making: London:

https://www.nielsen.com/id/en/press-releases/2020/Covid-19-and-its-impact-on-the-media-consumption-trend/

Wimmer, R. D., & Dominick, J. R. 2005. Mass Media Research: An Introduction. California:

https://www.unpad.ac.id/2020/06/normal-baru-dibayangi-ancaman-kolonialisme-digital/

Ruzian Marcom 2019. Literasi Perundangan Media Baharu dalam Kalangan Belia. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication

Kairul Anwar 2019. Indikator Kewibawaan Maklumat Islam di Media Sosial. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication

Suraya 2019. Radicalism on Teens As The Effect of Digital Media Usage. *Malaysian Journal of Communication*

Wan Hamizah 2017. Media Baharu dan Institusi Raja di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-raja di Media Sosial. *Malaysian Journal of Communication*

Penulis:

Dewi Anggrayni
Universitas Ibn Khaldun, Bogor (UIKA)
Emel: dewi.anggrayni@uika-ac.id

MAQRA'AH "ONLINE": MEMANFAATKAN TEKNOLOGI SEBAGAI PLATFORM DAKWAH

Dr Ahmad Baha' Mokhtar & Dewi Erika Samidi

Abstrak

Maqra'ah yang bermaksud platform untuk membaca al-Quran telah wujud sejak awal penurunan al-Quran. Di dalam sejarah Islam, antara sebab tersampainya al-Quran pada umat Islam pada hari ini adalah hasil dari penubuhan sejumlah besar maqra'ah, bagi memastikan agar tradisi mempelajari al-Quran dan mengajarkannya tidak terhenti. Dengan teknologi kini, maqra'ah boleh diperkembangkan lagi bukan sahaja seperti tradisi dahulu, tetapi boleh dilaksanakan secara 'online', lebih-lebih lagi dalam situasi wabak Covid-19. Namun begitu, tradisi maqra'ah 'online' ini dilihat masih belum berkembang di sekitar Nusantara. Kajian ini bermatlamat untuk memperkenalkan kembali tradisi ini di samping memanfaatkan teknologi yang ada pada masa kini. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan meneliti sejarah perkembangan maqra'ah dan cara pengaplikasiannya. Antara dapatan kajian adalah penubuhan maqra'ah 'online' di negara-negara Arab serta metode yang digunakan dapat dijadikan sebagai contoh bagi masyarakat Islam di sekitar Nusantara. Secara tidak langsung, usaha ini diharapkan dapat membuka peluang yang lebih luas untuk masyarakat Islam mempelajari al-Quran secara berterusan tanpa batasan.

Kata kunci: Maqra'ah Online, Teknologi Sebagai Platform Dakwah, Penubuhan Maqra'ah Online di Nusantara, Belajar dan Mengajar al-Quran Tanpa Batasan

Pendahuluan

Al-Quran merupakan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui Malaikat Jibril a.s sebagai panduan bagi umat Islam sehingga akhir zaman. Ayat pertama yang diturunkan adalah "اقرأ" yang bermaksud "bacalah" menjadi isyarat bahawa al-Quran perlu diulang-baca sehingga mampu memberi kesan kepada jiwa.

Keseluruhan proses penurunan al-Quran adalah secara musyafahah dan berperingkat selama 23 tahun kepada Rasulullah SAW. Pada awal penurunan wahyu, umat Islam telah berkumpul di sebuah rumah milik al-Arqam bin Abi al-Arqam. Di situlah baginda SAW mengajarkan al-Quran kepada sahabat-sahabat untuk dihafal, diamalkan dan juga disampaikan kepada umat Islam yang lain. Rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam al-Makhzumi yang terletak di bukit al-Sofa secara tidak langsung menjadi Maqra'ah pertama setelah kedatangan Islam.[12] Setelah Islam semakin berkembang, Rasulullah SAW telah menghantar beberapa sahabat baginda SAW ke luar kota untuk mengajarkan al-Quran. Antaranya adalah

[12] al-Mubarakfuri, Sofiyyurrahman. (2016). *Al-Raheeq al-Makhtum: Seerah Lengkap Muhammad SAW*. Penterjemah: Mohd Darus Senawi. Malaysia: Pustaka Buku Putih, m.s 79.

Mus'ab bin Umair r.a, yang telah ditugaskan untuk menyampaikan ajaran al-Quran kepada penduduk Islam di Madinah. Ini juga menjadi isyarat bahawa tempat pembacaan al-Quran adalah sebuah keperluan dan tidak seharusnya dikhususkan pada satu kawasan sahaja kerana pembelajaran al-Quran itu sendiri adalah sebuah proses yang panjang, maka usaha untuk menyampaikannya perlu diperkembangkan agar tujuan utamanya dapat dicapai iaitu menyebarkan ajaran al-Quran di samping memastikan ketulenan ayat-ayat al-Quran kekal terjaga. Antara sabda Rasulullah SAW yang menekankan tentang kepentingan al-Quran sebagaimana yang disebutkan oleh Sayyidina Uthman bin Affan r.a:

"خيركم من تعلم القرآن وعلمه"[13]

Yang bermaksud: "Sebaik-baik kamu adalah yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya".

Di samping itu juga, sirah tentang Rasulullah SAW memperdengarkan ayat-ayat al-Quran kepada malaikat Jibril a.s sekali pada setiap tahun di bulan Ramadhan dan dua kali sebelum kewafatan baginda SAW menjadi bukti bahawa hafazan al-Quran perlu diulang dan disemak, tidak terhenti setelah mengkhatamkannya. Dikatakan bahawa Jibril turun ke bumi mendatangi Nabi Muhammad untuk bertadarus al-Quran bersamanya:

(عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ وَكَانَ أَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنْ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ)[14]

Dari Ibnu Abbas berkata, "Rasulullah SAW adalah manusia yang paling lembut terutama pada bulan Ramadhan ketika malaikat Jibril As menemuinya, dan adalah Jibril mendatanginya setiap malam di bulan Ramadhan, di mana Jibril mengajarkannya Al-Quran. Sungguh Rasulullah SAW orang yang paling lembut daripada angin yang berhembus".

Sebelum kewafatan Rasulullah SAW pula, baginda SAW telah bersabda:

(تركتُ فيكم أمرين لن تضلُّوا ما تمسَّكتم بهما: كتاب الله، وسُنَّة رسوله)[15]

Yang bermaksud: "Aku tinggalkan kepadamu dua perkara yang mana kamu tidak akan sesat jika kamu berpegang kepadanya, iaitu kitabullah (al-Quran) dan sunnah Rasulullah SAW". Melalui hadis ini, dapat difahami bahawa al-Quran adalah panduan bagi umat Islam. Kerana itu, adalah satu kewajipan untuk

[13] Riwayat Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab Fadhail al-Quran. Bab Khairukum Man Ta'allama al-Quran Wa 'Allamahu. Hadith no. 5027 (66).

[14] Riwayat Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab al-Saum. Bab Ajwada Ma Kana al-Nabi Sallallahu 'Alaihi Wa Sallama Yakunu Fi Ramadhan. Hadith no. 1902 (30)

[15] Riwayat Malik bin Anas. *al-Tamhid Li Ma Fi al-Muwatto' Min al-Asanid Wa al-Ma'ani*. Bab Balaghat Malik Wa Mursalatihi. Hadith no. 1661.

mempelajarinya agar dapat memahami apa yang disampaikan dan seterusnya dapat berpegang kepadanya.

Setelah kewafatan baginda SAW, tugas menyampaikan ayat-ayat al-Quran dipikul oleh sahabat dan tabi'in yang juga mengutamakan penyampaian secara musyafahah. Disebutkan dari Muslim bin Misykam:

"قال لي أبو الدرداء: اعدُدْ مَن يقرأ عندي القرآن. فعددتُهم ألفاً وستمائة ونيفاً، وكان لكل عشرة منهم مقرئ، وكان أبو الدرداء يطوف عليهم قائماً يستفتونه في حروف القرآن، فإذا أحكم الرجل منهم تحول إلى أبي الدرداء".[16]

Maksudnya: "Abu Darda' telah berkata kepadaku: Hitunglah siapa yang membaca al-Quran denganku. Maka aku menghitung kesemuanya berjumlah lebih daripada seribu enam ratus, dan setiap sepuluh orang dibimbing oleh seorang muqri'. Abu Darda' akan pergi mengelilingi mereka untuk menjawab pertanyaan mereka tentang bacaan al-Quran. Sesiapa yang telah mahir ia akan dipindahkan ke halaqah Abu Darda'."

Diriwayatkan juga bahawa Abu Darda' r.a berkhidmat mengajar al-Quran selama 20 tahun sehingga wafat.[17] Hasil dari kesungguhan para sahabat dan tabi'in, al-Quran yang telah sampai kepada umat Islam pada hari ini sama seperti yang diturunkan kepada Rasulullah SAW dan tidak tertukar sedikit pun walau telah lebih 1400 tahun berlalu.

Tradisi ini seperti ini (Abu Darda') telah dilakukan oleh para sahabat yang lain. Kemudian di sambung oleh tabi'in hingga ke hari ini. Halaqah-halaqah tempat belajar al-Quran ini dikenali di sebahagian negara Islam sebagai "Maqra'ah", bermaksud tempat pembacaan al-Quran. Contohnya di Mesir, tidak kurang daripada 12 ribu maqra'ah yang dipayungi oleh seorang Syeikh al-Maqari'.[18] Dengan perkembangan zaman, maka telah muncul maqra'ah secara online. Kepentingan maqra'ah online ini menjadi bertambah penting apabila dunia dilanda oleh pandemik yang memerlukan semua mematuhi penjarakan dan pengumpulan. Maka salah satu daripada cara yang paling efektif bagi kesinambungan pengajaran dan pembelajaran al-Quran adalah diteruskan menggunakan teknologi moden. Maqra'ah online ini dilihat banyak membawa manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

---

[16] Muqbil Mujbari, Abdul Salam. (t.t). *Idzhab al-Huzn Wa Syifa al-Sadr al-Saqim*. Kaherah: Dar al-Iman. M.s 396.

[17] Muhammad al-Haqil, Ibrahim. (29.09.2011). *Halaqat Tahfiz al-Quran al-Karim. Al-Bayan*. http://albayan.co.uk/Article2.aspx?id=1433 dilayari pada 07.10.2020

[18] Laman Sesawang Wikipedia: https://ar.wikipedia.org/wiki/%D9%85%D8%B4%D9%8A%D8%AE%D8%A9_%D8%B9%D9%85%D9%88%D9%85_%D8%A7%D9%84%D9%85%D9%82%D8%A7%D8%B1%D8%A6_%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%B5%D8%B1%D9%8A%D8%A9 dilayari pada 6.10.2020

Maqra'h 'Online' Yang Telah Ditawarkan

Terdapat beberapa maqra'ah yang ditubuhkan bahkan sebelum dunia dilanda pandemik. Setiap Maqra'ah mempunyai sistem yang pelbagai tetapi semuanya mempunyai matlamat utama yang sama iaitu menyediakan platform bagi masyarakat untuk menuntut ilmu khususnya ilmu yang berkaitan dengan al-Quran. Penulis telah meneliti 6 laman sesawang yang telah menawarkan program Maqra'ah online seperti berikut:

Jadual 1

Nama-nama Maqra'h Online yang telah ditawarkan

Nombor	Nama Program Maqra'h online
1.	Al-Maqra'ah al-Iliktruniyyah
2.	Maqra'ah Wast al-'Alamiyyah
3.	Al-Maqra'ah al-Iliktruniyyah Palestine
4.	Al-Maqra'ah al-Hatifiyyah
5.	Al-Maqra'ah al-Iliktruniyyah al-Nisaiyyah
6.	Maqra'ah al-Haramain

Laman maqra'ah yang disenaraikan di atas adalah maqra'ah "online" yang ditubuhkan di negara-negara Arab seperti Kerajaan Saudi dan Palestin. Walaupun setiap maqra'ah mempunyai metode dan cara pengaplikasian yang tersendiri, kesemuanya mempunyai matlamat yang sama iaitu menyediakan platform bagi masyarakat mempelajari al-Quran secara umumnya dan menjadikan teknologi sebagai salah satu jalan untuk mengajak masyarakat untuk membaca dan menghafal al-Quran secara khususnya.

1. **Al-Maqra'ah Al-Iliktruniyyah[19] (**المقرأة الالكترونية**)**

Maqra'ah "online" yang dinamakan sebagai "Al-Maqra'ah Al-Iliktruniyyah" ini ditubuhkan oleh Kerajaan Saudi. Ia telah beroperasi sejak 7 tahun lalu bermula pada tahun 1435 Hijriyah. Maqra'ah ini menawarkan dua program utama iaitu program bacaan al-Quran dan juga program hafazan al-Quran. Pelajar boleh memilih antara sepuluh qiraat untuk kedua-dua program tersebut kerana setiap tenaga pengajar dari maqra'ah ini adalah guru profesional dan bersanad. Bagi program hafazan, pelajar boleh memilih untuk memulakan hafazan dari Surah al-Fatihah atau Surah al-Nas. Setiap program dibuka untuk lelaki, wanita dan juga kanak-kanak. Maqra'ah ini adalah ia dijalankan secara sepenuh masa iaitu lima atau enam hari seminggu, dan menetapkan hari Jumaat sebagai hari cuti. Tambahan, setiap hari dibahagikan kepada dua sesi dan pelajar hanya diminta untuk hadir dan memperdengarkan bacaan atau hafazan pada salah satu sesi

[19] https://maqraa.islamacademy.net/about_us.php dilayari pada 29.09.2020

sahaja. Dan setiap kelas pula dibahagikan mengikut halaqah dan pelajar boleh memilih halaqah mengikut waktu yang bersesuaian dengan pelajar. Antara keunikan maqra'ah ini adalah ia meletakkan undang-undang yang ketat bagi memastikan misi maqra'ah ini ditubuhkan tercapai.

Antara undang-undang yang ditetapkan adalah pelajar tidak boleh tidak hadir atau tidak memperdengarkan bacaan lebih dari 5 kali setiap bulan. Jika terdapat alasan yang munasabah, pelajar perlu menghantar surat sebagai bukti, sama seperti sistem-sistem yang ditetapkan oleh pusat akademik. Jika pelajar melanggar undang-undang tersebut, pendaftaran pelajar tersebut di dalam maqra'ah akan dibatalkan. Pelajar boleh memilih untuk membaca atau menghafal antara tiga cadangan yang diberikan iaitu setengah muka surat, satu muka surat atau dua muka surat pada setiap pertemuan. Walaupun bahasa komunikasinya adalah bahasa Arab, laman web direka mempunyai lima pilihan iaitu bahasa Arab, bahasa Inggeris, bahasa Rusia, bahasa Indonesia dan juga bahasa Perancis agar ia bersesuaian untuk rujukan masyarakat antarabangsa.

2. Maqra'ah wast al-'Alamiyyah[20] (مقرأة وسط العلمية)

Maqra'ah "online" yang dinamakan sebagai "Maqra'ah wast al-'Alamiyyah " ini menawarkan kelas bacaan dan hafazan al-Quran, hadis dan matan-matan lain. Seperti Al-Maqraah Al-Iliktruniyyah, program ini juga dibukakan untuk lelaki, wanita dan kanak-kanak. Namun begitu, kesemua slot telah penuh ketika kertas kerja ini ditulis. Kemungkinan, ini kerana maqra'ah ini hanya terdapat dua tenaga pengajar seperti yang ditulis di dalam laman sesawang. Antara keunikan maqra'ah ini adalah program mengulang al-Quran juga ditawarkan sebagai platform bagi sesiapa yang berminat untuk terus dipantau dalam mengulang al-Quran walaupun telah mengkhatamkan hafazan. Antara keunikan lain yang ada dalam maqra'ah ini adalah ia tidak dikhususkan pada pembelajaran al-Quran, tetapi pelajar boleh memilih untuk menghafal hadis dan juga matan-matan ilmiah yang lain. Program ini tidak terkhusus kepada halaqah seperti sebelumnya, maqra'ah ini juga membuka pilihan bagi sesiapa yang ingin memperdengarkan bacaan atau hafazan al-Quran secara individu. Kesemua kelas dijalankan melalui aplikasi Skype. Sepanjang maqra'ah ini ditubuhkan, maqra'ah ini telah menerima 143 pelajar bersamaan 31 negara, dan kebanyakan pelajarnya berasal dari Afghanistan. Bahasa komunikasi bagi maqraah ini adalah bahasa Arab, bahasa Inggeris dan juga bahasa Afghanistan.

Al-Maqra'ah Al-Iliktruniyyah Palestine[21] (المقرأة الالكترونية فلسطين)

Maqra'ah yang diasaskan oleh Darul Quran dan Sunnah Palestin ini menawarkan pelbagai program ilmiah dan berhasrat menjadikan ia sebagai platform

[20] https://al-maqraa.com/ dilayari pada 29.09.2020

[21] http://daralquran.ps/ar/index.php?act=project&id=55 dilayari pada 30.09.2020

pembelajaran antarabangsa. Antara program yang ditawarkan adalah pembelajaran surah al-fatihah dari segi bacaan, hafazan dan tafsir, memperhalusi bacaan al-Quran, program bacaan qiraat berserta matannya dan juga talaqqi beberapa kitab. Pembelajaran online menggunakan Zoom bagi talaqqi kitab dan Skype bagi hafazan dan tilawah al-Quran. Kesemua program yang ditawarkan dibuka untuk semua peringkat umur, bagi lelaki dan juga wanita. Antara keunikan maqra'ah ini adalah semua kelas ditawarkan percuma dan sijil akan diberikan setelah lulus ujian daurah yang didaftar. Walaupun ia dibuka untuk antarabangsa, antara syarat untuk mengikuti program-program yang ditawarkan maqra'ah ini adalah pelajar hendaklah mengetahui bahasa Arab yang asas agar pelajar dan guru dapat berkomunikasi dengan baik. Ini bermakna, bahasa komunikasi yang digunakan hanya bahasa Arab.

3. Al-Maqra'ah Al-Hatifiyyah[22] (المقرأة الهاتفية)

Maqra'ah ini juga ditubuhkan oleh Kerajaan Saudi. Ia telah dijalankan secara online sejak tahu 2017. Pada awal pertubuhan Al-Maqra'ah Al-Hatifiyyah, ia hanya dibukakan untuk wanita. Sementara untuk lelaki, mereka hanya menawarkan kelas-kelas secara bersemuka. Setelah mendapat sambutan, mereka telah menawarkan kelas online untuk lelaki dan juga wanita. Maqra'ah dijalankan secara sepenuh masa iaitu lima hari setiap minggu bermula hari ahad. Maqra'ah ini menjadikan aplikasi Sykpe dan Whatsapp. Butiran secara lengkap tidak ditulis di dalam maqra'ah ini. Walaubagaimanapun, maqra'ah ini sangat aktif menyampaikan makluman terbaru melalui aplikasi Instagram. Melalui penelitian, maqra'ah ini menerima pendaftaran secara bulanan. Biasanya, beserta wanita lebih ramai dari peserta lelaki pada setiap pendaftaran. Bahasa komunikasi yang digunakan oleh maqra'ah ini adalah bahasa Arab.

4. Al-Maqra'ah Al-Iliktruniyyah al-Nisaiyyah[23] (المقرأة الالكترونية النسائية)

Maqra'ah online yang ditubuhkan oleh Taif ini dijadikan sebagai platform untuk membantu suri rumah, para asatizah dan juga pekerja agar terus mendapat peluang untuk memenuhi masa dengan mempelajari ilmu-ilmu al-Quran. Maqra'ah ini membuka pilihan sama ada membaca atau menghafal secara individu bersama guru ataupun secara berkumpulan. Antara keunikan maqra'ah ini adalah ia dikhususkan untuk wanita sahaja, sama ada wanita dewasa dan juga para ibu untuk menghafal dan memperhalusi bacaan al-Quran, tanpa perlu berada di tempat yang sama. Walaupun yang demikian, maqra'ah ini masih menawarkan program-program tersebut kepada warganegaranya iaitu Taif dan juga yang berdekatan dengannya kerana mereka hanya menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi mereka.

[22] https://www.gts.org.sa/route.php?module=n&action=s&id=122 dilayari pada 30.09.2020
[23] https://lqs.org.sa/product/quranoncellphone/ dilayari pada 30.09.2020

5. Maqra'ah Al-Haramain[24] (مقرأة الحرمين)

Maqra'ah ini berpusat di Haramain dan dibukakan untuk sesiapa yang menziarahi Haramain dan juga luar negara melalui online. Ia juga menawarkan sesi untuk talaqqi, hafazan dan murajaah al-Quran berserta sanad serta talaqqi kitab-kitab termasuk matan-matan hadis seperti beberapa maqra'ah online yang lain. Terdapat tiga kategori bagi maqra'ah ini iaitu halaqah bagi lelaki, wanita secara individu dan juga wanita secara berkumpulan. Antara keunikan maqra'ah ini adalah sesi dibuka setiap masa secara harian selagi ada slot yang masih kosong. Peserta boleh memilih slot yang sesuai untuk diikuti tanpa had dan tiada undang-undang ditetapkan untuk memberi peluang kepada sesiapa yang ingin mengisi masa mereka dengan mempelajari al-Quran. Maqra'ah ini menggunakan aplikasi Zoom untuk setiap sesi yang ditawarkan. Walaupun bahasa yang digunakan adalah bahasa Arab atau bahasa Inggeris dan dibukakan untuk warganegara dan juga luar negara seperti yang disenaraikan di dalam ruang pendaftaran, belum ada lagi peserta dari Nusantara. Setakat ini, hanya terdapat enam negara yang menyertai maqra'ah ini. Antaranya adalah dari Kerajaan Saudi, Mesir dan juga Jordan.

Kesimpulan

Tanggungjawab mempelajari al-Quran dan mengajarkannya perlu diteruskan. Jarak tempat dan masa tidak lagi menjadi masalah. Kerana melalui online, siapa sahaja boleh belajar dengan siapa yang diinginkan diseluruh dunia. Ini akan membuka peluang pembelajaran yang amat besar. Para pelajar boleh memilih jenis-jenis maqra'ah yang bersesuaian dengannya. Di dalam kertas kerja ini, penulis telah memilih beberapa maqra'ah yang telah tersedia secara online. Semoga dengan pendedahan ini akan lebih menggalakkan berkembangnya maqra'ah di negara kita dan sekitarnya. Walaubagaimanapun, dicadangkan bahawa maqra'ah-maqra'ah yang akan ditubuhkan perlu berada di bawah satu pemantawan oleh ulama yang pakar dalam bidang pembacaan al-Quran sebagaimana yang telah disebut tentang Abu Darda' sebelum ini. Sebaiknya maqra'ah-maqra'ah dilantik seorang Syeikh al-Maqari' sebagaimana dilaksanakan di Mesir.

Rujukan

al-Mubarakfuri, Sofiyyurrahman. (2016). Al-Raheeq al-Makhtum: Seerah Lengkap Muhammad SAW. Penterjemah: Mohd Darus Senawi. Malaysia: Pustaka Buku Putih. Ms 79.

Bukhari, Muhammad ibn Ismail Abu Abdillah al-Bukhari. 1422H. Sahih al-Bukhari. Semakan: Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir. (t.t): Dar Tuq al-Najah.

[24] https://maqraa.com/ar/ dilayari pada 03.10.2020

Ibn Abd al-Bar, Abu Umar Yusuf bin Abdullah bin Muhammad bin Abd al-Bar. 1387H. al-Tamhid Li Ma Fi al-Muwatto' Min al-Asanid Wa al-Ma'ani. Semakan: Mustafa bin Ahmad al-'Alawi. Maghribi: Wizarah 'Umum al-Auqaf Wa al-Syu'un al-Islamiyyah.

Muqbil Mujbari, Abdul Salam. (t.t). Idzhab al-Huzn Wa Syifa al-Sadr al-Saqim. Kaherah: Dar al-Iman.

Muhammad al-Haqil, Ibrahim. (29.09.2011). Halaqat Tahfiz al-Quran al-Karim. Al-Bayan. http://albayan.co.uk/Article2.aspx?id=1433

Wikipedia. Masyikhah Umum al-Maqari' al-Misriyyah.

https://ar.wikipedia.org/wiki/%D9%85%D8%B4%D9%8A%D8%AE%D8%A9_%D8%B9%D9%85%D9%88%D9%85_%D8%A7%D9%84%D9%85%D9%82%D8%A7%D8%B1%D8%A6_%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%B5%D8%B1%D9%8A%D8%A9

https://maqraa.islamacademy.net/about_us.php

https://al-maqraa.com/

http://daralquran.ps/ar/index.php?act=project&id=55

https://www.gts.org.sa/route.php?module=n&action=s&id=122

https://lqs.org.sa/product/quranoncellphone/

https://maqraa.com/ar/

Penulis:

Dr Ahmad Baha' Mokhtar
Fakulti Usuluddin
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.
Emel: baha.mokhtar@unissa.edu.bn

Dewi Erika Samidi
Pusat Pembelajaran Darul Huffaz, Singapura.
Emel: erikey.alhaura@gmail.com

PERANAN KAUNSELING ISLAM DALAM MENGHADAPI ISU KEKELUARGAAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

Salasiah Hanin Hamjah

Abstrak

Kegusaran manusia terhadap wabak Coronavirus yang merebak ke seluruh dunia semakin tinggi apabila jumlah kematian akibat penyakit ini meningkat secara mendadak dan ditambah pula dengan ketiadaan ubat bagi membunuh virus ini. Justeru itu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diwartakan sebagai langkah bagi menyekat pergerakan orang awam untuk mengawal penularan wabak itu. PKP dilihat sebagai satu kaedah yang baik bagi sesetengah orang malah ada juga yang menganggapnya sebagai langkah yang sangat menyusahkan. Hakikatnya PKP turut menjejaskan keharmonian keluarga kerana dalam tempoh PKP ada ahli keluarga yang menjadi mangsa dera. Ada pasangan yang sentiasa berkelahi. Ada yang tertekan akibat dibuang kerja. Ada ibu bapa yang tidak dapat bersabar dengan kerenah anak-anak di rumah. Ada adik beradik yang asyik bergaduh dan pelbagai masalah lain. Pada waktu ini perkhidmatan kaunseling sangat diperlukan bagi mendepani masalah kekeluargaan. Justeru itu kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti peranan kaunseling Islam bagi membantu ahli keluarga mengatasi tekanan dan krisis dalam keluarga semasa pandemik Covid-19. Hasil kajian mendapati antara peranan kaunseling Islam adalah seperti mendorong klien melaksanakan strategi tindakan segera, membimbing klien mengukuhkan keimanan dengan menerima ketentuan Qada' Qadar Allah dan mengingatkan bahawa setiap ujian ada hikmah. Selain itu klien diberi motivasi supaya meningkatkan ibadah serta menjaga hak dan adab pergaulan dalam rumahtangga. Pendekatan ini didapati dapat membimbing klien mengatasi masalah keluarga dengan lebih berkesan semasa pandemik Covid-19 di negara ini.

Pendahuluan

Coronavirus (CoV) adalah merupakan virus merbahaya yang menggugat kesihatan seluruh dunia. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti *severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS*) dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus* (MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (COVID-19). Gejala jangkitan CoV boleh dikenal pasti melalui simptom seperti selsema, demam, batuk dan sukar bernafas kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk. COVID-19 ini berpotensi menyebabkan kematian, terutamanya kepada orang tua dan orang yang mempunyai masalah kesihatan atau sistem imun yang rendah (KKM 2020).

Menyedari bahayanya virus ini dan betapa mudahnya ia tersebar, Kerajaan Malaysia mewartakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 16 Mac 2020

demi memastikan rantaian jangkitan dapat diputuskan. Langkah ini kelihatannya berjaya mengurangkan jangkitan dan ramai pesakit dapat diselamatkan. Jangkitan Covid-19 di Malaysia boleh dikatakan stabil beberapa bulan selepas itu, namun keadaan ini tidak kekal apabila Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) terpaksa diwartakan pada 14 Oktober sehingga 27 Oktober 2020 akibat jangkitan yang berpunca dari beberapa negeri seperti Sabah, Kedah dan Selangor, dengan begitu pantas sehingga merisaukan banyak pihak. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam hal ini menjangkakan pandemik ini akan berterusan meningkat dan bakal memberi impak yang lebih besar terhadap krisis ekonomi, krisis sosial dan krisis politik di seluruh dunia (Anon 2020). Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (2020) terus menjalankan amanah tanpa jemu mengeluarkan statistik jangkitan Covid-19 pada setiap hari dan berdedikasi memberikan perkhidmatan rawatan dan saringan kesihatan kepada rakyat Malaysia bagi merawat dan mengawal penularan wabak ini.

Pandemik Covid-19 yang menular begitu pantas sangat membimbangkan seluruh warga Malaysia dan perintah PKP dan PKPB memberi impak bukan sahaja kepada negara tetapi juga kepada institusi keluarga. PKP dilihat sebagai satu kaedah yang baik bagi sesetengah orang malah ada juga yang menganggapnya sebagai langkah yang hanya menyusahkan rakyat. Ada yang menyalahkan kerajaan kerana mereka hilang punca pendapatan dan ekonomi negara terjejas secara keseluruhan. Hakikatnya PKP memang ada menyumbang kepada ketidakstabilan dan menggugat keharmonian keluarga kerana dalam tempoh PKP ada ahli keluarga yang menjadi mangsa dera. Ada pasangan yang sentiasa berkelahi. Ada yang tertekan akibat dibuang kerja. Ada ibu bapa yang tidak dapat bersabar dengan kerenah anak-anak di rumah. Ada adik-beradik yang asyik bergaduh dan pelbagai masalah lain. Dalam situasi yang mencabar ini, perkhidmatan kaunseling sangat diperlukan bagi membantu klien mengatasi masalah rumahtangga dan kekeluargaan. Kaunseling Islam boleh menawarkan beberapa strategi bagi mengatasi masalah berkaitan kekeluargaan semasa pandemik Covid-19 ini.

Peranan Kaunseling Islam Ketika Pandemik Covid-19

Semasa dunia berhadapan dengan krisis penyakit berjangkit, Covid-19, dan Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan, banyak masalah dalam keluarga timbul. Masalah ini menuntut mereka mencari kaunselor bagi mengatasi tekanan yang berlaku. Kaunseling secara dalam talian (*online*) dilakukan bagi membantu klien mengatasi masalah mereka. Antara peranan kaunseling Islam ketika menghadapi Covid-9 antaranya ialah;

1. Mendorong klien melaksanakan strategi tindakan segera

Perkara ini adalah sangat penting untuk diberi kefahaman kepada klien. Sekiranya menghadapi masalah, klien perlu bertindak segera. Sebarang masalah tidak boleh

dibiarkan berlanjutan kerana dibimbangi akan menjadi masalah lain yang lebih besar. Contohnya jika klien menghadapi masalah didera di rumah, dia perlu bertindak untuk mendapatkan bantuan. Klien wanita yang didera perlu dimaklumkan tentang bantuan yang boleh diperoleh menerusi akta Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO), iaitu wanita boleh dilindungi dalam tempoh 24 jam di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selepas itu, keluarga terlibat akan diberikan sesi kaunseling bagi menyelesaikan krisis keluarga yang berlaku (Nor Afzan 2020). Klien juga boleh mengambil langkah pro aktif seperti mengambil gambar dan pergi ke klinik untuk mendapatkan laporan perubatan dan seterusnya membuat laporan polis. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, semua tindakan ini boleh dilakukan.

Selain itu, ada juga kes kaunseling yang melibatkan isu klien dibuang kerja. Di Johor sahaja contohnya, laporan daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Johor mencatatkan seramai 15,597 pekerja di negeri itu mengalami pengurangan gaji dan diberhentikan kerja sepanjang PKP (Mohamed Farid 2020). Ini belum lagi melibatkan statistik seluruh negeri di Malaysia. Keadaan ini jelas menunjukkan ramai yang telah diberhentikan kerja kerana syarikat tidak dapat beroperasi seperti biasa. Bagi kes begini, klien perlu dimotivasikan supaya tidak berputus asa mencari pekerjaan dan yakinkan mereka bahawa Allah Maha Adil dan Maha Memberi Rezeki. Kaunselor boleh berbincang dengan klien tentang kekuatan dan kelebihan klien dan pekerjaan mana yang boleh dilakukan bagi menampung perbelanjaan harian. Dalam krisis Covid-19, ramai yang dibuang kerja memilih untuk bekerja sebagai rider Food Panda, Grab Food dan industri penghantaran barangan atau pos (Noorasvilla 2020; Ghazali 2020). Sematkan semangat kepada klien bahawa ini adalah ujian dan setiap ujian ada titik noktahnya. Mungkin keadaan ini untuk sementara waktu dan ada rezeki yang lebih baik selepas ini. Keyakinan tentang keadilan Allah dan kebergantungan kepada-Nya adalah perkara penting yang perlu ditekankan supaya klien tidak mudah berputus asa dan menyalahkan takdir Allah.

Kaunseling Islam dalam konteks ini akan mencadangkan tindakan berstrategi bagi mengatasi krisis keluarga yang memerlukan tindakan segera. Perkara ini adalah selari dengan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya supaya berusaha apabila menghadapi sebarang masalah, bukannya berserah diri dan berputus asa tanpa sebarang ikhtiar.

Membimbing klien mengukuhkan keimanan dengan menerima ketentuan Qada' Qadar Allah

Dalam konteks ini klien perlu disedarkan bahawa segala yang berlaku adalah mengikut ketentuan Allah. Ujian Covid-19 kepada manusia bukan Allah beri sia-sia tetapi ada perkara yang Allah hendak kita belajar dari ujian ini. Bagi yang telah terkena virus ini, teruskan berusaha untuk berubat. Dapatkan rawatan di hospital

berdekatan. Jangan sesekali menyalahkan orang yang membawa wabak ini kerana dia juga tidak sengaja dan tidak mahu virus ini terkena pada dirinya. Justeru itu, orang yang terkena penyakit ini, dia tidak akan menyalahkan orang lain sebaliknya menerima dengan reda dan terus berusaha dan bertawakal kepada Allah SWT sebagaimana firman-Nya;

وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّـهِ فَهُوَ حَسْبُه

Maksudnya:

Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri (bertawakal) kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). (Surah al-Talaq:3)

Orang yang bertawakal kepada Allah setelah berusaha akan menjadikan kebergantungannya kepada Allah sangat tinggi. Ini kerana dia berkeyakinan bahawa Allah SWT mempunyai ketinggian dalam segala segi termasuklah ilmu, kuasa, petunjuk dan rahmahNya (Salasiah 2016).

2. Mengingatkan bahawa setiap ujian ada hikmah.

Dalam situasi pandemik Covid-19, lebih-lebih lagi yang terpaksa berhadapan dengan masalah keluarga seperti anak-anak dan pasangan membuat karenah, klien akan sering diingatkan untuk bijak mengatasi masalah tersebut di samping menginsafi setiap yang berlaku ada hikmahnya.

Bagi anak-anak yang sering membuat karenah sehingga menguji kesabaran, klien boleh memujuk hati bahawa Alhamdulillah telah dikurniakan anak. Berapa ramai lagi orang yang inginkan anak tetapi tidak dikurniakan anak. Sekurang-kurangnya dengan kehadiran anak dalam rumahtangga, penuh rumah dengan keriuhan bagi memecah kesunyian. Bayangkan jika tiada anak. Tentu sunyi dan kehidupan menjadi sangat tawar tanpa rajuk dan gurau senda mereka. Sebenarnya ada hikmah yang Allah hendak kita pelajari iaitu mungkin selama ini kita belum cukup sabar dan Allah berikan latihan supaya kita terus berusaha menjadi orang yang lebih sabar.

Sebenarnya, ibu bapa perlu bersabar dengan karenah anak-anak, terutama apabila mereka bergaduh. Bayangkan, ini adalah latihan bagi mereka sebelum mereka meneroka kehidupan yang lebih jauh seperti perselisihan dengan rakan di sekolah, malah di tempat kerja apabila mereka dewasa kelak. Biarkan mereka menyelesaikan sendiri pergaduhan dan sebagai ibu bapa hanya perlu mengawasi agar tidak berlaku perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan. Perlu juga diingatkan bahawa ibu bapa tidak suka pergaduhan dan lebih gembira apabila mereka dapat berdamai.

Tiada satu pun perkara di dunia ini Allah jadikan sia-sia. Malah setiap sesuatu itu ada sebab Allah ciptakan dan jadikannya. Klien perlu terus diingatkan bahawa setiap sesuatu yang ditakdirkan ada hikmahnya. Tiada kebetulan dalam kehidupan ini malah segalanya berlaku dengan aturan dan ketentuan Allah. Hal ini adalah selari dengan pandangan al-Ghazali (2000) dalam kitabnya *Ihya Ulum al-Din*;

> "Benarlah bagai dikata bahawa setiap yang Allah SWT ciptakan itu ada hikmahnya dan tidak Allah SWT ciptakan itu melainkan ada nikmatnya sama ada kepada semua hambaNya atau kepada sebahagiannya sahaja. Sesungguhnya pada setiap bala (musibah) itu ada nikmat dan menjadi kewajipan hamba untuk bersabar dan bersyukur menghadapi keduanya"

Galakan berfikir bahawa di sebalik ujian itu ada hikmah iaitu hikmah kebaikan berkat kesabaran menghadapi ujian dinyatakan dalam al-Quran (al-Baqarah 2:156-157):

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ (156) أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِنْ رَبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ (157)

Maksudnya;

(Iaitu) orang –orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata " Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali. Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmatNya; dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayahNya.

3. Meningkatkan ibadah

Ketika menghadapi ujian pandemik Covid-19 ini, kaunselor akan mendorong klien supaya mempertingkatkan ibadah kerana ibadah dapat mengurangkan tekanan dan keresahan. Antara ibadah yang perlu ditingkatkan seperti berdoa. Doa adalah senjata Muslim. Klien akan dicadangkan supaya berdoa agar dihindarkan daripada penyakit Covid-19. Antara doa yang boleh diamalkan seperti;

بِسْمِ اللَّهِ الذي لَا يَضُرُّ مع اسْمِهِ شَيْءٌ في الأرض ولا في السَّمَاءِ وهو السَّمِيعُ الْعَلِيم

Maksudnya;

"Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat akan sesuatu yang di bumi dan yang dilangit (selagi) bersama dengan NamaNya dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." (Hadith Riwayat Abu Daud dan al-Tirmidhi)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الأَسْقَام

Maksudnya

"Ya Allah aku berlindung dengan Mu daripada penyakit sopak, penyakit gila, penyakit kusta dan daripada segala penyakit berbahaya yang lain."(Hadis Riwayat Abu Daud)

Selain berdoa, klien juga akan digalakkan oleh kaunselor supaya mendirikan solat secara berjemaah semasa PKPB. Jika klien itu adalah suami, perkara ini lebih mudah dilakukan di mana kaunselor boleh terus menerangkan kelebihan solat berjemaah bersama keluarga. Namun jika klien itu wanita, kaunselor akan mendorongnya supaya memujuk suami menjadi imam kepada dirinya dan anak-anak. Galakan solat berjemaah ini dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW;

ًصَلاَةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلاَةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَ عِشْرِينَ دَرَجَة

Maksudnya;
"Solat secara berjemaah lebih baik daripada solat bersendirian sebanyak 27 kali ganda" (Hadis Riwayat Muslim).

Banyak manfaat apabila solat berjemaah dapat dilaksanakan. Ini akan menjadikan suami yang selama ini hanya solat di masjid, mula mengingati semula bacaan surah-surah pendek untuk dibaca di dalam solat sewaktu menjadi imam. Doa yang pendek dan ringkas sebelum ini perlu ditambah untuk menjadi contoh kepada anak-anak dan isteri. Banyak hikmahnya musibah yang melanda ini. Banyak yang Allah minta kita betulkan tentang pengurusan keluarga masing-masing, yang selama ini sibuk dengan tugas dan kerjaya sehingga tidak banyak masa bersama anak-anak dan keluarga.

Selain itu, kaunselor boleh cadangkan klien supaya beribadah bersama keluarga dengan melakukan *qiyamullail.* Pasang suara latar yang syahdu bagi menimbulkan keinsafan sambil masing-masing berzikir. Dirikan solat tahajud dan taubat bersama-sama. Imam boleh baca doa yang agak panjang dengan nada sayu dan diselang-selikan antara doa dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu agar doa yang dilafazkan lebih meresap jauh ke dalam hati. Pasti ini akan menjadi momen berharga yang sukar dilupakan dan aktiviti ini boleh diteruskan pada masa mendatang sebagai aktiviti bulanan atau tahunan keluarga.

4. Menjaga hak dan adab pergaulan dalam rumahtangga.

Semasa PKP pada bulan Mac 2020 yang lalu, banyak kes kaunseling melibatkan isu berkaitan masalah kekasaran bahasa. Disebabkan terkurung dalam rumah sendiri dan tidak dibenarkan keluar atas arahan PKP, ada pasangan yang terpaksa menadah telinga dimaki hamun sepanjang hari. Apabila sentiasa bersama, banyak perselisihan berlaku berpunca daripada perkara yang kecil-kecil sahaja seperti

tidak berpuas hati dengan pasangan yang asyik menonton Youtube atau asyik membaca Whatsapp. Bagi melepaskan rasa tidak puas hati, ada yang mengambil pendekatan melepaskannya dengan kata-kata yang kesat kononnya hati akan menjadi puas. Mereka lupa dengan pesanan Rasulullah SAW;

عَنْ عَلْقَمَةَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَّانِ وَلا اللَّعَّانِ وَلا الْفَاحِشِ وَلا الْبَذِيءِ

Maksudnya;

Seorang muslim itu bukanlah pencela, pengutuk, pelaku perbuatan keji serta berkata perkara-perkara lucah dan kotor. (Hadis Riwayat al-Tirmidhi)

Sesetengah orang percaya, kata-kata kesat memberi impak yang dalam ke lubuk hati manusia. Kadang-kadang kesannya lebih teruk daripada pukulan pada fizikal kerana ia merosakkan jiwa dan keyakinan seseorang lebih-lebih lagi apabila dikatakan bodoh, tidak berguna, menyusahkan, sial, celaka dan sebagainya. Kenyataan ini disokong oleh Pakar Perunding Keluarga Islam Datuk Mohd Zaidi Mohd Zain, yang berpendapat kes penderaan fizikal dapat dilihat seperti bengkak, lebam dan luka. Ia berbeza dengan penderaan emosi kerana meninggalkan kesan lebih mendalam sehingga ada yang melakukan sesuatu di luar pemikiran seperti mencederakan diri sendiri, mencederakan anak malah ada yang terfikir untuk membunuh diri. Ada juga yang meninggalkan trauma sepanjang hayat sehingga mengakibatkan sakit mental (Rodly 2016).

Dalam konteks ini, jika yang menghadiri kaunseling adalah suami yang sering melemparkan kata-kata kesat atau melakukan penderaan emosi kepada isteri, kaunselor boleh memberi motivasi kepada mereka supaya mencontohi Rasulullah SAW yang sangat baik ketika bermuamalah bersama isteri-isteri baginda. Rasulullah pernah bersabda;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخِيَارُكُمْ خِيَارُكُمْ لِنِسَائِهِمْ خُلُقًا

Maksudnya;

Daripada Abu Hurairah berkata; Rasulullah SAW bersabda: “Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya. Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap para isterinya.“(Hadis Riwayat al-Tirmidhi)

Semasa PKP juga, ada kes kaunseling melibatkan isu pengabaian hak dan tanggungjawab. Ada suami yang tidak mahu membantu isteri mengurus hal-hal rumahtangga seperti memasak, membasuh baju, mengemas rumah, membasuh

pinggan, menyidai kain dan melipat baju, malah asyik bermain game dan tidak mempedulikan hal-hal sekeliling. Hal ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Kaunselor boleh mengingatkan klien supaya mencontohi Rasulullah SAW yang merupakan seorang suami yang rajin membantu isterinya di rumah sebagaimana hadis menyatakan tentang perkara ini;

> عن الأسود قال: سألت عائشة رضي الله عنها: ما كان النبي صلى الله عليه وسلم يصنع في بيته؟ قالت: كان يكون في مهنة أهله - تعني: خدمةَ أهله - فإذا حضرَتِ الصلاة خرج إلى الصلاة
>
> Maksudnya:
>
> Daripada al-Aswad "Aku bertanya kepada Aisyah: "Apa yang Nabi SAW kerjakan di rumah? Aisyah menjawab: "Baginda sentiasa melayani isterinya iaitu membantu isterinya membuat kerja-kerja rumah. Maka apabila masuk waktu solat, baginda pun keluar untuk solat (ke masjid)" (Hadith Riwayat al-Bukhari).

Selain itu, kaunselor boleh jelaskan kepada klien bahawa kerja-kerja rumah tangga tergolong dalam jenis kerja yang tidak berupah yang dilakukan secara sukarela untuk diri sendiri dan orang lain namun banyak pahala diberikan jika dilakukan dengan penuh keikhlasan. Suntik motivasi kepada suami untuk menolong isteri melakukan kerja-kerja rumah supaya dapat meringankan beban isteri semasa PKP/PKPB. Alangkah bahagianya sewaktu PKP/PKPB masa dihabiskan dengan melakukan aktiviti bersama isteri dan anak-anak. Jika anak-anak sudah remaja, boleh beri peluang kepada mereka untuk memasak mengikut kreativiti dan cita rasa masing-masing. Pasti ini akan menjadi kenangan yang tidak dapat dilupakan sepanjang hayat.

Hakikatnya, bantuan suami dalam kerja-kerja rumah sangat digalakkan dalam Islam dan ini tergolong sebagai salah satu bentuk ihsan dalam perhubungan suami isteri. Ia bukan sekadar dapat meringankan kepenatan fizikal yang dialami isteri bahkan mampu memberikan pengaruh positif terhadap emosi isteri. Apabila suami membantu melakukan kerja-kerja rumah tangga, maka sebenarnya dia telah mengikuti sunnah Rasulullah SAW. (Siti Halimah & Dg Hafizah 2017). Tolong menolong, toleransi dan saling memahami antara satu sama lain adalah antara resepi utama bagi membina kehidupan keluarga yang bahagia.

Kesimpulan

Meskipun negara kita dan dunia amnya dilanda ujian yang besar iaitu wabak coronavirus yang boleh mengancam nyawa, namun ada banyak hikmah yang Allah tentukan seiring dengan ujian tersebut. Walaupun manusia terpaksa menghadapi pelbagai masalah lain rentetan Covid-19 itu, namun Allah bagi juga jalan

penyelesaian terhadap apa jua masalah yang dialami manusia dalam kehidupan ini. Kaunseling Islam adalah merupakan salah satu ikhtiar yang boleh dilakukan oleh manusia ketika menghadapi krisis Covid-19 bagi membina kekuatan dalaman dan lebih proaktif dalam menyelesaikan masalah bagi membina sebuah keluarga yang bahagia.

Rujukan

Abu Daud, (202-275H) Sulaiman Ibn al-Asy'ath bin Ishaq al-Azdiyy al-Sijistani (1999) *Sunan Abi Daud*. Riyad : Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi'.

Anon. 2020. Pandemik COVID-19 terus meningkat – WHO. Berita Harian Online. 22 Jun 2020 https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/06/703130/pandemik-Covid-19-terus-meningkat-who [Diakses pada 20 Oktober 2020]

al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad B. Ismail B. Ibrahim B. al-Mughirah (1992) *Sahih al-Bukhari*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiah.

al-Ghazali (1995) *Mukasyafah al-Qulub*. Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

al-Ghazali (2000) *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah : Dar al-Taqwa li al-Turath.

al-Ghazali (2006) *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din*. Beirut : Dar al-Minhaj

al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad Bin Ahmad (1994) *Rawdah al-Talibin wa 'Umdah al-Salikin* dalam *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Ghazali*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Ghazali Alias. 2020. Terima 600,000 parcel setiap hari, Pos Malaysia harap pelanggan bersabar. Malay Mail. 4 Mei 2020. https://bm.soyacincau.com/2020/05/04/terima-600000-parcel-setiap-hari-pos-malaysia-harap-pelanggan-bersabar/ [Diakses pada 21 Oktober 2020]

Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. Covid-19. http://Covid-19.moh.gov.my/archive:oct_2020. [Diakses pada 20 Oktober 2020]

Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/FAQ-COVID-19.pdf [Diakses pada 20 Oktober 2020]

Mohamed Farid Noh. 2020. 15,597 pekerja dipotong gaji, diberhentikan kerja. Berita Harian Metro. 30 April 2020 https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/572944/15597-pekerja-dipotong-gaji-diberhentikan-kerja. [Diakses pada 21 Oktober 2020]

al-Muslim (821-875M) Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi (1998) *Sahih Muslim*. Riyad : Dar al-Salam.

Noorasvilla Muhammad. 2020. Rezeki di sebalik PKP dan Ramadan. Utusan Borneo online. 10 Mei 2020. https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/10/rezeki-di-sebalik-pkp-dan-ramadan . [Diakses pada 21 Oktober 2020]

Nor Afzan Mohamad Yusof (2020), Akta Keganasan Rumah Tangga lindungi mangsa. 3 Oktober 2017. Berita Harian Online. https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2017/10/332956/akta-keganasan-rumah-tangga-lindungi-mangsa [Diakses pada 20 Oktober 2020]

Rodly Fadly (2016) Penderaan emosi lebih bahaya. MyMetro. 17 Ogos 2016. https://www.hmetro.com.my/node/159761[Diakses pada 20 Oktober 2020]

Sa'id Hawa (2002) *al-Mustakhlas fi Tazkiyah al-Anfus*. Kaherah : Dar al-Salam.

Salasiah Hanin Hamjah (2016) *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut al-Ghazali*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.

Salasiah Hanin Hamjah (2017) *Modul Kaunseling Islam Menurut al-Ghazali*. Bangi : Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Halimah Putung & Dg. Hafizah Ag. Basir. (2017). Penglibatan Suami dalam Kerja-Kerja Rumah Tangga: Kajian Kes Di Sabah. Jurnal Fiqh, 14, 1-26.

al-Tirmidhi, Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa Bin Surah (1999) *Sunan al-Tirmidhi*. Kaherah : Dar al-Hadith.

Penulis:

Salasiah Hanin Hamjah
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam, UKM

PENGAWALAN IBU BAPA BERKERJAYA TERHADAP PENGGUNAAN GAJET DALAM KALANGAN KANAK-KANAK: SATU KAJIAN KES

Siti Jamiaah Abdul Jalil, Nurfarahain Abu Bakar,
Juwairiah Hassan

ABSTRAK

Penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak semakin meningkat terutama semenjak Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan aktiviti pembelajaran dilaksanakan di dalam talian. Walaupun gajet memberi kemudahan kepada aktiviti pembelajaran kanak-kanak, namun, kajian-kajian lepas menunjukkan penggunaan gajet tanpa kawalan mampu memberi kesan yang negatif khususnya kepada psikologi mereka. Pengawalan gajet terhadap kanak-kanak bertambah sukar apabila melibatkan pasangan ibu bapa berkerjaya. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pandangan Islam terhadap aspek pengawalan gajet dalam kalangan kanak-kanak. Serta mengenal pasti pelaksanaan pengawalan gajet dalam kalangan kanak-kanak yang diguna pakai oleh ibu bapa berkerjaya dan mencadangkan pendekatan dan kaedah pengawalan ibu bapa berkerjaya terhadap penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini merupakan kajian kes dengan melakukan temu bual secara atas talian kepada 5 orang peserta kajian yang terdiri daripada kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia semasa PKP dan mengisi soal selidik berbentuk senarai semak bagi mendapatkan data kajian. Hasil kajian mendapati, Islam amat menganjurkan ibu bapa agar memastikan anak-anak berada dalam persekitaran yang baik serta ibu bapa perlu membina kawalan dalaman diri (takwa) agar dapat mengawal tingkah laku mereka daripada terpengaruh dengan unsur negatif daripada penggunaan gajet. Kajian juga mendapati terdapat tiga pendekatan yang digunakan oleh ibu bapa berkerjaya di UKM dalam mengawal penggunaan gajet terhadap kanak-kanak iaitu dengan kawalan melalui aplikasi gajet, latihan melalui disiplin dan pembinaan kawalan dalaman diri anak-anak.

Kata Kunci: Pengawalan gajet, psikologi kanak-kanak, ibu bapa berkerjaya, dakwah.

Pendahuluan

Penggunaan *gadget* atau biasa disebut sebagai 'gajet' pada masa kini bukan sahaja menjadi satu keperluan malah penggunaannya semakin meluas tidak sekadar kepada golongan dewasa malah kepada golongan kanak-kanak. Satu kajian melaporkan 96.6 peratus sampel kajian telah mengguna gajet mudah alih seawal umur 1 dan 2 tahun setiap hari (Kabali et al. 2015). Sasaran penggunaan gajet semakin meluas dengan kepelbagaian fungsinya yang mampu menarik minat semua peringkat umur termasuk bayi. Walaupun pada awalnya, penciptaan gajet adalah untuk memudahkan urusan komunikasi dan penyebaran maklumat, namun, pada masa kini peranannya merangkumi pelbagai aspek kehidupan seiring dengan berkembangnya capaian internet dan penciptaan aplikasi gajet. Tambahan pula, kepelbagaian fungsi gajet ini telah memberi kemudahan yang

besar kepada manusia terutama sepanjang melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh Pandemik Covid-19 yang berlaku di seluruh dunia.

Semasa PKP, berlaku peningkatan penggunaan gajet bukan sahaja kepada golongan dewasa malah melibatkan golongan kanak-kanak. Hal ini berikutan aktiviti pembelajaran dilaksanakan di dalam talian disebabkan oleh penutupan sekolah. Pihak sekolah mengambil inisiatif untuk menyediakan aktiviti pembelajaran sama ada secara atas talian (*online*) atau luar talian (*offline*). Rentetan itu, gajet menjadi satu keperluan kepada kanak-kanak sebagai alat pembelajaran dan ini memberi ruang kepada mereka untuk meneroka pelbagai aplikasi dan melayari internet. Lebih-lebih lagi, ada dikalangan guru yang menggunakan aplikasi pengajaran yang memerlukan kanak-kanak membuka akaun e-mel peribadi seperti aplikasi Google Classroom. Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan gajet memberi faedah yang besar kepada pembelajaran kanak-kanak sepanjang PKP dilaksanakan.

Namun begitu, penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak perlu diberi pengawalan oleh ibu bapa. Menurut Zulkiflee dan rakan-rakan (2017) walaupun gajet mampu membantu proses pembelajaran kanak-kanak, namun, penggunaan yang tidak dikawal mampu memberi kesan yang buruk. Hal ini kerana banyak kajian menunjukkan bahawa penggunaan gajet tanpa kawalan dalam kalangan kanak-kanak mampu memberi kesan yang negatif kepada kesihatan fizikal (Widea Ernawati 2015) dan mental (Jones 2014), perkembangan kognitif (Setianingsih, Amila & Firiana 2018), sosial (Gentile & Walsh 2002; Shima Dyana dan Siti Marziah 2018), serta emosi (Khairunnisa 2016; Sundus 2018). Keadaan ini secara tidak langsung turut memberi kesan kepada tingkah laku mereka (Kovalchuk & Gibb 2018) .

Apa yang membimbangkan, ibu bapa kini terlalu sibuk terutama dengan kerjaya sehingga membiarkan anak-anak mereka bermain gajet sendirian tanpa adanya pemantauan. Ada dalam kalangan ibu bapa yang membiarkan anak-anak mereka leka dengan permainan dalam gajet pintar dalam jangka masa terlalu lama dengan alasan menjadikan gajet tersebut sebagai 'pengasuh kedua'. Malah, terdapat sebahagian ibu bapa yang menguruskan penjagaan anak-anak dengan gajet, dan menjadikan gajet tersebut sebagai salah satu alat "penenang" dalam mengawal tingkah laku anak-anak (Vittrup et al. 2016). Laporan daripada Pediatric Academic Societies menunjukkan 65 peratus ibu bapa mengaku memberikan gajet supaya anak mereka lebih mudah dikawal (Alzahrin & Mohd Nasaruddin 2015).

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti pandangan Islam terhadap pengawalan penggunaan gajet oleh ibu bapa terhadap kanak-kanak. Seterusnya, mengenal pasti pelaksanaan pengawalan penggunaan gajet terhadap kanak-kanak oleh ibu bapa berkerjaya dan mencadangkan garis panduan pengawalan penggunaan gajet terhadap kanak-kanak.

Kesan Penggunaan Gajet Secara Berlebihan Terhadap Psikologi Kanak-Kanak

Menurut pakar, tempoh perkembangan kanak-kanak merupakan tempoh pertumbuhan yang penting (*golden age period*) (Rudi et al. 2019). Akal mereka sangat aktif untuk meneroka persekitaran dan menyerap segala maklumat dan informasi yang diperoleh (Kolb 2018). Maklumat dan informasi yang disimpan mempengaruhi tingkah laku dan penentu kepada tindakan mereka (Kovalchuk & Gibb 2018). Oleh itu, penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak jika tidak dikawal boleh memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan dan perkembangan mereka.

Menurut Naquiah (2017) penggunaan teknologi gajet yang tidak terkawal akan memberi kesan negatif kepada perkembangan fizikal dan otot. Antaranya seperti menurunnya kadar penglihatan (Widea 2015). Widea mendapati intensiti pencahayaan yang tidak baik akan menyebabkan mata berakomodasi lebih kuat dan jika dibiarkan secara berterusan akan menyebabkan penurunan kadar penglihatan. Tidak sekadar itu, cahaya biru yang dipancarkan oleh skrin gajet mengekang pengeluaran melatonin, yang berfungsi mengawal kitaran tidur dan bangun (Touitou, Reinberg, & Touitou 2017). Kekurangan melatonin menjadikannya sukar untuk tidur. Jika penggunaan gajet tidak dikawal secara berterusan boleh mengakibatkan kanak-kanak mengalami masalah untuk tidur yang kronik (Hegde, Bhandary, & Balraj 2019).

Selain itu, penggunaan gajet secara berlebihan dalam kalangan kanak-kanak juga dapat menyebabkan kegemukan atau obesiti (Thompson & Christakis 2005; Srinahyanti et al. 2018). Aula (2016) mendapati kanak-kanak prasekolah dengan intensiti penggunaan gajet yang tinggi mempunyai peluang 2.1 kali ganda untuk gemuk berbanding dengan kanak-kanak prasekolah dengan penggunaan gajet yang rendah. Sedia maklum bahawa aktiviti permainan fizikal yang aktif menjadikan kanak-kanak lebih sihat (Hegde, Bhandary, & Balraj 2019). Oleh yang demikian, kanak-kanak yang lebih banyak menghabiskan banyak masa di hadapan skrin gajet boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan badan.

Tidak sekadar memberi kesan kepada kesihatan badan malah penggunaan gajet secara berlebihan boleh menyebabkan berlakunya masalah pembelajaran. Kanak-kanak di bawah usia dua tahun yang dibiarkan memandang skrin untuk satu jangka masa tanpa kawalan dibimbangi boleh menjejaskan perkembangan bahasa, kemahiran membaca dan ingatan memori jangka pendek mereka. Antara penemuan kajian mendapati bahawa penggunaan gajet yang berterusan boleh mengecutkan otak anak, terutamanya yang berumur di bawah tiga tahun (Khairunnisa 2016). Ini selari dengan dapatan Putri Afzan Maria (2015) yang mendapati antara faktor anak lambat bercakap adalah di sebabkan kurangnya perbualan antara ibubapa dan anak-anak.

Keadaan tersebut sudah pasti memberi kesan kepada kemahiran interpersonal mereka (Naquiah et al. 2017). Hal ini kerana mereka kurang terdedah dengan aktiviti sosial (Rosmiati et al. 2019; Yuniarti et al. 2018) dan menjejaskan masa bersama keluarga. Kesannya mereka kurang pandai untuk bekerjasama, bersahabat, berdikari, bertolak ansur, menghormati hak orang lain dan bertindak balas terhadap sesuatu aktiviti seperti diharapkan oleh orang dewasa (Rohani 2001). Mereka lebih selesa bersama gajet atau gajet berbanding bergaul dengan rakan-rakan sebaya. Menurut kajian Master dan rakan-rakan (2016) mendapati 90 peratus kanak-kanak yang menggunakan gajet berlebihan menunjukkan perasaan sedih, cemas atau marah apabila gajet mereka diambil dan disimpan. Keadaan ini boleh merosakkan hubungan kekeluargaan dan sosial kanak-kanak (Gentile & Walsh 2002; Shima Dyana dan Siti Marziah 2018).

Selain daripada itu, gajet boleh menyebabkan ketagihan kepada penggunanya (Jones 2014). Keadaan ini boleh memberi kesan kepada kesihatan mental kanak-kanak. Setianingsih, Amila dan Firiana (2018) melakukan kajian ke atas 101 orang kanak-kanak pra sekolah yang terdiri daripada 82 orang tidak ketagihan penggunaan gajet dan 19 orang ketagihan penggunaan gajet. Hasil menunjukkan seorang daripada 82 kanak-kanak tidak ketagihan gajet memiliki ADHD dan 17 daripada 19 orang kanak-kanak yang ketagihan penggunaan gajet memiliki ADHD. Ini menunjukkan wujud hubungan penggunaan gajet dengan risiko gangguan pemusatan perhatian dan hiperaktif atau ADHD (*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*) pada usia awal kanak-kanak. Malah menurut Khairunnisa (2016) juga mendapati kanak-kanak yang menggunakan gajet secara berlebihan mempunyai masalah mengawal emosi mereka.

Apa yang membimbangkan menurut Anderson & Dill (2000) mendapati, keganasan yang dipamerkan oleh televisyen dan permainan video mengakibatkan kanak-kanak menjadi lebih agresif selepas menggunakannya. Al-Mazmi, Aslam dan Rajan (2013) mendapati kandungan aplikasi, iklan dan maklumat dalam teknologi yang tidak sesuai seperti adegan yang melampau boleh mempengaruhi pemikiran dan perlakuan kanak-kanak. Kanak-kanak bebas terdedah dengan perkara negatif permainan video yang ganas, pelbagai video melampau dan lucah yang boleh memberi kesan kepada kognitif, sikap dan tingkah laku yang agresif (Anderson & Bushman 2002). Hal ini sudah pasti memberi risiko yang tinggi kepada tingkah laku kanak-kanak apabila penggunaan gajet tidak dikawal dengan sebaiknya oleh ibu-bapa atau penjaga Jadi tidak hairan sejak kebelakangan terdapat berita berkaitan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti jenayah yang semakin bertambah antaranya melibatkan kesalahan merogol, ketagihan dadah dan sebagainya seawal umur 12 tahun (Mohd. Hafizee 2019; Adam 2017).

Pengawalan Penggunaan Gajet Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dari Perspektif Islam

Sebelum mengupas dengan lebih mendalam berkaitan pengawalan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak dari perspektif Islam, sebaiknya perlu mengetahui dalil asas berkaitan skop ini. Di dalam Islam, ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab menjaga, mendidik dan membentuk peribadi anak-anak. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

> Daripada Abu Hurairah r.a berkata: Nabi SAW bersabda: "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kemudian ibu bapanya yang akan menjadikan anak itu Yahudi, Nasrani atau Majusi." (Sahih Bukhari, No. Hadis:1271)

Justeru itu, peranan dan tanggungjawab sebagai ibu bapa amat besar dalam Islam. Tanggungjawab ibu bapa bukanlah terhad kepada penyediaan harta yang berbentuk fizikal, tetapi yang paling utama adalah mendidik dan mentarbiah jiwa anak-anak kerana kedudukan ibu dan bapa yang mendidik anaknya amat besar di sisi Allah Taala (Siti Atiyah et al. 2019)

Di dalam al-Quran Allah SWT telah mengisahkan tentang Luqman al-Hakim dalam memberi didikan kepada anaknya. Allah SWT telah memuliakan Luqman al-Hakim atas nasihat dan wasiat yang telah disampaikan kepada anaknya sehingga namanya menjadi salah satu nama surah di dalam al-Quran (Amrul 2020). Apakah nasihat yang telah diberikan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya? Berikut adalah nasihat Luqman al-Hakim kepadanya anaknya yang telah disaring dan diterjemahkan daripada Surah Luqman.

> *"Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."* (Surah Luqman 31: 13)

> *"Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit ataupun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalas-Nya), sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuan-Nya, lagi amat meliputi akan segala yang tersembunyi."* (Surah Luqman 31: 16)

> *"Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat dan suruhlah berbuat kebaikan serta laranglah daripada melakukan perbuatan mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya."* (Surah Luqman 31: 17)

Daripada ayat tersebut, Amrul (2020) telah menyimpulkan 5 perkara yang perlu ditanamkan dalam diri anak-anak berdasarkan hujahan dan huraian ahli-ahli tafsir. Pertama, menanamkan akidah yang kuat dalam diri anak-anak dengan memberi keyakinan bahawa Allah SWT berkuasa untuk memberi ganjaran dan balasan kepada tingkah laku manusia. Kedua, memberi kesedaran kepada sifat-sifat kemuliaan Allah SWT bahawa Allah SWT Maha Mengetahui dan Maha Melihat apa sahaja yang berlaku di dunia . Ketiga, memerintahkan anak-anak agar mendirikan solat. Keempat, mengajar anak-anak agar berani menyeru manusia melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kelima, mengajar mereka agar bersabar dalam menghadapi ujian kehidupan dalam proses amar makruf dan nahi mungkar.

Berdasarkan dalil hadis dan al-Quran serta huraian di atas, jelas menunjukkan Islam menitikberatkan ibu bapa agar memberi didikan kepada anak-anak. Manakala, asas pengisian bagi membentuk peribadi anak-anak adalah dengan menanamkan ketakwaan. Ketakwaan dibentuk dengan mengenalkan mereka kepada sifat-sifat kebesaran Allah SWT. Ketakwaan dapat menjadi benteng atau pengawalan dalaman bagi mendorong anak-anak melakukan kebaikan dan menjauhi keburukan (Haron Din 2015). Oleh yang demikian, elemen inilah yang menjadi dasar penghujahan berkaitan pengawalan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak dari perspektif Islam.

Menurut Sharifah Fadylawaty dan rakan-rakan (2017) penggunaan gajet dengan melayari perkara yang melalaikan dan bercanggah dengan nilai agama boleh memberi impak kepada fungsi akal. Akal amat penting dipelihara agar dapat mempertimbangkan perkara yang baik dan buruk. Akal dapat berfungsi dengan baik jika input yang masuk adalah baik. Penjagaan akal seawal kanak-kanak adalah penting kerana pada usia ini otak menyerap segala maklumat tanpa tapisan (Williams-Washington, Melon & Blau 2010). Oleh itu, amat penting bagi ibu bapa mencari jalan untuk mengawal penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak agar perkembangan dan pertumbuhan mereka berlaku dengan baik.

Oleh kerana penggunaan teknologi gajet dalam kalangan kanak-kanak adalah perkara baru, maka kajian ini melakukan temu bual bersama dua orang pensyarah dalam bidang Pengajian Islam bagi mendapat huraian berkaitan peranan ibu bapa dalam pengawalan gajet kanak-kanak menurut perspektif Islam. Menurut Muhammad Arif Yahya (2020) yang merupakan Pensyarah dari Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah UKM, ibu bapa sewajibnya memantau anak-anak dan perlu menyediakan jadual yang khusus untuk aktiviti harian anak-anak termasuklah dalam bermain gajet. Tambahnya lagi, gajet tidak boleh langsung diharamkan daripada kanak-kanak kerana mereka hidup dalam zaman teknologi, maka mereka tidak boleh buta daripada penggunaan gajet, namun ianya perlukan kawalan daripada ibu bapa sendiri dan seharusnya masyarakat perlu mendidik anak-anak bersesuaian dengan zaman. Peranan ibu bapa terhadap pengawalan ini

begitu penting kerana zaman kini adalah zaman teknologi dan sebagai seorang muslim, mereka perlu celik dan pakar dalam menggunakan teknologi yang semakin canggih. Dalam agama Islam, Islam juga tidak menolak teknologi, namun penggunaannya mestilah seiring dengan objektif syarak dan memenuhi kerangka maqasid syariah. Oleh itu, ibu bapa berkerjaya perlu ada masa dalam mengawal penggunaan gajet anak-anak.

Manakala menurut Hasanah Abd. Khafidz (2020) yang merupakan pensyarah Pusat Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM dan aktif sebagai Konsultan Apple, ibu bapa perlu mencorakkan anak-anak bila mana mereka lahir ke dunia dan mereka ibarat kain putih, jadi jelas di sini menerangkan bahawa pentingnya ibu bapa mencorakkan anak-anak untuk menggunakan gajet dengan sebaiknya. Gajet adalah suasana zaman kanak-kanak sekarang, jadi ibu bapa memang perlu memainkan peranan yang penting untuk memberi peluang kepada kanak-kanak menggunakan gajet dengan pengawasan, memberi nasihat dan kawalan yang semaksimum mungkin. Kanak-kanak perlu dibantu untuk mengurangkan pergantungan terhadap gajet kerana gajet mempunyai pelbagai aplikasi yang menyebabkan mereka melekat dan berterusan dengan gajet. Tegasnya kanak-kanak ini tidak salah untuk menggunakan gajet tapi ia perlukan bimbingan dan kawalan daripada ibu bapa agar tidak membawa mereka kepada kelalaian.

Pandangan kedua-dua pensyarah ini selari dengan apa yang Allah SWT tekankan di dalam al-Quran. Bahawa Allah SWT tidak suka manusia melakukan perkara yang sia-sia yang boleh mendorong kepada kelalaian kepada-Nya. Firman Allah SWT bermaksud:

> "Dan di antara manusia ada orang yang memilih serta membelanjakan hartanya kepada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan yang berakibat menyesatkan (dirinya dan orang ramai) dari agama Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan; dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah itu sebagai ejekan-ejekan; merekalah orang-orang yang akan beroleh azab yang menghinakan."
>
> (Surah Luqman 31: 6)

Berdasarkan ayat tersebut, ibu bapa perlu memastikan hiburan yang diberikan kepada anak-anak tidak membawa kepada kelalaian yang membawa kesesatan. Ibu bapa perlu mengetahui tentang apa yang dilihat dan ditonton oleh anak-anak melalui gajet atau peranti lain termasuk televisyen. Menurut Haron Din (2015), Islam juga mengajar agar manusia melakukan sesuatu itu secara sederhana dan tidak berlebihan terutama bagi perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat (*lagha*) kerana keadaan ini boleh membawa kepada kehancuran. Firman Allah SWT bermaksud:

> "Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang yang melampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya, maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu kami menghancurkannya sehancur-hancurnya."
>
> (Surah al-Isra' 17: 16)

Selain itu, Islam juga sangat melarang daripada melakukan sesuatu yang boleh memberi kemudaratan kepada diri sama ada secara jasmani mahupun rohani (al-Qaradhawi 2015). Penggunaan seberang gajet jika digunakan secara berlebihan mampu memberi kesan yang tidak baik. Hal ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijelaskan sebelum ini, menunjukkan banyak kesan buruk terhadap penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak jika digunakan secara berlebihan. Kesan buruk daripada penggunaan gajet secara berlebihan ini merupakan satu kemudaratan yang amat dilarang dan ditegah dalam Islam. Firman Allah SWT bermaksud:

> "Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) pada jalan Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan; dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."
>
> (Surah al-Baqarah 2: 195)

Oleh yang demikian, jelas di sini bahawa penggunaan gajet juga mempunyai batasan tertentu berdasarkan oleh syariat. Setiap muslim perlu mengetahui isi kandungan yang disediakan di dalam setiap aplikasi yang dilanggan atau di muat turun di dalam gajet sebelum menggunakannya agar tidak membawa kepada kelalaian dan kealpaan dalam menuju jalan Allah SWT. Perkara inilah yang perlu diambil berat oleh ibu bapa agar anak-anak terutama yang masih kecil yang masih memerlukan panduan daripada orang dewasa untuk mengetahui mana perkara yang baik dan buruk untuk diisi dalam pengetahuan mereka. Hal ini kerana segala maklumat dan informasi yang disimpan dalam minda anak-anak akan mempengaruhi tingkah laku dan penentu kepada tindakan mereka (Kovalchuk & Gibb 2018).

KAEDAH PENGAWALAN PENGGUNAAN GAJET TERHADAP KANAK-KANAK

Menurut Mubara Kayla dan rakan-rakan (2017) sesetengah ibu bapa menerima perkembangan generasi digital dengan bersemangat, manakala ada sesetengah yang lain merasa ibu bapa panik, bimbang, malah hampir paranoid kerana mereka hanya melihat sisi negatif penggunaan gajet atau 'gajet'. Rasa bimbang dan panik

dalam kalangan ibu bapa ada rasionalnya apabila telah banyak kajian yang membuktikan penggunaan gajet secara berlebihan memberi kesan yang buruk kepada kanak-kanak. Apatah lagi, Islam melarang umatnya melakukan sesuatu yang boleh memberi kemudaratan kepada diri.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini pengguna gajet tanpa wayar dalam kalangan kanak-kanak semakin hari semakin menjadi satu kebiasaan disebabkan faktor semasa seperti pembelajaran, pengisian masa lapang dan ada yang disebabkan untuk mengawal tingkah laku kanak-kanak. Ibu bapa harus akur dengan realiti bahawa anak-anak masa kini berkembang dengan lebih cepat berbanding dengan anak-anak sebelum ini. Ibu bapa perlu selangkah ke hadapan dalam menghadapi ledakan teknologi dalam kehidupan anak-anak. Oleh itu, usaha untuk mengawalnya perlu dilakukan oleh ibu bapa supaya kanak-kanak menggunakan gajet dengan kaedah yang betul dan tidak mengganggu proses pertumbuhan dan perkembangan mereka.

Pelbagai kaedah telah dikenal pasti sebagai langkah atau cara ibu bapa untuk mengawal penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak secara berlebihan.

1) Memuat turun aplikasi *Parenting Control* dan penetapan kata laluan.

Menurut Hasanah (2020) ibu bapa boleh memasang perisian '*parental control*' pada komputer ataupun telefon bimbit untuk menghadkan laman sesawang yang tertentu yang mana ianya tidak sesuai untuk dilayari oleh kanak-kanak. Ibu bapa juga boleh memuat turun aplikasi yang dinamakan '*google family link for parents*' di telefon mereka dan anak-anak bagi mengawasi setiap aktiviti kanak-kanak. Ibu bapa dapat memantau anak-anak walaupun tidak berada bersama mereka.

2) Menghadkan tempoh masa

Menurut Prof. Dr Muhammad Muhsin, Pakar Perunding Psikiatri dan Pensyarah Kanan Universiti Malaya, ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dari segi had masa dan pemantauan yang rapi. Hal ini penting bagi memastikan anak anak anak tidak terlalu ghairah apabila menggunakan gajet. Katanya lagi, penggunaan gajet seharusnya tidak boleh melebihi 2 jam dan mereka perlu duduk sekali bersama anak anak terutama anak anak yang berusia bawah lima tahun bagi mengelakkan kebergantungan terhadap gajet (Khairunnisa 2016). Pakar Perunding Pediatrik dan Kardiologi Pediatrik, Datuk Dr Zulkifli Ismail, berpendapat kanak-kanak yang berusia dua hingga lima tahun hanya boleh didedahkan dengan gajet kira –kira sekitar 30 minit untuk tempoh dua hingga tiga hari sekali, manakala yang berumur 6 hingga 18 tahun pula hanya dua jam sehari sahaja (Alzahrin & Mohd Nasaruddin 2015).

3) Menetapkan kata laluan (*Password*)

Menurut Suhaniya & Mohamad Fauzi (2019) ibu bapa juga boleh menggunakan perisian penapisan internet serta menetapkan *privacy setting* dan kata laluan bagi pengawalan penggunaan gajet. Melalui penetapan kata laluan kanak-kanak tidak bebas untuk menggunakan gajet.

4) Berbincang secara terbuka

Menurut Naquiah dan rakan-rakan (2017), ibu bapa perlu sentiasa berkomunikasi dengan anak-anak secara terbuka bagi mengetahui cara anak-anak menggunakan gajet seperti jenis laman sesawang yang dilayari serta aplikasi. Ibu bapa sebaiknya memberi nasihat dengan baik dan tidak seharusnya terus menghukum atau memarahi anak-anak apabila anak-anak bercerita tentang laman sesawang yang tidak sepatutnya mereka lawati. Hal ini penting demi membentuk keyakinan dan kepercayaan dalam jiwa anak-anak agar terus berbincang mengenainya pada masa akan datang (Naquiah et al. 2017).

5) Galakan kanak-kanak melakukan aktiviti fizikal

Menurut Naquiah dan rakan-rakan (2017) keseimbangan antara penggunaan teknologi moden dengan aktiviti-aktiviti lain yang berbentuk riadah dan aktiviti di luar rumah dapat menyeimbangkan perkembangan anak-anak dari segi jasmani, intelek, emosi, dan sosial. Aktiviti berbentuk riadah dan aktiviti luar rumah dapat membina otot-otot mereka agar pertumbuhan fizikal tumbuh dengan baik serta perkembangan psikologi mereka dirangsang dengan pengalaman kehidupan yang sebenar. Hal ini dapat mengurangkan kebergantungan kanak-kanak terhadap keseronokan melalui permainan gajet.

6) Menyusun jadual anak-Anak

Naquiah dan rakan-rakan (2017) berpendapat, ibu bapa boleh menyusun jadual yang bersesuaian dan membimbing mereka supaya mengikuti jadual yang telah disusun. Penggunaan gajet dan peranti elektronik yang lain seperti televisyen perlu dihadkan dalam jangka masa tertentu. Menghadkan penggunaan teknologi moden dapat memastikan anak-anak dapat menumpukan lebih perhatian kepada pembelajaran, seterusnya membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka (Naquiah et al. 2017).

7) Menetapkan had umur.

Shima Dyana dan Siti Marziah (2018) berpendapat pendedahan awal kepada gajet kepada kanak-kanak mungkin kurang sesuai kerana kesan buruknya kepada perkembangan dan kesihatan kanak-kanak. Kaedah pembelajaran yang semula jadi lebih sihat dan membantu perkembangan kanak-kanak daripada pembelajaran berasaskan peranti. Oleh itu, ibu bapa sebaiknya menetapkan had umur anak-anak agar tidak menggunakan gajet pada tahap umur yang terlalu awal. Hal ini amat penting supaya anak-anak tidak terlibat dengan ketagihan gajet

dan perlu menerokai perkara lain yang lebih bermanfaat mengikut pada tahap umur mereka.

8) Menetapkan lokasi bagi penggunaan gadget

Menurut Rajini Sarvanthan Pakar Perunding Perkembangan Kanak-Kanak, ibu bapa perlu tahu dan peka di mana anak-anak mereka menggunakan gajet sama ada di ruang tamu, ruang bilik, ruang makan dan sebagainya. Seharusnya, penggunaan gajet dilarang di meja makan serta di bilik tidur atau kawasan yang tersembunyi daripada pandangan ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa mestilah bertanggungjawab memastikan gajet seperti ipad, tablet dan lain-lain diletakkan pada tempat yang umum supaya pemantauan secara tidak langsung dapat dijalankan dengan lebih efektif (Faizatul Farlin 2015).

9) Menentukan penetapan cahaya dan nada gajet yang sesuai

Menurut Pakar Perunding Pediatrik dan Kardiologi Pediatrik, Zulkifli Ismail pula, katanya kanak-kanak akan berhadapan dengan masalah penglihatan apabila sering didedahkan dengan teknologi kini dan secara tidak langsung akan menyebabkan kurangnya pergerakan disebabkan mereka terlalu fokus pada skrin. Apabila leka bermain dengan gajet, maka kanak-kanak akan terdedah kepada cahaya skrin terlalu lama dan akan menjejaskan tahap tumpuan mereka.

10) Memantau Laman Sesawang Yang Dilayari

Menurut Hasanah (2020), beliau mengatakan bahawa sebagai ibu bapa mereka perlu memantau laman sesawang yang dilayari oleh kanak-kanak. Ibu bapa perlu mengambil tahu dan mengenal pasti laman sesawang apa yang boleh menyebabkan anak-anak mereka leka dan menyebabkan perasaan mereka menjadi buruk apabila mereka tidak mengizinkan untuk melihatnya lagi. Lebih-lebih lagi, kanak-kanak sangat mudah terdedah kepada pelbagai jenis kandungan yang tidak sihat khususnya pornografi yang semakin berleluasa dan mudah didapati dalam internet. Hal ini juga disokong oleh Dr Rajini Sarvanthan bahawa setiap kandungan aplikasi yang dilayari oleh kanak-kanak perlu dipastikan kesesuaian kandungannya (Faizatul Farlin 2015).

11) Menetapkan laman sesawang dan aplikasi mengikut pada kesesuaian umur

Selain dari itu, ibu bapa juga boleh menetapkan laman sesawang dan aplikasi mengikut pada kesesuaian umur anak-anak. Hal ini disebabkan tidak semua laman sesawang dan aplikasi sesuai untuk setiap umur kanak-kanak. Kesemuanya semestilah mempunyai garis panduan yang tersendiri yang perlu dipandu oleh ibu bapa.

12) Kawalan ke atas *games* dan pembelian aplikasi secara atas talian

Menurut Hasanah (2020), ibu bapa juga perlu mengawal dan memantau permainan *games* dan pembelian *games* secara atas talian. Mereka boleh memilih

games yang boleh menguji dan menarik minat anak-anak menggunakan minda untuk berfikir secara rasional dan bukan hanya bermain untuk bersuka ria semata-mata. Kanak-kanak tidak boleh dibiarkan mereka melayari internet tanpa penyeliaan ibu bapa atau ibu bapa perlu menjalankan kawalan sosial yang ketat dengan menetapkan *privacy setting* dan juga menetapkan kata laluan. Hal ini bertujuan untuk memantau anak-anak daripada bebas menggunakan aplikasi mahupun *games* yang ada di laman sosial (Suhaniya & Mohamad Fauzi 2019).

13) Bersikap tegas dan berdisiplin

Ibu bapa perlu bersikap tegas terhadap anak-anak, hal ini penting bagi memastikan kawalan gajet dapat dikawal dengan baik. Apa yang boleh dilakukan oleh ibu bapa adalah memperkenalkan peraturan dalam penggunaan gajet di rumah. Ibu bapa berhak untuk mengetahui butir-butir dan perincian semua akaun dalam talian anak-anak mereka. Sikap tegas pada anak-anak amat supaya anak-anak tidak terlibat dengan elemen-elemen yang mendedahkan kepada mereka kepada laman sesawang yang tidak sihat. Walau bagaimanapun, ibu bapa juga tidak boleh menggunakan gajet secara kerap di hadapan anak-anak mereka (Naquiah et al. 2017).

14) Menggunakan Gajet Itu Bersama Anak-Anak

Ibu bapa juga digalakkan untuk meluangkan masa bersama anak-anak mereka semasa anak-anak sedang menggunakan sebarang jenis gajet. Sebagai contoh, ibu bapa melakukan interaksi bersama mereka semasa melihat skrin telefon pintar dan menanyakan kepada mereka soalan seperti apa nama binatang ini, macam mana bunyi kucing ini, warna apa itu dan banyak lagi soalan yang boleh ditanya. Maka interaksi secara dua hala ini akan menyebabkan hubungan ibu bapa dan anak-anak menjadi lebih erat, dan secara tidak langsung minda dan fikiran anak-anak juga berkembang dengan baik. Sebolehnya, ibu bapa yang bertanggungjawab, mereka tidak boleh membenarkan anak-anak bermain gajet seorang diri Hal ini kerana, itulah yang menyebabkan anak-anak itu akan melayari laman sesawang atau permainan sesuka hati yang sehingga menyebabkan mereka ketagih untuk menggunakan gajet (Salmah & Malisah 2015).

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes dengan melakukan temu bual secara atas talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Peserta kajian adalah seramai 5 orang yang terdiri daripada pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Satu senarai semak juga digunakan bagi menyokong dapatan kajian. Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan bagi mendapatkan peserta kajian yang mempunyai anak yang berumur sekitar 2 hingga12 tahun yang menggunakan gajet. Jadual 1 adalah maklumat demografi peserta kajian.

Jadual 1: Demografi Peserta Kajian

Informan	Jantina	Umur	Bilangan Anak Umur 2-12 Tahun	Bentuk Temubual	Gajet
1	Perempuan	41-50	3	Google meet	Ipad & telefon pintar
2	Perempuan	41-50	2	Gmail	Ipad, telefon pintar & tablet
3	Lelaki	31-40	4	What Apps	Ipad & telefon pintar
4	Lelaki	41-50	3	What Apps	Ipad & telefon pintar
5	Lelaki	41-50	4	What Apps	Ipad & telefon pintar

DAPATAN KAJIAN

Melalui data temu bual, kajian mengenal pasti pandangan ibu bapa terhadap keperluan penggunaan gajet , kebaikan dan keburukan penggunaannya serta kaedah berkesan dan sesuai untuk mengawal penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak.

Keperluan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak

Dari sudut keperluan semua peserta kajian berpandangan bahawa penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak sudah menjadi satu keperluan kerana faktor perkembangan revolusi industri (Peserta kajian 1), pengajaran dan pembelajaran secara atas talian (Peserta kajian 2,3 & 4), dan faktor hiburan serta permainan (Peserta kajian 3). Namun bagi Peserta kajian 5 walaupun menjadi keperluan, penggunaan gajet kepada kanak-kanak bukan satu kemestian oleh itu penggunaannya perlu ada batasan.

"Gajet satu keperluanlah tapi bukan satu kemestian. Keperluan yang dibataskanlah". (Peserta kajian 5)

Kebaikan dan keburukan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak

Dari segi kebaikan dan keburukan, peserta kajian berpendapat penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak boleh memberi kesan baik dan buruk mengikut cara ibu bapa menyediakan penggunaannya. Antara pandangan mereka:

"... dia (gajet) boleh menjadi sangat baik dan ia boleh menjadi sangat buruk tetapi kebaikan dan keburukan itu pada pandangan saya sangat kuat bergantung kepada pengetahuan ibu dan bapa." (Peserta kajian 1)

"Kebaikannya, penggunaan gajet membantu ibu bapa sebagai medium independent learning dan berfungsi sebagai edutainment. Namun, penggunaan gajet seharusnya dikawal oleh ibu bapa supaya anak-anak tidak mudah untuk mengakses kandungan yang tidak baik yang tidak sesuai dengan tahap umur mereka." (Peserta kajian 2)

"Gajet sebenarnya ia ada baik dan juga buruk, kebaikannya jika kit pandai untuk menggunakannya, pandai menjaga gajet ini bagi keperluan untuk anak-anak digunakan dia adalah sesuatu perkara baik. Jika kita tidak pandai menjaganya, control pada gajet-gajet ini, menyebabkan perkara ini menjadi buruk." (Peserta kajian 3)

Berdasarkan dapatan ini menunjukkan, dalam kalangan ibu bapa berkerjaya berpendapat bahawa penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak pada masa kini menjadi keperluan namun penggunaannya perlu ada kawalan kerana penggunaan gajet yang tidak dikawal boleh memberi kesan buruk kepada kanak-kanak.

Kaedah Pengawalan Gajet Oleh Ibu Bapa Bekerjaya Di UKM

Berdasarkan analisis tematik, kajian mendapati terdapat 3 pendekatan utama yang dianggap memberi kesan dan sesuai untuk mengawal penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak oleh ibu bapa iaitu dengan menggunakan kawalan melalui aplikasi gajet, latihan melalui disiplin dan pembinaan kawalan dalaman diri.

1) Kawalan melalui aplikasi

Terdapat aplikasi seperti *Google Family Link For Parents* dan sistem yang tersedia dalam gajet seperti Parental Control yang membantu ibu bapa untuk mengawal penggunaan gajet secara berlebihan dalam kalangan kanak-kanak. Peserta kajian didapati lebih menggunakan kaedah mengawal masa penggunaan melalui sistem atau aplikasi gajet bagi memantau anak-anak. Mereka menetapkan aturan masa penggunaan di dalam sistem peranti sekitar jam 7 pagi hingga 10 malam. Oleh itu, kanak-kanak tidak dapat membuka gajet mereka selepas jam 10 malam dan boleh membuka semula bermula 7 pagi.

Selain itu, aplikasi yang digunakan oleh kanak-kanak juga dihadkan contohnya menyediakan Youtube Kids yang hanya memaparkan video bersesuaian dengan kanak-kanak dan tidak membenarkan penggunaan Youtube yang menyediakan pengisian video yang tiada batas.

2) Latihan melalui disiplin

Ibu bapa turut menggunakan kaedah disiplin bagi mengawal penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak. Beberapa pendekatan digunakan dengan memberi latihan melalui bimbingan dan ganjaran. Melalui bimbingan anak-anak ditetapkan jadual penggunaan gajet dan menghadkan waktu penggunaan sekitar 1-2 jam. Ada juga menetapkan gajet boleh digunakan setelah menyiapkan segala tugasan sekolah dan rumah.

Ibu bapa juga turut memberi peringatan tentang penggunaan gajet sama ada tempoh masa penggunaan serta kandungan yang dilayari. Dalam membina

disiplin kepada kanak-kanak, ibu bapa didapati lebih suka menggunakan pendekatan memberi ganjaran sekiranya mereka dapat melaksanakannya dengan baik.

3) Pembinaan kawalan dalaman diri

Pembinaan kawalan dalaman diri juga turut digunakan oleh ibu berkerjaya di UKM untuk pengawalan penggunaan gajet kanak-kanak. Antara kaedah yang digunakan dalam membina kawalan dalaman diri kanak-kanak ialah dengan memberi nasihat, bimbingan dan perbincangan. Ibu bapa turut menggunakan pendekatan psikologi dan memberi fakta logik bagi memberi kesedaran dalam diri kanak-kanak bahawa penggunaan gajet ini perlu digunakan dengan baik agar tidak memberi kesan buruk sama ada dari sudut kesihatan atau tingkah laku. Selain itu, terdapat ibu bapa yang menggunakan pendekatan agama dengan membentuk keimanan agar dapat membendung diri kanak-kanak daripada perkara negatif kesan daripada penggunaan gajet.

Selain daripada itu, kajian ini turut melakukan senarai semak kaedah pengawalan gajet terhadap kanak-kanak kepada peserta kajian. Hasil analisis senarai semak tersebut diringkaskan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Analisis Kaedah Pengawalan Gajet Terhadap Kanak-kanak Oleh Ibu Bapa

Kaedah Pengawalan Gajet		Tahu	Tidak tahu	Guna	Tidak Guna
1	Memuat turun aplikasi "*parental control*"	5/5	0	3/5	2/5
2	Hadkan masa	5/5	0	4/5	1/5
3	Kawalan password	5/5	0	4/5	1/5
4	Menyusun jadual	5/5	0	2/5	3/5
5	Menetapkan lokasi penggunaan gadget	5/5	0	4/5	1/5
6	Menetapkan had umur pengguna	5/5	0	3/5	2/5
7	**Bersikap tegas dan berdisiplin**	**5/5**	**0**	**5/5**	**0**
8	Menetapkan pencahayaan	5/5	0	3/5	2/5
9	Menetapkan kadar bunyi	5/5	0	2/5	3/5
10	**Memantau laman sesawang yang dilayari**	**5/5**	**0**	**5/5**	**0**
11	Menetapkan aplikasi berdasarkan umur	5/5	0	4/5	1/5
12	Menetapkan laman sesawang berdasarkan umur	5/5	0	4/5	1/5
13	**Kawalan ke atas *games***	**5/5**	**0**	**5/5**	**0**
14	**Kawalan pembelian *online* untuk *games***	**5/5**	**0**	**5/5**	**0**

Berdasarkan Jadual 2 di atas menunjukkan dalam mengawal penggunaan gajet terhadap kanak-kanak kesemua peserta kajian menggunakan kaedah bersikap tegas dan disiplin, memantau laman sesawang yang dilayari dan mengawal penggunaan serta pembelian *games* secara atas talian dalam. Manakala, terdapat 2 kaedah pengawalan penggunaan gajet yang kurang digunakan iaitu menyusun jadual dan menetapkan kadar bunyi.

Garis Panduan Pengawalan Gajet Anak-Anak Bagi Ibu Bapa Bekerjaya

Berdasarkan kajian literatur dan juga dapatan kajian yang telah dilakukan, beberapa pendekatan dan kaedah dikenal pasti yang dapat menjadi dasar bagi membina satu garis panduan kepada ibu bapa berkerjaya dalam membantu usaha pengawalan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak. Perincian garis panduan dinyatakan dalan Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Pendekatan dan Kaedah Pengawalan Ibu bapa Terhadap Penggunaan Gajet Dalam Kalangan Kanak-kanak.

PENDEKATAN & KAEDAH PENGAWALAN GAJET TERHADAP KANAK-KANAK	
A. Kawalan Melalui Aplikasi & Tetapan Dalam Gajet/Peranti	
1) Memuat turun aplikasi *"parenting control".*	Aplikasi dan tetapan "Parenting control" bagus kerana ibu bapa boleh mengawal penggunaan gajet dari jarak jauh. Contoh aplikasi Google Family Link for Parents
2) Tetapan kata laluan (*Password*)	Bertujuan supaya anak-anak tidak bebas menggunakan gajet.
3) Menetapkan pencahayaan dan menetapkan tahap bunyi peranti/gajet	Penetapan cahaya dan tahap bunyi penting untuk menjaga kesihatan penglihatan dan pendengaran kanak-kanak.
4) Menetapkan aplikasi & laman sesawang yang dilayari mengikut peringkat umur	- Misalnya, menggunakan Youtube Kids dan buka menggunakan Youtube. - Memuat turun aplikasi permainan yang tidak memberi kesan negatif terhadap kerohanian, psikologi, tingkah laku dan pemikiran kanak-kanak.
B. Latihan Melalui Disiplin	
5) Menetapkan had umur pengguna	Kanak-kanak tidak digalakkan menggunakan gajet pada tahap umur yang terlalu awal
6) Menyusun jadual untuk anak-anak	Sebaiknya menetapkan masa yang sesuai untuk menggunakan gajet dan tempoh masa penggunaan.
7) Menetapkan lokasi penggunaan gajet	Tidak digalakkan kanak-kanak bermain gajet di bilik, tempat gelap atau di ruang makan.
8) Memantau laman sesawang yang dilayari	Ibu bapa boleh memperkenalkan peraturan dalam penggunaan gajet di rumah
9) Ibu bapa menunjukkan contoh	Kanak-kanak suka meniru atau mengikut tingkah laku ibu bapa. Oleh itu ibu bapa perlu menunjukkan amalan penggunaan gajet yang baik
C. Pembinaan kawalan dalaman diri	
10) Memberi kesedaran tentang bahaya penggunaan gajet secara berlebihan.	Kesedaran dibina melalui bimbingan dan nasihat yang baik.
11) Mendedahkan kanak-kanak dengan pilihan lain bagi menggantikan gajet.	Kanak-kanak suka bermain dan mencuba pelbagai aktiviti. Oleh itu, ibu bapa perlu

	sediakan pilihan lain yang menyeronokkan selain daripada gajet.
12) Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT	Manusia tidak boleh berada lama dalam tidakselesaan kerana melakukan atau melihat sesuatu yang salah kesan dari keimanan dan ketakwaan. Oleh itu, keimanan dan ketakwaan perlu dibentuk sejak kanak-kanak lagi agar dapat membendung mereka dari terus selesa melakukan sesuatu yang salah.

Kesimpulan

Walaupun kajian lepas banyak menunjukkan bahawa penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak boleh memberi kesan yang buruk, namun ramai ibu bapa bersetuju penggunaan gajet tidak dapat dielakkan disebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran terpaksa dilaksanakan secara atas talian terutama semasa Perintah Kawalan Pergerakan mula dikuatkuasakan disebabkan Pandemik Covid-19 melanda negara. Hal ini menyebabkan kanak-kanak lebih terdedah dalam penggunaan gajet. Oleh kerana itu, bagi memastikan perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak terjaga, ibu bapa terutama yang berkerjaya tidak boleh tidak harus memastikan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak perlu dikawal dengan sebaiknya. Hal ini bagi mengelakkan kesan negatif terhadap kesihatan, psikologi, kerohanian dan tingkah laku kanak-kanak pada masa akan datang. Seperti kata pepatah Melayu “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Rujukan

Al Mazmi, M., Aslam, H. & Rajan, A.V. (2013). The influence of technology on children’s health. International Conference on Technology and Business Management. Dubai, UAE, March 18-20:1226-1235

Alzahrin Alias & Mohd Nasaruddin Parzi. 2015. Gajet rosakkan hubungan anak, ibu bapa. Berita Harian Online. Dicapai pada 10 Oktober 2020. https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/04/50332/gajet-rosakkan-hubungan-anak-ibu-bapa

Anderson, C. A., & Dill, K.E. 2000. Video games and aggressive thought, feeling and behavior in the laboratory and in life. *Journal of Personality and Social Psychology* 78: 772-790.

Anderson, C.A. & Bushman, B.J. 2002. Violent video games and hostile expectations: A test of the general aggression model. *Personality and Social Psychology Bulletin* 28: 1679-1686.

Aula Nurmasari. 2016. “Hubungan Intensitas Penggunaan Gadge dengan Keterlambatan Perkembangan pada Aspek Bicara dan Bahasa pada Balita di Kelurahan Tambakrejo,” Skripsi thesis, Universitas Airlangga.

Gentile, D. A. & Walsh, D. A. 2002. A normative study of family media habits. *Applied Development Psychology* 23: 157-178.

Haron Din. 2015. *Manusia Dan Islam*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.

Imām Abī 'Abdullāh Muhammad bin Ismā'īl bin 'Ibrāhīm bin Bardazbihi al-Ja'fī al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, ed. Muhamad Abdul Qādir Ahmad 'Aṭā, Jil. 1-3, Qāherah: Dār al-Taqwa Lilturāth, 2001.

Jones, T. 2014. Cell phone use while walking across campuss: An observation and survey. *Elon Journal of Undergraduate Research in Communications* 5 (1): 1-2.

Kabali, H. K., Irigoyen, M. M, Nunez-Davis, R., Budacki, J. G., Mohanty, S. H., Leister, K. P., & Bonner, R. L. 2015. Exposure and use of mobile media devices by young children. *Pediatrics* 136 (6): 1044-1050.

Khairunnisa Kasnoon. 2016. Dadah Digital: Impak Gajet Kepada Kanak-Kanak. *Astro Awani.* http://www.astroawani.com/berita-teknologi/dadah-digital impak- gajet-kepada- kanak-kanak-118046 . (29 September 2019).

Kolb, B. 2018. Overview of factors influencing brain development. (Ed.) Gibb, R. & Kolb, B. Dlm, *The Neurobiology of Brain and Behavioral Development.* London: Academic Press.

Kovalchuk, A. & Gibb, R. 2018. Brain Development. (Ed.) Gibb, R. & Kolb, B. Dlm, *The Neurobiology of Brain and Behavioral Development.* London: Academic Press.

Master, M. K., Kaur, C. P., Narasimhan, A., Nadeem, M., Ali, M. & Shaik, R. B. 2016. Impact of electronic gadget on Psychological behavior of middle school children in UAE. *Gulf Medical Journal* 5 (2): 54-60.

Mohd. Hafizee Mohd Arop. 2019. Polis tahan kanak-kanak 12 tahun disyaki merogol. Berita Harian Online. https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/07/580158/polis-tahan-kanak-kanak-12-tahun-disyaki-merogol. Dicapai pada 1 Oktober 2020.

Naquiah Nahar, Sahrunizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli, Abdul Hafiz Abdullah. 2017. Impak negatif teknologi moden dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja. *Umran: Internasional Journal of Islamic and Civilizational Studies* 5 (1): 87-99.

Putri Afzan Maria Zulkifli. 2015. Kanak-kanak & gajet. *Wadah ICT* http://www.ukm.my/wadahict/kanak-kanak-gajet/ . Dicapai pada 22 September 2020.

Rohani Abdullah. 2001. *Perkembangan Kanak-kanak: Penilaian Secara Portfolio*. Selangor: UPM Press.

Rosmiati, Acep Hidayatul Mustofa, Hilda Syarifatul Awida & Henri Setiawan. 2019. The relationship between the use of gadgets with the social development of pre-school children. *Jurnal Vocational Nursing Sciences* 1(1): 1-11.

Rudi Hariawan, Nurul Ulfatin , Muhammad Huda A. Y. & Imron Arifin. 2019. Contributions management of parenting and education program to strengthen the service three early childhood education center. *International Education Studies* 12 (2): 100-108.

Setianingsih, Amila Wahyuni Ardani, & Firiana Noor Khayati. 2018. Dampak penggunaan gadget pada anak usia parsekolah dapat meningkatkan resiko gangguan pemusatan perhatian dan hiperaktivitas. *GASTER* XVI (2): 191-205.

Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah et al. 2017. Penjagaan akal menurut perspektif Islam dalam konteks maqasid syariah, dalam Mohd Faizal P. Rameli et al.(ed). Prosiding 2nd International Islamic Heritage Conference ISHE 2017:809-815.

Shima Dyana Mohd Fazree & Siti Marziah Zakaria. 2018. Kesan Penggunanan Gadjet Kepada Perkembangan Kognitif Dan Sosial Kanak kanak Prasekolah. *Jurnal Wacana Sarjana* 2 (4): 1-6.

Siti Atiyah Ali, Samhani Ismail, Nurfaizatul Aisyah & Abdul Rahman Omar. 2019. Psikologi pembangunan kanak-kanak: Perkaitan antara psikologi pendidikan barat dan psikologi pendidikan Islam. *Journal of Educational Research* 4 (1): 14-23.

Srinahyanti, Yasaratodo Wau, Imelda Free Unita Manurung & Nur Arjani. 2018. Influence of gadget: A positive and negative impact of smartphone usage for early child. ACEIVE 2018, Medan, Indonesia. http://dx.doi.org/10.4108/eai.3-11-2018.2285692

Sundus, M. 2018. The impact of using gadgets on children. *Journal of Depression and Anxiety* 7 (1): DOI: 10.4172/2167-1044.1000296

Thompson, D. A., & Christakis, D. A. 2005. The association between television viewing and irregular sleep schedules among children less than 3 years of age. *Pediatrics* 116 (4): 851-856.

Touitou, Y., Reinberg, A., & Touitou, D. 2017. Association between light at night, melatonin secretion, sleep deprivation, and the internal clock: Health impacts and mechanisms of circadian disruption. *Life Sciences* 173: 94-106.

Vittrup, B., Snider, S., Rose, K. K., & Rippy, J. 2016. Parental perceptions of the role of media and technology in their young children's lives. *Journal of Early Childhood Research* 14 (1): 43-54.

Widea Ernawati. 2015. Pengaruh penggunaan gajet terhadap penurunan tajam penglihatan pada anak usia sekolah (6-12 tahun) di SD Muhammadiyah 2 Pontianak Selatan. *Jurnal Proners* 3 (1).

https://jurnal.untan.ac.id/index.php/jmkeperawatanFK/article/view/10533/10151

Zulkiflee Haron, Arieff Salleh Rosman, Mohd Nasir Ripin, Aminudin Hehsan, Juhazren Junaidi, Al-Ikhsan Ghazali, Nurul Bahiah Mohd Noor, & Rabiatul Hidayah Mokhtar. 2017. Impak pendedahan awal penggunaan teknologi terhadap kanak-kanak. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 8 (4): 28-41.

Williams-Washington, K. N., Melon, J. & Blau, G. M. 2010. Childhood growth and development within family context, in Gullotta, T. P. & Blau, G. M. (Ed). *Family Influences on Childhood Behavior and Development*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.

Muhammad Arif Yahya, Pensyarah di Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah UKM. Temubual pada 20 April 2020.

Hasanah Abd. Khafidz, Pensyarah di Pusat Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM. Temubual pada 24 April 2020.

Murbara Kayla et al. 2017. *Smartmom for Smart Generation*. Yogyakarta: DIVA Press

Al-Qaradhawi, Yusuf. 2015. *Fatwa Kontemporari, Siri 4: Hubungan Kemasyarakatan*. Selangor: PTS Islamika.

Faizatul Farlin. 2015. Baik, Mudarat Gajet Atas Pilihan. *Harian Metro.* https://www.hmetro.com.my/node/76176 . Dicapai pada 12 Oktober 2020

Suhaniya Kalaisilven & Mohamad Fauzi Sukimi. 2019. Kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media social. *Akademika* 89 (1): 111-124.

Salmah & Malisah. 2015. Pengaruh Gajet Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak, 1-12.

Amrul Aysar Ahsan. 2020. Pembinaan anak dalam Surah Luqman ayat 13-17. *Jurnal Asas* 3(1): 54-68.

Penulis:

Siti Jamiaah Abdul Jalil,
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, UKM
Emel: sitijamiaah82@ukm.edu.my

Nurfarahain Abu Bakar,
Emel: farahainshams@gmail.com,

Juwairiah Hassan,
Emel: juwairiah@kuipsas.edu.my

PERANAN *QAWAID FIQHIYYAH* DALAM DAKWAH SEMASA SITUASI PENULARAN WABAK

Khazri Osman, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani & Najihah Abd. Wahid

Abstrak

Gagasan *qawaid fiqhiyyah* mencerminkan kewibawaan ulama Islam berijtihad bagi memastikan masyarakat terus berada dalam hukum yang betul sekali gus menghindarkan kekeliruan. Jika sesuatu hukum atau syariat masih kekal dengan hanya berpandukan nas-nas yang statik tanpa membuka ruang untuk ijtihad, hukum dan syariat itu akan dianggap tertinggal di belakang. Ijtihad membolehkan syariat memenuhi keperluan dan perubahan kehidupan yang memerlukan penyelesaian yang tuntas. Biarpun ruang ijtihad dibuka, perkara *dawabit* atau tetap seperti akidah ketuhanan dan prinsip asas hukum tidak dibenarkan ijtihad. Sebarang isu baharu perlu dipastikan sama ada isu boleh dikendalikan secara ijtihad atau sebaliknya. Semasa menghadapi situasi penularan wabak, pendakwah berhadapan dengan pelbagai isu yang dibangkitkan oleh masyarakat. Selain menjawab setiap permasalahan yang ditimbulkan itu dengan berdalilkan al-Quran dan hadis, da'i juga sewajarnya menerapkan *qawaid fiqhiyah* bagi mengukuhkan hujah.

Qawaid Fiqhiyyah Sebagai Sumber Hukum

Islam adalah agama yang mudah dan sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Dalam pengamalan hukum Islam, terdapat kaedah-kaedah tertentu yang telah diguna pakai bagi melaksanakan sesuatu perkara supaya ia tidak berlawanan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Sesuai dengan sumber hukum Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah, al-Ijma' dan al-Qiyas, maka ruang perbincangan sesuatu hukum terbuka luas mengikut peredaran zaman dan masa tetapi masih lagi dalam ruang lingkup yang tidak berlawanan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Pintu ijtihad telah digunakan sepenuhnya oleh para ulama yang mujtahid bagi membincangkan perkara-perkara baharu yang memerlukan kepada satu hukum yang disepakati untuk kesejahteraan manusia. *Qawaid fiqhiyyah* antara ilmu yang muncul bagi membincangkan permasalahan hukum yang berlaku (Kalsom Awang & Abidin & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin 2011). Penggunaan kaedah ini bukan hanya terhad kepada soal hukum yang berkait dengan ibadat semata-mata akan tetapi dapat digunakan dalam konteks yang lebih luas termasuklah dalam situasi penularan wabak.

Pemakaian *Qawaid Fiqhiyyah* dalam Dakwah Semasa Situasi Penularan Wabak

a) Segala urusan berdasarkan niatnya *(al-umur bi maqasidiha)*. Kaedah ini menunjukkan bahawa amalan seseorang akan memberi kesan hukum yang berbeza disebabkan perbezaan niat. Sejak bermulanya perintah kawalan pergerakan (PKP) 18 Mac 2020, semua masjid dan surau Jumaat di

Malaysia diarahkan tutup. Hal ini selaras dengan Resolusi Dalam Talian Ahli-Ahli Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 20 Mac 2020 yang bersetuju untuk mengambil ketetapan supaya penangguhan semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah. Hal ini bukan berlaku di Malaysia sahaja bahkan seluruh dunia menyaksikan masjid ditutup termasuk Masjidilharam dan Masjid Nabawi. Solat berjemaah termasuk solat zuhur yang menggantikan fardu Jumaat hanya dilakukan di rumah. Namun begitu, pendakwah berdepan dengan segelintir masyarakat awam yang mempersoalkan larangan ini. Mereka membawa pelbagai hujah termasuklah hadis yang direkodkan oleh Tirmizi (1988) yang bermaksud: "Sesiapa yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali tanpa keuzuran, hatinya akan berubah menjadi hati orang Munafik." Untuk menjawab hujah ini, mereka hendaklah difahamkan bahawa individu diberikan rukhsah untuk meninggalkan solat Jumaat lebih-lebih lagi jika dibimbangkan penularan penyakit. Orang yang wajib mengerjakan Jumaat tetapi terhalang untuk mengerjakannya akibat penutupan masjid, tetap beroleh pahala walaupun dia solat zuhur di rumah, selagi mana hatinya tetapi berniat untuk ke masjid berdasarkan kaedah "segala urusan berdasarkan niatnya." Sementelahan pula ada hadis yang direkodkan oleh Bukhari (2000) yang bermaksud: "Jika insan itu sakit atau bermusafir, maka akan diberi ganjaran pahala seperti yang pernah dia amalkan ketika tidak bermusafir dan ketika sihat."

b) Keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan syak *(al-yaqin la yazul bi al-shakk).* Kaedah ini menunjukkan bahawa amalan dilakukan dengan penuh keyakinan tidak boleh dirosakkan oleh keraguan kecuali dengan keyakinan juga. Dengan maksud yang lain, setiap perkara yang tetap tidak akan berubah disebabkan kehadiran bukti yang mengandungi syak kerana yakin dan syak itu dua perkara yang bertentangan. Sesuatu perkara itu hanya boleh dikategorikan sebagai yakin setelah mendapat bukti daripada penyelidikan yang boleh mensabitkan kewujudan perkara tersebut Dalam situasi penularan wabak COVID-19 di Malaysia, pendakwah berdepan dengan penyebaran berita palsu dalam masyarakat. Bahkan ada analogi mengatakan penyebaran berita palsu lebih cepat berbanding penularan COVID-19. Hal ini demikian kerana ramai pengguna media sosial seakan-akan mengambil alih tugas wartawan menyebarkan maklumat tanpa mengira masa. Buktinya, dalam tempoh PKP sehingga 11 Jun 2020, sebanyak 330 penafian dan penjelasan tentang berita palsu telah dijelaskan kepada masyarakat, 266 kertas siasatan dibuka oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung berita palsu berkaitan COVID-19. Setakat tarikh itu

juga, 30 kes telah didakwa di mahkamah, 11 diberikan notis amaran dan 18 telah mengaku bersalah.

c) Kesulitan membawa keringanan *(al-mashaqqah tajlib al-taysir)*. Kesulitan yang dimaksudkan dalam kaedah ini bukan kesusahan biasa tetapi kesusahan yang luar norma menurut pertimbangan syarak. Kesulitan tersebut sampai ke tahap memudaratkan nyawa atau harta benda. Jika segelintir masyarakat mempertikaikan penutupan dan larangan mengadakan sebarang aktiviti di masjid, pendakwah boleh menggunakan kaedah "kesulitan membawa keringanan ini". Pastinya wabak COVID-19 boleh dikategorikan sebagai kesukaran yang boleh meringankan atau menggugurkan tuntutan ibadat kerana dibimbangkan kehilangan nyawa. Sehingga 26 Ogos 2020, Malaysia mencatatkan lebih 9000 kes dengan 125 kematian (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Sekiranya masjid terus dibuka untuk pelbagai aktiviti, maka orang ramai akan terus berhimpun dan mungkin menyebabkan bilangan kes akan terus meningkat. Pendakwah juga boleh menggunakan kaedah lain yang termasuk dalam *al-mashaqqah tajlib al-taysir* seperti "kemudaratan mengharuskan perkara yang dilarang." Contohnya dalam keadaan biasa, perbuatan menggantikan solat Jumaat dengan solat zuhur di rumah secara sengaja memang dilarang. Akan tetapi dalam situasi penularan wabak, cara itu dibenarkan.

d) Kemudaratan perlu dihapuskan *(al-darar yuzal)*. Kaedah ini dianggap sebagai kaedah asas menjelaskan hukum berkaitan darurat. Maksudnya, sebarang unsur darurat yang terdapat dalam sesuatu keadaan mesti dihilangkan. Pada 11 Jun 2020, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) mengumumkan Malaysia menangguhkan penghantaran jemaah haji tahun 2020 berikutan penularan wabak COVID-19. Meskipun penangguhan ini melibatkan kerajaan Arab Saudi secara langsung, pendakwah berdepan dengan masyarakat yang kecewa dengan keputusan tersebut lantaran sudah lama menunggu giliran dan persediaan yang mencukupi. Salah satu cara untuk pendakwah menenangkan golongan ini adalah dengan menggunakan kaedah fiqah "kemudaratan perlu dihapuskan." Dalam konteks ini akibat buruk yang terhasil akibat penularan COVID-19 termasuk dalam kemudaratan dan cara menghapuskannya daripada merebak adalah dengan menangguhkan ibadah haji. Selain kaedah ini, terdapat juga kaedah fiqah lain yang boleh digunakan iaitu "menolak kemudaratan terlebih utama daripada meraih kepentingan atau maslahat." Maslahat ialah sesuatu yang berfaedah atau usaha yang boleh mendatangkan sesuatu yang berguna (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Manakala maslahat di sisi syarak berkonsepkan penghasilan manfaat dan penolakan kemudaratan yang bertujuan memelihara *maqasid syariah* yang menjaga dan memastikan pemeliharaan

lima perkara iaitu agama, diri, akal, zuriat dan harta. Ibadah haji sememangnya mengandungi maslahat yang penting untuk umat Islam tetapi mudarat yang dijangkakan berlaku hasil perhimpunan kia-kira dua juta umat Islam dari seluruh dunia di sewaktu musim haji amat wajar ditolak. Maka dalam hal ini pelaksanaan ibadat haji tahun 1441 hijrah sewajarnya ditangguhkan.

e) Adat yang menjadi kebiasaan menentukan hukum *(al-'adah muhakkamah).* Kaedah ini mendidik umat Islam agar meraikan *`urf* atau amalan kebanyakan ahli masyarakat yang tidak bertentangan dengan nas syarak diambil kira sebagai asas penentuan hukum. Ulama usul fiqah bersepakat bahawa adat yang tidak menyalahi dalil syarak, sama ada adat yang umum mahupun yang khas, sama ada yang *lafzi* iaitu secara lafaz mahupun *qawli* iaitu perkataan dapat dijadikan hujah untuk menetapkan hukum Islam. Imam al-Qarafi, mujtahid yang bermazhab Maliki berpandangan, mujtahid seharusnya mengkaji kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat setempat terlebih dahulu agar hukum yang ditetapkan itu tidak bertentangan dengan kemaslahatan masyarakat tersebut. Al-Shatibi dan Ibn Qayyim al-Jawziyah menyetujui pandangan al-Qarafi bahawa *al-'adah* boleh diterima sebagai dalil untuk menetapkan hukum dengan syarat tiada nas yang menjelaskan hukum masalah yang dihadapi (Setiyawan Gunardi et al. 2017). Bersalaman atau berjabat tangan boleh mewujudkan mahabbah. Selain menyebarkan kasih sayang antara anggota masyarakat Muslim, berjabat tangan juga meredakan permusuhan dan menghilangkan perasaan hasad dengki. Penularan wabak menyebabkan amalan berjabat tangan tidak lagi menjadi amalan. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memperkenalkan amalan tanda hormat lain bagi mencegah jangkitan COVID-19. Rakyat diminta meletakkan tangan kanan di dada kiri sebagai tanda hormat sambil mengucapkan salam, menggantikan bersalaman dan bersentuhan. Pendakwah berdepan dengan segelintir anggota masyarakat yang berhujah menggunakan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal sebagaimana dinyatakan dalam perenggan sebelum ini, bahawa berjabat tangan itu boleh menghapuskan dosa. Pendakwah boleh menjawab hujah ini dengan menggunakan kaedah fiqah "adat yang menjadi kebiasaan menentukan hukum" kerana normal baharu kini telah menjadi adat kebiasaan dalam masyarakat. Penganut di rumah ibadat tidak dibenarkan berkongsi peralatan dan bahan sembahyang, tidak bersalaman dan bersentuhan dan tidak boleh menyediakan jamuan makanan. Jika hukum asal solat berjemaah dan Jumaat pun boleh berubah, apalagi hukum bersalaman.

Kesimpulan

Sebagai mekanisme penetapan hukum yang penting dalam disiplin fiqah, *qawaid fiqhiyyah* menatijahkan sesuatu yang baik dan diterima hasil kesimpulan yang bersifat induktif terhadap hukum-hakam fiqah yang telah dibahaskan dalam permasalahan. Melalui formula-formula umum ini, fuqaha dapat membuat kesimpulan hukum baharu yang tidak pernah ditetapkan sebelumnya. Berpandukan *qawaid fiqhiyyah*, pendakwah dapat membuktikan disiplin hukum Islam mampu berinteraksi dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat kesan daripada perubahan masa, lokasi, adat dan suasana.

Rujukan

Al-Quran

Abdul Manan Ismail. 2005. Kaedah-kaedah fiqh: satu pengenalan ringkas.

Abu Dawud, Sulayman al-Ash'ath. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shuᶜayb Arnauṭ (pnyt.). Dar al-Risalah al-Ḥadithah.

Ahmad bin Hanbal, Muhammad Ahmad. 2001. *Musnad Al-Imam Ahmad Bin Ḥanbal*. Shuᶜayb al-Arnauṭ (pnyt.). Beirut: Muassasah al-Risālah.

Bukhari, Muhammad Ismail. 2000. *Sahih Al-Bukhari*. Muḥammad Zuhayr Nāṣir Al-Nāsir (pnyt.). Dār Ṭawq al-Najāh.

Ghazālī, Abu Ḥamid Muhammad Ahmad. 2004. *Ihya' Ulum Al-Dīn*. Beirut: Dār al-Maᶜrifah.

Ibn Nujaym, Zain al-Abidin Ibrahim. 2017. *Al-Ashbah Wa Al-Nazāir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Kalsom Awang & Abidin & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin. 2011. Pengaplikasian qawa'id fiqhiyyahdalam pengurusan alam sekitar. *Jurnal Perspektif*. 3 (1):39–59.

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. Situasi semasa pandemik Covid-19 di malaysia. http://Covid-19.moh.gov.my/archive:aug_2020 [27 August 2020].

Mohd Fauzi Hamat & Mohd Sobri Ellias. 2010. Aspek-aspek pemikiran kritis dalam al-qawa'Id al-fiqhiyyah. *Jurnal Syariah*. 18 (3):527–64.

Muslim, Muslim Ḥajjāj. 2006. *Saḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dar Tibah.

Qasimi al-Mazahiri, Abu al-Kalam Shafiq. 2015. Qaidah : yutahammal al-darar al-khas li daf'i al-darar al-am. https://www.alukah.net/sharia/0/87383/ [31 August 2020].

Setiyawan Gunardi, Mualimin Mochammad Sahid, Amir Husin Mohd Nor, Azman Ab. Rahman, Muneer Ali Abdul Rab, Mahmoud Mohamed Ali, Fithriah Wardi, Nik Rahim Nik Wajis, Mohamad Ikwan Hami. 6AD. Konsep al-'Adah muhakkamah dalam pewarisan tanah adat menurut adat perpatih di malaysia. *Malaysia Journal of Syariah and Law*. 2017:.

Siti Fariza M.F., Hasanah A.K, Irwan M.S, Azman A.R. 2016. Aplikasi kaedah fiqh al-darurat tuqaddar biqadariha dalam agihan zakat untuk mangsa banjir. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 8:70–90.

Tirmizi, Muhammad Isa. 1988. *Sunan Al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

Zahari Mahad Musa. 2016. Konsep keselamatan rumah kediaman menurut kaedah fiqh. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*. 2 (2):125–41.

Penulis:

Khazri Osman
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, UKM
khazri@ukm.edu.my

Mohamad Zulkifli Abdul Ghani
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, UKM
zulghani@ukm.edu.my

Najihah Abd. Wahid
Institut Penyelidikan Produk & Ketamaduna Melayu Islam
anajihah@unisza.edu.my

DAKWAH TANPA SEMPADAN TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG DI ERA PANDEMIK COVID-19

Syamimi Amira bt Shamsul Baharin & Najah Nadiah Amran

Abstrak

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah menjejaskan pelbagai sektor dan bidang termasuk bidang dakwah. Ketika pandemik COVID-19 berlaku, hampir semua aktiviti terpaksa dihentikan termasuk dakwah secara bersemuka. Dakwah adalah tanggungjawab setiap muslim mukallaf dan merupakan sebahagian daripada Islam. Ianya perlu dilakukan mengikut kesesuaian keadaan, sasaran dakwah, pendekatan dakwah dan sebagainya. Oleh sebab itu, walaupun berlakunya pandemik COVID-19, dakwah masih perlu dilakukan. Namun, pendekatan yang sesuai perlu digunakan untuk menyesuaikan dengan keadaan pandemik yang berlaku. Kertas kerja ini membincangkan transformasi dakwah ketika pandemik COVID-19 salah seorang tokoh ulama, pemimpin dan pendakwah yang terkemuka iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Kajian dilakukan berbentuk analisis dokumen dan pemerhatian bagi mengumpul data utama dan kaedah analisis data dilakukan secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan berlaku transformasi pada pendekatan dakwah beliau kerana dakwah secara atas talian di media sosial telah digunakan secara menyeluruh oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang di era pandemik COVID-19. Beliau menggunakan lima pendekatan berdakwah secara atas talian khususnya di media sosial. Lima pendekatan di media sosial tersebut adalah di aplikasi YouTube, Facebook, Instagram, Telegram dan Twitter.

Pendahuluan

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar buat seluruh masyarakat di dunia kerana, telah munculnya serangan virus yang dikenali sebagai coronavirus atau COVID-19. COVID-19 ini adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh strain coronavirus yang baru ditemui, dan ianya juga boleh menyebabkan jangkitan pernafasan pada manusia (WHO 2020). Virus ini boleh mengancam nyawa manusia dan disebabkan kes virus ini telah tersebar ke seluruh dunia dan bilangan angka pesakit yang semakin meningkat akibat terkena jangkitan virus ini maka, berlakunya pandemik COVID-19. Era pandemik COVID-19 ini, telah memberi kesan kepada pelbagai aspek termasuk aspek dakwah. Dakwah tidak boleh dilakukan secara bersemuka kerana masyarakat tidak sewenangnya dibenarkan untuk keluar rumah, dan masjid juga ditutup demi menjaga keselamatan dan kesihatan masyarakat. Masyarakat juga tidak dibenarkan untuk menghadiri ceramah atau kuliah kerana aktiviti yang melibatkan jemaah yang berkumpul dalam bilangan yang ramai pada satu tempat adalah dilarang ketika situasi pandemik COVID-19 ini (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Oleh sebab itu, menjadi keperluan untuk melakukan dakwah secara atas talian ketika pandemik.

Umum ketahui bahawa Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH) telah berdakwah dengan pelbagai cara dan ianya termasuk berdakwah melalui media sosial. Dakwah secara atas talian bukanlah satu perkara baru bagi TGHH dan ianya telah dilakukan secara meluas seiring dengan perkembangan teknologi, namun penggunaannya semakin berkembang luas ketika pandemik COVID-19 ini. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji transformasi dakwah TGHH secara atas talian dan juga pendekatan dakwah lain yang cenderung digunakan oleh beliau. Selain itu, kepentingan teknologi maklumat kepada dakwah juga akan dibincangkan secara ringkas dalam kertas kerja ini.

DEFINISI DAKWAH DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Dakwah adalah sebahagian daripada Islam (Najidah 2013). Menurut Ghalwash (1987) pula, dakwah ialah perbuatan menyampaikan mesej secara menyeluruh dan ianya meliputi ilmu tauhid, fiqh dan tasawuf. Seruan dakwah adalah tuntutan yang perlu di laksanakan oleh setiap orang muslim. Dakwah merupakan tugas utama para Nabi dan Rasul. Namun, kini ianya telah diwarisi oleh alim ulama, golongan solihin, para rabbaniyyin, dan termasuk juga kepada seluruh muslim yang mukalaf (Ana Urfiyanti 2015). Firman Allah SWT dalam surah ali-Imran ayat 104:

وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٞ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ وَيَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ((١٠٤

(al-Quran, surah ali-Imran 3:104)

Maksudnya:

"Dan hendaklah ada kalangan kamu yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara baik, serta melarang daripada segala yang salah. Dan mereka yang demikianlah orang yang berjaya."

Menurut Zulkefli dan S. Salahudin (2012), dakwah bertujuan menyeru dan mengajak manusia ke arah perkara-perkara ma'ruf dan menjauhi perkara-perkara mungkar iaitu, proses mengajak manusia supaya mengamalkan ajaran Islam berpandukan al-Quran al-Hadith. Gerak kerja dakwah harus sentiasa dilakukan dan menjadikannya sebagai sebahagian kehidupan muslim.

Teknologi maklumat pula ditakrifkan sebagai teknologi yang digunakan oleh individu untuk mengumpul data dan menganalisis data menjadi maklumat berguna dan bermakna serta menghasilkan maklumat dalam bentuk yang pelbagai seperti teks, grafik, suara, animasi dan maya (Syed Muhammad Dawilah & Mohd Lufti 2009). Penggunaan teknologi maklumat dalam dakwah menjadikan mesej dakwah itu lebih menarik dan kreatif kerana ianya boleh dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan ini sekaligus, boleh menarik minat lebih ramai masyarakat dalam dakwah terutamanya golongan muda dan remaja.

Pada dunia serba moden ini, manusia telah menjadikan teknologi maklumat itu sebahagian daripada hidup mereka (Najidah 2013) kerana ianya dapat membantu dalam menyelesaikan sesuatu masalah, membuka ruang kreativiti, meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam sesuatu pekerjaan (Yedi Purwanto, et al 2017). Justeru, dengan bantuan teknologi maklumat yang semakin canggih ini, ianya dapat membantu dalam menyebarkan dakwah merentasi sempadan dengan mudah dan pantas. Media dakwah yang seiring dengan perkembangan teknologi itu adalah kepelbagaian media sosial yang menjadi kegemaran majoriti masyarakat seperti facebook, twitter, youtube, instagram dan sebagainya (Faradillah t.t).

Secara ringkasnya, dakwah dan teknologi maklumat mempunyai hubungan yang kuat antara satu sama lain. Hal ini kerana, dakwah dikenali juga sebagai komunikasi dakwah atau komunikasi Islam (Zulkefli & S. Salahudin 2012). Segala bentuk komunikasi atau dakwah tersebut boleh disebarkan atau disampaikan melalui teknologi maklumat dengan mudah dan pantas. Dakwah juga dapat dijalankan dengan lebih efisien dan efektif dengan adanya teknologi maklumat ini (Syed Muhammad Dawilah & Mohd Lutfi 2009).

Pendekatan Dakwah

Dakwah yang berkesan memerlukan kaedah, cara, pendekatan atau strategi penyampaian yang bersesuaian dengan golongan sasaran. Hal ini kerana, hala tuju dakwah adalah untuk membimbing manusia mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat melalui rahmat dan kasih sayang Allah SWT (Ahmad Sharom, Nor Raudhah & Muhammed 2015). Penggunaan pendekatan yang bersesuaian dalam menyampaikan dakwah adalah satu kemestian agar maklumat dakwah itu sampai dan dapat meyakinkan sasarannya serta membantu dalam memberikan hasil yang baru dalam dakwah seseorang (Mohamad 2010).

Setiap pendakwah perlu ada pendekatan atau kaedah dakwah yang bersesuaian dengannya dan sasaran dakwahnya. Seorang pendakwah akan cuba menyusun apa yang hendak disampaikan kepada sasaran dengan cara yang paling terbaik iaitu dengan cara mereka mengambil kaedah yang telah sedia ada atau membina suatu kaedah atau pendekatan yang lebih baik (Tengku Sarina & Faridah 2008). Menurut al-Butty (1997) manhaj atau pendekatan berdakwah perlu diikuti ketika menjalankan kerja-kerja dakwah bagi meyakinkan pemikiran dan diri seseorang. Dr. Ali Jarisyah (1986), juga menyatakan bahawa pendekatan atau kaedah berdakwah adalah perancangan yang perlu ada dalam usaha mencapai matlamat dakwah tersebut.

Surah al-Maidah ayat 48 menyatakan definisi manhaj atau pendekatan adalah sunnah. Ianya adalah penghuraian yang terdapat dalam Tafsir Ibn Kathir. Sunnah

Rasulullah adalah satu pendekatan kerana di dalamnya mengandungi jalan hidup yang jelas (Syed Abdurahman tt).

لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا

(al-Quran, surah al-Maidah 5:48)

Maksudnya:

> "Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) sesuatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing)."

Pendekatan Berdakwah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH) telah lama melibatkan diri dalam gerak kerja dakwah. Beliau telah mengaplikasikan pelbagai pendekatan dan kaedah dalam menjayakan dakwah beliau. Kepelbagaian pendekatan ini dilakukan bagi memenuhi keperluan dakwah yang berhadapan dengan pelbagai situasi dan sasaran dakwah (Rohaily & Nor Raudah 2018). Dalam membincangkan pendekatan berdakwah TGHH, pengkaji mendapati terdapat tiga pendekatan utama yang digunakan oleh beliau iaitu pendekatan berdakwah secara penglibatan politik, berdakwah secara bersemuka, dan berdakwah dengan penulisan. Pengkaji mendapati kecenderungan pendekatan berdakwah TGHH pada bahagian penglibatan politik adalah yang utama kerana beliau merupakan seorang ahli politik dan pemimpin yang disegani. Setelah itu, kecenderungan pendekatan berdakwah beliau boleh dilihat pada berdakwah secara bersemuka melalui kuliah dan ceramah dan seterusnya adalah berdakwah dengan penulisan.

1. Pendekatan berdakwah secara penglibatan politik

Politik merupakan bidang yang telah lama diceburi oleh TGHH. Beliau telah mula memupuk minat dalam bidang politik sedari kecil lagi kerana ayah beliau merupakan guru politik pertamanya (Abdul Hadi Awang 2016). Orang yang memberi didikan awal kepada TGHH ketika mula-mula berjinak dalam politik ialah Ustaz Amaluddin Darus. Pada sudut pidato dan kepetahan dalam menyampaikan hujah politik pula, beliau banyak dipengaruhi oleh Dr. Burhanuddin, Dato' Onn, Profesor Zulkifli Mamat, Ustaz Hasan Adli dan Dato' Asri Muda. (Nuur Farhana 2016).

Penglibatan TGHH dalam dunia politik ini adalah salah satu pendekatan dakwah utama beliau kerana dengan berada dalam politik, membantu beliau untuk membawa kefahaman politik Islam kepada masyarakat dan pemimpin Islam yang lain. Beliau banyak membuat pelaksanaan dakwah melalui politik iaitu, melalui gerakan parti Islam yang dipimpin oleh beliau sendiri iaitu Parti Islam SeMalaysia

(PAS). Sumbangan parti gerakan beliau terhadap dakwah Islam sememangnya tidak dinafikan sejajar dengan peranan gerakan parti tersebut sebagai sebuah parti politik Islam.

Matlamat perlaksanaan dakwah oleh TGHH adalah merujuk kepada kesinambungan usaha para nabi dan rasul dalam menyampaikan mesej Islam kepada manusia. Menurut TGHH sendiri, dakwah adalah usaha untuk menegakkan *ad-din* dan mentadbir urusan dunia berlandaskan syariat Islam, justeru usaha dalam melakukan dakwah juga memerlukan kepada kuasa politik untuk mendapatkan kuasa pemerintahan dan sekaligus dapat mendirikan negara. Kuasa politik dan kuasa pemerintahan yang dimiliki akan memastikan syariat Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna, melindungi usaha dakwah Islam, dan seterusnya menyebarkan dakwah Islam ke seluruh pelusuk dunia (Abdul Hadi Awang 2013). Oleh sebab itu, TGHH menjadikan penglibatan dalam politik ini sebagai pendekatan dakwah beliau.

Selain itu, gerakan parti yang dipimpin oleh beliau iaitu Parti Islam SeMalaysia (PAS) bukanlah sebuah parti gerakan politik semata-mata, tetapi ianya juga merupakan sebuah badan dakwah dan siasah (Tuan Ibrahim 2013). Dakwah adalah keutamaan PAS dan aktiviti dakwah itu dilakukan sepanjang masa. Itulah perkara yang diterapkan oleh TGHH sebagai pemimpin parti gerakan tersebut bersama-sama dengan ahlinya. Matlamat dan mesej dakwah Islam yang ingin disampaikan dapat didengari oleh pelbagai lapisan masyarakat. Disamping itu, dengan pendekatan dakwah ini, beliau mudah untuk membuat hubungan kerjasama dengan negara-negara Islam lain serta membentuk hubungan diplomatik yang baik dengan mereka. Seterusnya, matlamat untuk mencapai kesatuan dan perpaduan umat Islam itu dapat dibentuk sedikit demi sedikit.

Antara contoh pelaksanaan TGHH dalam dakwah politik Islam bersama dengan gerakan partinya itu adalah memantapkan kepimpinan ulama untuk memastikan pemerintahan dan pentadbiran negara diketuai oleh mereka yang memiliki ilmu pengetahuan dan kefahaman yang jelas terhadap Islam. Selain itu, beliau juga memperkenalkan konsep negara Islam kerana pembentukan sebuah negara Islam adalah satu kewajipan kepada setiap orang Islam bagi memastikan Islam dilaksanakan secara menyeluruh dalam kehidupan manusia (Abdul Hadi Awang 2013).

Di samping itu, TGHH dan PAS juga menekan pengukuhan perpaduan nasional. Menurut Wan Ismail Wan Abdullah, perpaduan adalah suatu aspek yang dituntut di dalam Islam selama mana ianya bertunjangkan kepada al-Quran dan al-Hadith serta tidak menggadaikan prinsip-prinsip tertentu di dalam Islam. Kerjasama politik antara Islam dan non-Muslim diadakan serta menjaga hubungan baik sesama mereka. Kerjasama tersebut secara tidak langsung memberi penjelasan kepada seluruh masyarakat mengenai Islam. Islam juga akan dilihat sebagai sebuah agama yang syumul serta bersesuaian dengan fitrah kehidupan manusia.

Selain itu,terdapat juga sektor perkaderan dan pentarbiahan dalam pendekatan dakwah politik Islam ini. PAS mengadakan medium perkaderan dan pentarbiahan ini agar mampu melahirkan pendakwah-pendakwah yang mampu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada masyarakat (Abdul Hadi Awang 2013). Di samping itu, dengan tarbiah dapat melahirkan individu yang memiliki pengetahuan Islam dan memahami pemasalahan semasa (Abdul Hadi Awang 2013).

Politik atau Siasah memainkan peranan yang penting dalam mengatur urusan umat sejagat dan ianya direalisasikan oleh sesebuah tampok pemerintahan dalam mencapai kesejahteraan pentadbiran (Marziana 2018). Berdakwah secara penglibatan politik adalah pendekatan yang penting dan menjadi keutamaan bagi TGHH.

2. Pendekatan berdakwah secara bersemuka

Ilmu yang bermanfaat merupakan suatu keperluan penting dalam kehidupan manusia. Ilmu juga merupakan satu persiapan kepada mental dan fizikal untuk tubuh seseorang agar dapat mendengar, memahami dan menghayati seruan Allah serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Ilmu dan pendidikan merupakan satu keperluan kerana ianya dapat merapikan diri, akal dan kerohanian serta mengeluarkan manusia dari kegelapan, kegundahan dan khayalan (Alhabib Umar 2015). Oleh itu, melihat kepada kepentingan dan keperluan ilmu tersebut TGHH juga tidak ketinggalan dalam menuntut ilmu sedari kecil lagi. Beliau telah menerima didikan agama sedari kecil (Zahid Mat Dui 2017) melalui ayahnya sendiri dan terus menimba ilmu berkaitan Islam semasa beliau melanjutkan pelajaran di Timur Tengah.

Bidang ilmu yang dipelajari oleh TGHH adalah siasah Syariah. Selain itu, beliau juga turut bertalaqi dengan sheikh-sheikh terkenal di Mesir dan Madinah (Zahid Mat Dui 2017). Beliau banyak mendalami ilmu agama dengan lebih mendalam bersama para guru di Timur Tengah dan setelah tamat pengajian beliau menggunakan ilmu yang dipelajari untuk disebarkan kepada masyarakat di tanah airnya. Oleh sebab itu, apabila beliau pulang ke Malaysia, beliau mengambil alih kuliah tafsir yang diuruskan oleh ayahnya sebelum ini (Zahid Mat Dui 2017) dan menggunakan peluang tersebut untuk berdakwah secara bersemuka dengan masyarakat.

Kuliah tafsir menjadi platform untuk TGHH berdakwah sejurus kembali dari luar negara pada tahun 1976 (Mustaffa 2009). Kelas pengajian tafsir itu merupakan cara atau pendekatan TGHH dalam berdakwah. Ilmu dalam pentafsiran ayat al-Quran yang dipelajari oleh beliau, dikongsikan dan disampaikan kepada masyarakat agar masyarakat tahu dan dapat memahami kandungan ayat al-Quran sekaligus, menjadikan al-Quran itu sebagai panduan hidup. Kepetahannya

berpidato telah memukau hadirin dan jemaah yang mendengar kuliah beliau, disertai dengan kupasan isu yang diselaraskan dengan ilmu Islam yang tersemat kukuh di dada beliau (Riduan Mohamad Nor 2009).

Kuliah tafsir yang dikendalikan oleh TGHH itu, telah mencakupi 30 juzuk al-Quran (Haziyah 2017). Tahun 1996 merupakan khatam tafsir al-Quran buat kali pertama dan menurut Sinar Harian (2016), khatam tafsir al-Quran kali kedua berlaku pada tahun 2016. Khatam tafsiran ayat al-Quran oleh TGHH melalui kuliah tafsirnya itu menunjukkan kesungguhan TGHH dalam berdakwah dan beliau istiqamah dalam melakukan gerak kerja dakwah itu.

Selain kuliah tafsir, TGHH juga menggunakan pendekatan berdakwah secara bersemuka dengan menghadiri jemputan ceramah dan kuliah di tempat-tempat lain juga. Beliau tidak tertumpu di Masjid Rusila sahaja. Beliau telah memberi kuliah atau ceramah agama secara bersemuka di merata tempat termasuk di luar Malaysia. Pada kandungan-kandungan dakwah dan ceramah beliau pula, dapat dilihat bahawa TGHH banyak memberi penekanan berkenaan jemaah dan perpaduan ummah untuk kesatuan umat Islam. Selain itu, isu-isu terkini dan semasa juga turut menjadi kandungan dakwahnya dan ini menunjukkan beliau cakna dengan perkembangan semasa.

Ilmu yang dipelajari oleh TGHH daripada pelbagai sudut seperti siasah, geopolitik, tafsir, pendidikan, akidah dan syariah telah dimanfaatkan sebaiknya oleh TGHH dengan mempraktikkanya dalam berdakwah. Beliau telah berkongsi dan menyebarkan ilmu agama tersebut secara bersemuka dalam kuliah tafsir beliau sendiri dan melalui ceramah atau kuliah-kuliah agama jemputan lain yang beliau hadiri. TGHH menghabiskan sebahagian besar umurnya di medan dakwah dan perjuangan, berbekalkan dengan ilmu yang ada padanya yang telah dipelajari sedari kecil. Walaupun umur TGHH semakin meningkat melepasi enam dekad, namun kesungguhan dan tekad beliau dalam berdakwah sangat mengkagumkan dan perlu dicontohi oleh setiap muslim (Riduan Mohamad Nor 2020).

3. Berdakwah dengan penulisan

Tuan Guru Abdul Hadi Awang (TGHH) turut menggunakan pendekatan berdakwah dengan penulisan secara aktif. TGHH merupakan seorang tokoh ulama dan pemimpin gerakan Islam terkemuka yang telah menghasilkan anggaran sebanyak 108 buah karya yang telah diterbitkan, dan itu tidak termasuk dengan dokumen atau penulisan lain yang masih belum diterbitkan (Mohd Fadli Ghani 2018)

Karya penulisan TGHH telah banyak diterbitkan dan diulang cetak. Karya awal TGHH adalah pada seawal tahun 90-an (Zahid Mat Dui 2017). Karya TGHH berkenaan tafsiran ayat al-Quran diterbitkan dalam siri at-Tibyan. Namun begitu,

dalam siri at-Tibyan itu hanya merangkumi beberapa surah sahaja iaitu surah al-Baqarah, al-Saff, al-Kahf, al-Hujurat, al-Hasyr, Luqman dan al-Fil. Siri at-Tibyan ini telah dicetak dan diterbitkan oleh pelbagai terbitan serta tahun yang berbeza (Haziyah 2017).

Selain daripada siri at-Tibyan yang fokus kepada tafsiran ayat al-Quran dan ilmu tafsir, TGHH juga turut terlibat dalam penulisan lain seperti penulisan berkaitan aqidah, politik islam dan fiqh. Antara karya beliau selain daripada tafsir ayat al-Quran adalah seperti dalam jadual berikut :

Bil.	Tahun	Tajuk	Penerbit
1.	2001	Qazaf: Mangsa Fitnah	Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat
2.	2002	Amanat Haji Hadi	Jabatan Penerangan PAS Pusat
3.	2005	Islam: Fikrah, Harakah & Daulah	Dewan Pustaka Fajar
4.	2007	Inilah Akidah Muslim	PTS Publications & Distributors
5.	2008	Beriman kepada Qada' dan Qadar	PTS Publications & Distributors
6.	2009	Islam, Adil untuk semua	PTS Islamika
7.	2011	Politik dan Agama Mengikut Perspektif Islam	Jundi Resources
8.	2012	Islam dan Nasionalisme	Jundi Resources
9.	2012	Aqidah dan Perjuangan	Jundi Resources
10.	2015	Fiqh al-Solah: Bagi Memahami Ibadah Sembahyang (Jawi)	WNS Enterprise, Kuala Terengganu
11.	2019	Bicara ini Demi Perpaduan	Grup Buku Karangkraf

Jadual Karya Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Haziyah 2017) (Harakah Daily 2018)

Penulisan daripada TGHH ini, membantu masyarakat untuk memahami Islam dan al-Quran kerana beliau menggunakan bahasa yang mudah difahami dan santai.

Kepelbagaian karya yang diterbitkan dan bermacam-macam isu yang diangkat dalam penulisannya yang berkaitan dengan Islam serta kehidupan muslim, menunjukkan TGHH sangat komited dalam penulisan dan menjadikan penulisan ini sebagai pendekatan dakwah beliau dalam menyampaikan keindahan dan kebenaran Islam kepada masyarakat.

Kandungan penulisan beliau yang pelbagai, menunjukkan TGHH seorang pendakwah yang berilmu daripada pelbagai sudut dan bidang. Pengetahuan beliau dalam bidang agama menjadikan masyarakat atau sasaran dakwah meyakini serta menghormati beliau. Berdakwah dengan penulisan ini antara pendekatan dakwah yang sering diguna oleh TGHH dan sehingga kini beliau masih menghasilkan karya penulisan dan menerbitkan karya-karya terbarunya seperti 'Celupan Jarum Kecil dalam Lautan Ilmu al-Quran' dan 'Islam dan Kebangsaan'.

Karya penulisan TGHH juga bukan sahaja dalam bentuk buku malah, terdapat juga dalam bentuk artikel yang disiarkan dalam akhbar. Penulisan dalam akhbar adalah medan dakwah yang sesuai untuk majoriti masyarakat kerana akhbar adalah ruang bacaan yang sering mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Antara karya penulisan TGHH dalam akhbar adalah seperti dalam jadual berikut :

Bil.	Tahun	Tajuk	Terbitan
1.	1984	Siapa Menganut Ajaran Sesat?	GG Edar
2.	1992	Aqidah dan Kepimpinan	Jabatan Penerangan PAS Pusat
3.	2002	Ketaatan dan Ubudiyah	Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Terengganu
4.	2003	Globalisasi : Pendirian Islam Mengenainya	Urusetia Penerangan Negeri Terengganu
5.	2011	Maqasid Syariah	Dewan Ulama PAS Pusat
6.	2015	Sambutlah Ramadhan dengan sepenuh ketaqwaan	Tidak dinyatakan
7.	Ogos 2015	Menjana Istiqamah	Tidak dinyatakan
8.	2016	Menghayati Politik Matang	Tidak dinyatakan
9.	Julai 2016	Selamatkan Negara Bersama Islam	Tidak dinyatakan
10.	2016	Buta Al-Quran Atau Musuh Islam	Tidak dinyatakan

Jadual Karya Penulisan TGHH dalam Akhbar (Marziana 2018)

Transformasi Pendekatan Dakwah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Di Era Pandemik Covid-19

Setelah melihat perbincangan mengenai pendekatan dakwah TGHH, dapat disimpulkan bahawa pendekatan dakwah yang beliau gunakan sesuai digunakan oleh setiap pendakwah yang berkemampuan dan merasakan kaedah tersebut sesuai dengan mereka. Namun begitu, melihat kepada situasi pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, pendekatan dakwah yang bersesuaian adalah secara atas talian atau virtual. Pengkaji mendapati bahawa TGHH juga melakukan transformasi dalam pendekatan dakwahnya iaitu dengan menjadikan berdakwah secara atas talian sebagai pendekatan utama berdakwah. Dalam kertas kerja ini akan membincangkan transformasi pendekatan berdakwah TGHH di era pandemik COVID-19.

Dakwah Secara Atas Talian adalah Dakwah Tanpa Sempadan

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH) antara pendakwah yang tidak ketinggalan dalam menggunakan perkembangan teknologi untuk menyampaikan dakwah Islam. TGHH sendiri pernah membuat kenyataan di media sosial beliau bahawa perlunya untuk wujudkan jentera penerangan dakwah yang sistematik diiringi dengan pengetahuan berkaitan perkembangan teknologi maklumat serta pendekatan berhikmah agar maklumat dan mesej dakwah itu boleh sampai kepada sasarannya (Facebook TGHH 2020). Berdasarkan pemerhatian pengkaji, TGHH telah menggunakan media sosial sebagai platform dakwah beliau dalam berdakwah secara atas talian. Beliau menggunakan aplikasi seperti you tube, facebook, twitter, instagram dan telegram dalam menyampaikan dakwah Islam. TGHH mempunyai akaun sendiri bagi setiap aplikasi tersebut dan beliau sering memuatnaik video-video ceramah atau kuliah berkaitan Islam serta tafsiran ayat al-Quran daripada beliau sendiri. Perkara ini menunjukkan bahawa TGHH menggunakan pendekatan dakwah secara atas talian dengan sebaiknya dan pendekatan ini membantu TGHH berdakwah tanpa sempadan.

Gambar akaun media sosial Tuan Guru Abdul Hadi Awang

Dakwah secara atas talian ini telah dilakukan oleh TGHH sebelum pandemik berlaku lagi. Namun begitu, ketika pandemik berlaku pendekatan berdakwah secara atas talian dapat dilihat dengan lebih ketara lagi kerana hanya melalui pendekatan tersebut gerak kerja dakwah akan berterusan malah, mampu untuk disebarkan merentasi sempadan dengan kos yang tidak terlalu tinggi. Transformasi pendekatan dakwah TGHH ini iaitu penggunaan media sosial dalam berdakwah melibatkan beberapa aktiviti dakwah yang dilakukan oleh TGHH. Antara aktiviti dakwah yang dilakukan oleh TGHH dalam media sosial di era pandemik COVID-19 adalah Kuliah Agama melalui Facebook dan YouTube, Penyampaian Bahan Tarbiyah & Informasi Melalui Media Sosial, Usrah Online, dan E-book.

Kuliah Agama melalui Facebook dan YouTube

Pelaksanaan kuliah agama oleh TGHH melibatkan Kuliah Tafsir, Kuliah Dhuha dan Kuliah Jumaat. Pelbagai isu dan topik yang dibincangkan dan dijelaskan oleh TGHH dalam kuliah beliau. Antara topik yang dibawa oleh TGHH dalam kuliah beliau adalah punca luaran perpecahan firqah dalam Islam, akidah Islam dan tafsiran surah al-Baqarah. Setiap topik yang dibincangkan, TGHH akan cuba menghubungkannya dengan isu semasa agar masyarakat cakna akan masyarakat sekeliling mereka dan dapat lebih memahami kandungan mesej dakwah beliau.

Sesi kuliah TGHH secara atas talian kebanyakannya telah ditonton oleh lebih daripada 1000 tontonan. Kuliah yang melibatkan pengajian kitab akan memakan masa yang agak lama berbanding kuliah lain kerana pengkaji mendapati durasi kuliah tersebut secara puratanya adalah tidak lebih daripada 55 minit. Aktiviti dakwah sebegini membantu masyarakat untuk terus mengikuti kuliah agama dan berkongsi ilmu bersama. Maka, mesej Islam itu akan berterusan tersebar hingga ke seluruh dunia.

Gambar kuliah Dhuha Tuan Guru Abdul Hadi Awang

Penyampaian Bahan Tarbiyah & Informasi Melalui Media Sosial

Penggunaan media sosial seperti Telegram, Twitter dan Instragram telah digunakan sebaiknya oleh TGHH dalam berdakwah. Beliau berkongsi informasi dan tazkirah ringkas dalam bentuk gambar atau infografik dalam media sosial tersebut. Cara dan pendekatan beliau ini mudah untuk menarik minat masyarakat khususnya golongan muda dalam menerima dakwah Islam kerana golongan muda adalah golongan yang sering aktif dalam penggunaan media sosial.

Bahan tarbiah dan informasi yang dikongsi oleh TGHH dalam media sosial berbentuk ringkas, santai dan mudah untuk difahami. Pengkaji mendapati, TGHH akan memuat naik bahan dan maklumat dakwah sekurang-kurangnya tiga kali dalam sehari. Antara tazkirah dan mesej dakwah yang disampaikan adalah berkaitan kelebihan bulan Ramadhan, kepentingan perpaduan umat Islam dan isu semasa berkaitan Covid-19. Ketekunan TGHH dalam mengaktifkan ruangan media sosialnya dalam menyampaikan mesej Islam perlu dicontohi kerana ianya bukti bahawa TGHH tidak jemu dalam berdakwah (Marziana 2018). Pelbagai informasi dan juga bahan tarbiah yang melibatkan pelbagai negara Islam dan bidang, menjadi kandungan utama dalam dakwah TGHH ini.



Gambar bahan informasi dakwah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang di media sosial

Usrah Online

Antara aktiviti dakwah lain di media sosial yang dilakukan oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH) adalah Usrah Online. Usrah Online bukanlah aktiviti yang dilakukan setiap hari, namun TGHH menggunakan kaedah ini dalam usaha untuk mendekatkan diri dengan masyarakat khususnya anak-anak muda dan berkongsi ilmu dengan mereka.

TGHH mengadakan usrah ini bersama dengan pelajar-pelajar yang berada di luar negara. Selain itu, beliau juga turut mengadakan usrah ini secara umum iaitu boleh ditonton secara langsung di saluran Facebook dan Youtube TGHH sendiri. Pelbagai topik yang dibincangkan dalam usrah tersebut dan antaranya adalah isu Palestin, Lailatul Qadar, penurunan al-Quran dan maqasid al-Syariah dalam menangani wabak COVID-19. Kajian mendapati bahawa TGHH akan mengadakan usrah online ini pada waktu malam, iaitu selepas waktu solat Isyak dan usrah dijalankan dengan santai agar mudah untuk masyarakat memahami kandungan usrah tersebut. Usrah Online yang diberi nama 'Usrah Online bersama Ayah Chik' ini telah dilakukan sejak awal era pandemik COVID-19 di Malaysia lagi iaitu pada pertengahan bulan Mac. Melakukan Usrah Online di media sosial menunjukkan bahawa TGHH memanfaatkan sebaiknya kemudahan teknologi seperti media sosial dalam meneruskan gerak kerja dakwah dan peluang ini juga digunakan untuk berhubung dengan masyarakat.

Gambar Usrah Online Bersama Ayah Chik di rangkaian Media Sosial

E-book

Penghasilan e-book ketika pandemik COVID-19, merupakan satu pendekatan dakwah secara atas talian yang digunakan oleh TGHH juga kerana kaedah ini juga mampu disampaikan merentasi sempadan. E-book mudah disimpan, dibaca dan tidak memerlukan kos penerbitan dan percetakan yang tinggi. Ketika COVID-19 melanda dunia ini, kesukaran untuk keluar rumah dan bebas melakukan aktiviti di luar menjadikan e-book satu platform penulisan dakwah yang bagus untuk dikongsikan bersama masyarakat.

Harga bagi e-book tersebut juga sangat berpatutan dan mampu milik. Terdapat juga e-book yang diberi secara percuma sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa TGHH menggunakan pendekatan di media sosial ini bukan untuk mengaut keuntungan namun ianya adalah untuk menyampaikan dakwah Islam dan berkongsi ilmu Islam dengan masyarakat. Cara penyampaian dalam e-book TGHH

juga adalah ringkas dan mudah untuk difahami. Topik bagi e-book tersebut pula adalah pelbagai dan antaranya adalah 'Ramadhan al-Mubarak: Kedatangan yang dinantikan' dan 'COVID-19: Perspektif Maqasid al-Syariah'. Kepelbagaian topik dan isu bagi e-book tersebut memberi peluang kepada masyarakat untuk memperoleh pengetahuan berkaitan agama Islam dan ianya sekali gus menunjukkan bahawa TGHH seorang ulama yang berilmu dalam pelbagai bidang. E-book yang dihasilkan membantu dalam menjalankan aktiviti dakwah Islam kerana TGHH dapat menyebarkan mesej Islam dalam e-book yang dihasilkan malah, mampu untuk menyebarkannya merentasi sempadan.

Gambar E-Book Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Kesimpulan

Akhir kertas kerja ini, kajian dapati TGHH menggunakan lima pendekatan berdakwah secara atas talian khususnya di media sosial. Lima pendekatan di media sosial tersebut adalah di aplikasi YouTube, Facebook, Instagram, Telegram dan Twitter. Antara aktiviti dakwah yang dilakukan secara atas talian pula adalah Kuliah Agama melalui Facebook dan YouTube, Penyampaian Bahan Tarbiyah & Informasi Melalui Media Sosial, Usrah Online, dan E-book. Ianya dilaksanakan bersesuaian megikut keadaan dan sasaran dakwahnya. Selain itu, pendekatan dakwah TGHH selain daripada secara atas talian juga turut dilihat dalam kertas kerja ini dan hasil kajian menunjukkan kecenderungan utama pendekatan dakwah TGHH adalah berdakwah secara penglibatan politik. Seterusnya, berdakwah secara bersemuka dan diikuti dengan berdakwah dengan penulisan. Kemudahan teknologi maklumat yang ada kini, ditambah dengan bilangan pengikut yang ramai di media sosial telah digunakan sebaiknya oleh TGHH dalam menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat khususnya di era pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara. Beliau tergolong dalam kalangan ulama yang memainkan peranan yang aktif dalam mendidik sesebuah masyarakat agar menjadi masyarakat berilmu, beramal dengan ilmu dan menyebarkan ilmu,

memupuk masyarakat mengambil Islam sebagai ad-Din (cara hidup) dan berdaya saing (Marziana 2018). Oleh itu, TGHH tidak pernah lelah dalam berdakwah walaupun di era pandemik COVID-19 kerana hasil kajian mendapati TGHH telah menggunakan secara menyeluruh pendekatan berdakwah secara atas talian sebagai transformasi pendekatan dakwah beliau. Dakwah secara atas talian ketika pandemik merupakan pendekatan dan kaedah yang sangat sesuai digunakan kerana cara ini dapat menghubungkan manusia dan mampu merentasi sempadan dengan cepat dan mudah. Kajian terhadap pendekatan dakwah TGHH ini dapat memberi pengetahuan kepada pendakwah lain dalam mengaplikasikannya dan boleh dijadikan rujukan serta inspirasi daripada ketokohan dan sumbangan TGHH dalam dakwah dan ilmu Islam.

Rujukan

al-Quran al-karim

Abdul Hadi Awang. https://www.facebook.com/abdulhadiawang/

Abdul Hadi Awang. https://www.youtube.com/c/AbdulHadiAwangOfficial.

Abdul Hadi Awang. Telegram Channel

Abdul Hadi Awang. @abdulhadiawang. https://twitter.com/abdulhadiawang?lang=en

Abdul Hadi Awang. @abdulhadi_awang. instagram.com/abdulhadi_awang.

al-Bayanuni Abu al-Fath. 2010. *Madkhal ila ᶜIlmi Daᶜwah.* Lebanon: Dar Risalah Alamiyah.

al-Butty Muhammad Said Ramadan 1997. *Rahsia Dakwah Yang Berkesan*. Terj: Mohd Sofwan Amirullah & Mhd Royhan Hasbullah. Selangor: Pustaka Ilmi.

al-Habib ‘Omar. 2015. *Akhlak Kami*. Terj: Sekumpulan Asatizah Tempatan (Singapura). Singapura: Hands Learning and Development Services.

Ana Urfiyanti. 2015. *Konsep dakwah ‘Aid al-Qarni dalam pembinaan pemuda Islam*. Tesis sarjana Universitas Muhammadiyah Surakarta.

Dr. Ali Jarisyah. 1986*. Manahij at-Da'wah Wa Asalibuh* , Dar al-Wafa' Mesir.

Faradillah. tt. *Penerimaan Media Sosial sebagai Medium Dakwah dalam kalangan Mahasiswa KUIS*. Jabatan Komunikasi, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

Ghalwash Ahmad. 1987. *al-Daᶜwah Islamiyah Usuliha Wa Wasailuha*. Kaherah: Dar Kitab al-Misra.

Haziyah Hussin. 2010a. Temu bual bersama Tuan Guru Dato’ Hj Abdul Hadi Awang pada 30 Mac 2010 dalam Haziyah Hussin. 2014. *Al-Manhaj al-Haraki fi Tafsir al-Syaykh Sa’id Hawwa Dirasah Tahliliyyah*. Unpublished PhD. Thesis. International Islamic University Malaysia.

Haziyah Hussin. 2017. *Sumbangan Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang dalam Peradaban Tafsir di Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Islam dan Tokoh.

Marziana bt Othman@Osman. 2018. *Sumbangan Pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Terhadap Pembangunan Politik Kontemporari Di Malaysia*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian. Fakulti Pengajian Islam.Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohamad Abu Bakar Abdul Rahman. 2010. *Metodologi Dakwah Rasulullah SAW. Di Peringkat Permulaan Di Mekah: Aplikasinya Di Singapura*. Universiti Malaya. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam.

Mohd Fadli Ghani. 2018. *Koleksi Karya Tuan Guru Abdul Hadi*. harakahdaily.net. November.https://harakahdaily.net/index.php/2018/11/01/koleksi-karya-tuan-guru-abdul-hadi/

Najidah Zakariya, and Abu Dardaa Mohamad. 2013. *Media sebagai wasilah dakwah*. Al-Hikmah, 5. pp. 92-99.

Riduan Mohamad Nor. 2009. *Abdul Hadi Awang: Murabbi, Ideologi, Pemimpin*. Selangor: Jundi Resources.

Rohaily@Abd Rahman Abd Hamid & Nor Raudah Hj Siren. 2018. *Manhaj Dakwah Nabi Ibrahim a.s Menurut al-Quran dan Aplikasinya dalam Dakwah Masa Kini*. Jurnal Usuluddin. 46(1).

Syed Muhammad Dawilah al-Idrus & Mohd Lufti Solehan. 2009. *Peranan ICT dalam Penyebaran Dakwah dalam Era Globalisasi.* Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah di IPT dan Komuniti. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Binti Che Husain 2008. *Pendekatan individu dalam oengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun*. Jurnal Usuluddin.

Yedi Purwanto, Muhamad Taufik & Asep Wawan Jatnika. 2017. *Peran Teknologi Informasi dalam Perkembangan Dakwah Mahasiswa*. Jurnal Sosioteknologi. Vol 16. No 1.

Zahid bin Mat Dui. 2017. *Karakteristik Tafsir Kontemporari di Malaysia (Studi Tafsir al-Tibyan Karya Tuan Guru Haji Hadi Awang)*. Skripsi Sarjana Fakultas Ushuluddin. Raden Intan Lampung: Universitas Agama Islam Negeri

www.who.int/malaysia/emergencies/coronavirus-disease-(Covid-19)-in-malaysia

Penulis:

Syamimi Amira bt Shamsul Baharin
p101638@siswa.ukm.edu.my

Najah Nadiah Amran
najah@ukm.edu.my

ISU COVID-19 DALAM KANDUNGAN CERAMAH AGAMA PENDAKWAH MALAYSIA DI YOUTUBE

Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail, Sayuti Ab Ghani, Muntaha Hj Salleh & Ezad Azraai Jamsari

Abstrak

Dakwah berkait rapat dengan komunikasi. Secara praktiknya dakwah ialah proses mengajak manusia supaya mengamalkan ajaran Islam dengan melakukan pengabdian yang tulus kepada Allah SWT dan menuruti sunnah nabi Muhammad berteraskan al-Quran dan al-hadis. Penulisan ini akan membincangkan kandungan ceramah para pendakwah di Malaysia menerusi YouTube khususnya bertemakan isu COVID-19 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia sebagai usaha mengekang penularan pandemik COVID-19 di Malaysia. Penulisan ini menggunakan analisis kandungan YouTube terpilih dan juga kajian perpustakaan yang bertujuan untuk mengungkap mesej dakwah dalam tempoh pandemik COVID-19 di Malaysia. Penulisan ini menganalisis lima kandungan ceramah dari penceramah-penceramah agama di Malaysia di YouTube iaitu Syed Norhisham bin Tuan Padang, Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias, Ustaz Don Danial Don Biyajid, dan Dr. Danial Zainal Abidin. Data penyelidikan berasaskan ceramah di YouTube mengenai mesej dakwah pandemik COVID-19. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapatnya pelbagai tema dan isu kandungan dalam menyampaikan mesej berkaitan COVID-19 atau wabak penyakit dalam Islam serta pendekatan pendakwah yang pelbagai dalam menyampaikan ilmu Islam, melalui pendekatan amar makruf nahi mungkar (mengajak kebaikan dan mencegah kemungkaran), basirah (berdasarkan hujah dan ilmu), busra dan indhar (khabar gembira dan nikmat Allah) zikrullah (peringatan dan keyakinan kepada Allah dan juga pendekatan targhib dan tarhib (pujukan dan penggerunan). Secara umumnya dakwah dapat disampaikan menerusi teknologi dan matlamat utama ialah untuk mengubah fikiran, sikap, tingkah laku dan kepercayaan yang berteraskan iman dan tauhid kepada Allah SWT.

Kata Kunci: Dakwah, nilai, teknologi, COVID-19, komunikasi

Pendahuluan

COVID-19 (*Corona Virus Disease)* merupakan pandemik yang sedang melanda seluruh dunia. Virus yang pertama kali dapat dikesan di Wuhan, China pada akhir Disember 2019. Virus ini telah merebak dengan cepat ke seluruh dunia dan Malaysia turut terkesan dengan pandemik ini. Kehadiran pandemik ini menyebabkan seluruh penduduk dunia mengurangkan pelbagai aktiviti kehidupan seharian sama ada dari ekonomi, politik dan juga sosial.

Pandemik yang telah mengorbankan banyak nyawa, dan salah satu pendekatan oleh pihak berkuasa negara dengan mengarahkan rakyat agar tidak keluar dari rumah, tidak berkumpul dalam jumlah yang ramai dan tempat ibadah juga di

arahkan untuk menghadkan aktiviti pada mengelakkan pandemik merebak dengan cepat. Dalam hal ini pihak kerajaan telah melaksanakan Perintah kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 yang lalu dan kini masih pihak kerajaan masih mengenakan Perintah kawalan Pergerakan Pemulihan sehingga 31 Disember 2020.

Dalam hal ini para pendakwah turut berperanan dalam menyampaikan pesanan dan nasihat bagi mengingatkan umat Islam agar dapat menjaga kesihatan dan memastikan tidak terkena dengan pandemik yang boleh meragut nyawa ini. Secara umumnya wabak atau pandemik Covid-19 ini telah mewujudkan rasa kekhuatiran, keresahan atau keadaan atau kekuatan yang melampau (panic), namun kita perlu yakin bahawa Allah sentiasa membantu dan menolong umatnya yang sentiasa patuh dan reda atas segala ketetapan dan ujian yang diberikan ini seperti mana ingatan dan firman Allah dalam surah Syarh ayat 3 hingga 8 yang bermaksud, "*Oleh itu, maka (tetapkan lah kepercayaan mu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan, Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguh lah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain), Dan kepada Tuhan mu sahaja hendaklah engkau memohon (apa yang engkau gemar dan ingini)*".

Kita sebagai umat Islam perlu meyakini bahawa setiap ujian yang diberikan oleh Allah mempunyai peringatan untuk manusia seluruhnya. Pandemik Covid-19 yang menyerang hampir 200 buah negara di dunia, tentunya menuntut semua pihak untuk bermuhasabah atau memeriksa diri masing-terhadap segala amalan, perbuatan, sikap, dasar serta apa sahaja yang telah dilakukan selama ini yang bersifat kezaliman, kekejaman, kerosakan, penindasan, ketidakadilan atau apa sahaja yang bertentangan dengan perintah Allah. Menjadi harapan kita bersama agar wabak COVID-19 ini lebih mendekatkan diri kita dengan Allah SWT dengan lebih untuk melakukan taubat dan memohon keampunan khususnya dari melakukan kezaliman, kerosakan dan kemusnahan yang banyak sekali dilakukan oleh manusia dalam kehidupan.

Dalam suasana begini, para pendakwah atau para penggerak agama yang selama ini aktif dalam berdakwah, cergas dalam membantu masyarakat, banyak memberikan syarahan, berceramah dan sebagainya, menjadi harapan bersama agar kumpulan ini tidak larut atau leka dengan keadaan yang berlaku atau turut larut dengan suasana persekitaran. Maksudnya dalam tempoh begini kita perlu memperkuatkan diri dan keluarga dengan kekuatan keimanan serta hiasi rumah kita dengan cahaya amal soleh.

Namun demikian, kita jangan lupa bahawa di bahu para pendakwah terdapat amanah yang perlu diteruskan iaitu menyeru manusia untuk terus sedar supaya kembali taat kepada Allah dan patuh kepada jalan yang diredai. Para pendakwah

tidak mempunyai alasan untuk 'berehat' atau 'berlepas tangan' dengan alasan 'sedih', 'tidak berkeupayaan' atau 'keadaan tidak mengizinkan'. Dakwah perlu diteruskan, laksanakan terus usaha-usaha dakwah dan ambil lah setiap kesempatan untuk mengajak manusia ke arah kebaikan dan keinsafan serta taat kepada Allah.

Manfaatkan kemajuan teknologi yang ada serta kemudahan alat telekomunikasi yang ada termasuk aplikasi media sosial yang ada pada hari ini untuk merentasi pelbagai lapisan masyarakat dengan dakwah dan nilai Islam. Kemajuan teknologi yang ada perlu dijadikan wahana atau alat yang dapat menjadi penyambung pemahaman umat dan memberi kesedaran beragama kepada mereka. Keadaan badan atau fizikal mungkin berjarak tetapi pemikiran, pemahaman dan perasaan cintakan umat dan kasih sayang sesama insan perlu terus bertaut dalam kalangan masyarakat dan insan. Sesungguhnya masyarakat di luar sana memerlukan petunjuk dari pendakwah dan sentiasa menanti. Walau apa pun yang berlaku kita sentiasa menginsafi dan sentiasa menghayati firman Allah dalam surah al-Talak ayat 3 yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan yang dikehendaki Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu.*"

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan YouTube terpilih serta kajian perpustakaan yang bertujuan untuk meneliti kandungan ceramah pada pendakwah Malaysia di YouTube, yang membincangkan kandungan ceramah mengandungi tema COVID-19. Dalam tulisan ini, analisis kandungan dilakukan Terhadap Lima Orang Penceramah Iaitu Syed Norhisham Tuan Padang, Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias, Ustaz Don Danial Don Biyajid, dan Dr. Danial Zainal Abidin. Data Penyelidikan Berasaskan Ceramah Di YouTube Mengenai Mesej Dakwah Pandemik COVID-19. Dapatan Kajian Mendapati Bahawa Terdapatnya pelbagai tema dan isu kandungan dalam menyampaikan mesej berkaitan COVID-19 atau wabak penyakit dalam Islam serta pendekatan pendakwah yang pelbagai dalam menyampaikan ilmu Islam, melalui pendekatan *amar makruf nahi mungkar* (mengajak kebaikan dan mencegah kemungkaran*), basirah* (berdasarkan hujah dan ilmu), *busra* dan *indhar* (khabar gembira dan nikmat Allah) zikrullah (peringatan dan keyakinan kepada Allah dan juga pendekatan *targhib* dan *tarhib* (pujukan dan penggerunan). Secara umumnya dakwah dapat disampaikan menerusi teknologi dan matlamat utama ialah untuk mengubah fikiran, sikap, tingkah laku dan kepercayaan yang berteraskan iman dan tauhid kepada Allah SWT.

Analisis kandungan YouTube dibuat terhadap lima penceramah dan maklumat tajuk ceramah, pautan, jumlah tontonan dan tarikh muat naik ceramah seperti maklumat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Maklumat Penceramah, Tajuk. Pautan. Jumlah Tontonan

Penceramah	Tajuk	Jumlah tontonan	Link	Tarikh analisis
Syed Norhisham bin Tuan Padang	Covid-19 Bala atau ujian	62,644 (Muat Naik 27 Mac 2020)	https://www.youtube.com/watch?v=Zk6jsjj3Qug	10 Sept 2020
Ustaz Azhar Idrus	Adakah Covid-19 bala dari Allah	62, 531 (Muat naik 24 Ogos 2020)	https://www.youtube.com/watch?v=ERDEtcjHDE0	2 Sept 2020
Ustaz Ustaz Kazim Ilias	Corona Virus-Islam telah lama beri panduan lengkap	6,268 (Muat naik 2 Feb 2020)	https://www.youtube.com/watch?v=dnCGe4_S2as	3 Sept 2020
Ustaz Don Danial Don Biajid	Apa kata Islam dengan penyakit	587, 687 (Muat naik 3 Feb 2020)	ttps://www.youtube.com/watch?v=kOMKyhRZ4Bk	6 Sept 2020
Ustaz Dr Danial Zainal Abidin	Apa itu COVID-19	3,170 (Muat naik 13 April 2020	https://www.youtube.com/watch?v=uQaN9eF1pwY	8 Sept 2020

Teori Dan Kajian Literatur

YouTube sebahagian dari komunikasi massa dan teori komunikasi massa yang sesuai digunakan untuk kajian ini ialah teori kegunaan dan pemuasan (*uses and gratification*). Teori ini mula diperkenalkan oleh J.G Blumer dan Elihu Katz (1994). Teori ini menyatakan bahawa pengguna media berperanan aktif untuk memilih dan mengguna media tersebut, dengan kata lain pengguna media merupakan pihak yang aktif dalam proses komunikasi. Pengguna media berusaha mencari sumber media yang paling baik dalam memenuhi keperluan mereka. Ini juga bermaksud pengguna media mempunyai pilihan alternatif dalam memenuhi

kepuasan dalam penggunaan media. Menurut Samsuddin A.Rahim (1993) terdapat lima aspek utama dalam penggunaan teori ini iaitu:

a. Pengguna media berperanan penuh dalam pemulihan dan penggunaan media.
b. Terbentuk inisiatif dalam mengaitkan kepuasan tertentu dalam khalayak terhadap pemilihan media yang diguna.
c. Kompetensi dalam media massa untuk kepuasan keperluan yang lebih tinggi terdapat dalam perilaku khalayak dalam penggunaan media.
d. Kepuasan untuk memilih media masa terdorong oleh pengaruh khalayak.
e. Penilaian kepuasan penggunaan media hanya boleh dinilai oleh khalayak

Perlu di akui YouTube telah menjadi elemen penting dalam komunikasi massa dan penggunaan YouTube bukan sahaja dari aspek hiburan tetapi ia juga telah menjadi wahana tambahan untuk memperkaya maklumat serta pengetahuan khususnya generasi muda. Berdasarkan laporan Meyerson (2019) sejumlah 4.5 Juta YouTube ditonton dan sejumlah 72 jam durasi telah dimuatnaik di YouTube dalam tempoh satu minit. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Norizah Arifin (2019) terdapatnya video berkaitan asas Islam dalam YouTube dengan jumlah yang besar. Antaranya YouTube menggunakan kata kunci 'solat' (357,000 video), Syahadah (30,700), Puasa" (438,000 video), zakat (178,000 video) dan Haji (1,430,000 video). Kajian Shamsuddin A. Rahim dan lain-lain (2011) mengenai tahap akses dan penggunaan e-agama sebagai fenomena penglibatan digital dalam kalangan generasi muda Muslim yang melibatkan 932 remaja di Kuala Lumpur menunjukkan 93 peratus remaja memiliki akses internet di rumah mereka, tempat kerja, ataupun tempat mereka belajar. Ini menunjukkan remaja mampu dan boleh membuat akses terhadap bahan-bahan agama jika mereka mahu.

Sejarah YouTube bermula di Malaysia pada 22 Mac 2012 dan jumlah tontonan YouTube melebihi satu juta dengan purata tontonan 20 minit sehari (Zulkiple Abd Ghani 2019). Dalam hal ini Iovino (2011) menyatakan bahawa terdapat kelebihan tersendiri dalam penggunaan YouTube, namun terdapat beberapa persoalan yang masih belum terjawab mengenai cara generasi muda menggunakan teknologi tersebut. Secara umumnya perkembangan teknologi telah mengubah kredibiliti media itu sendiri. Pergantungan dan kepercayaan khalayak terhadap media atas talian, boleh dianggap bahawa penilaian kredibiliti media akan meningkat dan penyertaan pendapat khalayak (Azmah Ab Wahab & Samsudin A. Rahim, 2013). Ini kerana media atas talian mempunyai pelbagai latar belakang khalayak. Misalnya media blog bukan sahaja terbatas kepada ahli politik atau wartawan amatur, tetapi juga bagi kalangan remaja yang beranggapan blog sebagai saluran menyuarakan pendapat serta berkomunikasi antara satu sama lain. Lambakan

maklumat dalam talian ditambah dengan kebergantungan terhadap Internet dalam kalangan pencari maklumat, telah menimbulkan isu kredibiliti atau kualiti pemblog (Noor Azlin Bidin & Normah Mustaffa, 2012). Namun apa yang jelas YouTube merupakan media atas talian yang digunakan oleh generasi muda Islam untuk mencari maklumat agama. Penggunaan YouTube dan juga media-media lain amat besar sekali pada hari ini, dan tinjauan yang dibuat oleh gtbweb (2020) mendapati dapat tempoh 60 saat sahaja jumlah penggunaan media baru dapat ditunjukkan dalam rajah berikut,



Rajah 1: Penggunaan media sosial dalam tempoh 60 Saat pada tahun 2020
Sumber: https://gtweb.co.uk/what-happens-every-60-seconds-online (2020).

ANALISIS KANDUNGAN CERAMAH PENDAKWAH MALAYSIA DI YOUTUBE

a. **Ustaz Syed Norshisam Tuan Padang -** Tajuk ceramah ini ialah COVID-19: Bala atau Ujian?

   Ustaz Syed Mohd Norhisyam bin Tuan Padang, penceramah agama dari Terengganu. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Paloh, Kuala Terengganu, Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malek, Kuala Terengganu. Memperoleh diploma Syariah dari Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu dan kemudian melanjutkan pengajian ke Universiti Sains dan Teknologi, Yamen di dalam Ijazah Pengajian Islam. Ceramah beliau boleh diikuti melalui pautan https://www.youtube.com/watch?v=Zk6jsjj3Qug dan sehingga tarikh akses dibuat pada 10 September 2020, jumlah tontonan ialah seramai 62,644.

Dalam ceramah yang diberikan Ustaz Norhisham Tuan Padang telah menjelaskan hadis Nabi Muhammad SAW berkaitan wabak penyakit. Dalam hadis Nabi telah menyatakan bahawa apabila berhadapan dengan masalah penyakit berjangkit

perkara awal yang perlu dilaksanakan ialah mengawal dari terus merebak serta tindakan pencegahan. Dari perspektif agama Islam, setiap individu dan ahli masyarakat untuk mengambil langkah-langkah pencegahan dan mengelakkan diri dari tempat-tempat awam, termasuk pihak pengurusan institusi masjid mengambil langkah agar orang yang sihat tidak dijangkiti penyakit, wabak atau pandemik yang melanda. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, '*Orang yang sakit janganlah mendatangi yang sihat*." (Hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim). Nabi SAW. juga telah memerintahkan agar orang yang berada di tempat wabak untuk tidak keluar dari kawasannya dan yang sihat pula diperintahkan untuk tidak memasuki tempat yang terkena wabak.

Selanjutnya beliau juga mengulas Hadis nabi Muhammad SAW yang bermaksud, *"Daripada 'Aishah RA"Aku bertanya Rasulullah SAW mengenai (penyakit) taun. Baginda memberitahu kepadaku: "Sesungguhnya ia merupakan azab yang Allah hantar kepada sesiapa yang DIA kehendaki. Sesungguhnya ALLAH menjadikannya rahmat kepada orang-orang yang beriman. Tiada seorang pun yang berlaku taun (di tempatnya), lalu dia kekal berada di tempatnya -dalam riwayat al-Imam Ahmad: kekal berada dalam rumahnya- dalam keadaan sabar serta mengharapkan (pahala atau kesembuhan dari Allah) dengan dia percaya bahawa tidak menimpanya melainkan apa yang Allah tetapkan untuknya, maka baginya seperti pahala seorang syahid*".

Daripada hadis ini dapat dijelaskan bahawa Islam turut mengambil langkah berlakunya sesuatu wabak atau penyakit dengan anjuran supaya ianya dirawat. Ini dapat dilihat berdasarkan beberapa dalil yang berkaitan dengan hal ini. Antaranya adalah seperti yang disebutkan di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Usamah bin Syarik R.A beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, *Berubatlah kamu, sesungguhnya Allah S.W.T tidak menurunkan suatu penyakit melainkan diturunkan juga ubatnya melainkan satu penyakit sahaja, iaitu penyakit tua"*

Secara umumnya, perintah yang terdapat di dalam hadis ini menujukkan bahawa berubat ini suatu yang disyariatkan dan hukumnya adalah *mustahab* (dituntut). Meskipun begitu, dalam beberapa keadaan tertentu hukum berubat boleh menjadi wajib sekiranya diketahui yang ia akan memberikan kebaikan dan jika diabaikan akan mendatangkan kemudaratan kepada pesakit. Demikian juga penyakit termasuk dalam perkara mudarat yang perlu dielakkan demi menjaga nyawa seseorang manusia. Ini bertepatan dengan sebuah kaedah fiqah menyebut *'la darar wala dirar'* yang menekankan keperluan untuk menghilang dan menghapuskan semua kemudaratan yang diperakui syarak. Berdasarkan kaedah itu juga, orang Islam tidak dibenarkan melakukan sesuatu tindakan yang bukan sahaja membahayakan diri sendiri, bahkan mencetuskan kemudaratan kepada orang lain. Kaedah berkenaan dirumuskan berdasarkan perintah daripada Allah

SWT seperti firman-Nya: "*Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya." (Al-A'raf: 56)*

Larangan itu turut disebut dalam hadis yang diriwayatkan Sa'ad Ibnu Sinan al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: Tidak boleh melakukan perbuatan yang mudarat dan tidak boleh memudaratkan orang lain. (HR Ibnu Majah). *Kesimpulannya* penceramah ini menekankan bahawa pada zaman nabi telah wujud wabak penyakit dan setiap insan, bertanggungjawab untuk menjaga diri untuk menghindarkan diri daripada dijangkiti oleh wabak penyakit seperti wabak Covid-19 yang sedang melanda seluruh dunia.

Jadual 2: Ceramah oleh Syed Norhisham bin Tuan Padang

Penceramah	Tajuk	Jumlah tontonan	Link	Tarikh analisis
Syed Norhisham bin Tuan Padang	Covid-19 Bala atau ujian	62,644 (Muat Naik 27 Mac 2020)	https://www.youtube.com/watch?v=Zk6jsjj3Qug	10 Sept 2020

b. **Ustaz Azhar Idrus – tajuk ceramah 'Adakah COVID-19 bala dari Allah'**

Ustaz dilahirkan pada 12 Februari 1962 di Kampung Ladang, Kuala Terengganu. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Hj Mohd Sharif Alor Star Kedah, di peringkat menengah di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu sehingga tingkatan enam. Mendapat pendidikan agama secara bertalaqqi dengan guru-guru pondok di sekitar Kuala Terengganu dalam ilmu Islam menerusi kitab-kitab jawi Melayu dan Arab yang muktabar dengan guru-guru pondok yang alim seperti Tuan Guru Haji Syed Mokhtar, Tuan Guru Mohd Tahir, Tuan Guru Mohd Hakim, Tuan Guru Haji Hashim, Tuan Guru Haji Ibrahim Mesir, Tuan Guru Muhammad Zubir dan Tuan Guru Haji Mohd Zin (Azhar Idrus 2011).

Pendekatan ceramah secara santai dan diselitkan dengan jenaka serta penggunaan loghat Terengganu amat menyenangkan para pendengar ceramahnya. Seringkali mengaitkan isu-isu agama dan kefahaman agama melalui amalan masyarakat dan kaedah pembetulan serta penghayatan agama berdasarkan suasana masyarakat dan kemampuan masyarakat umum bagi membentuk kebaikan. Menerusi ceramahnya yang dianalisis yang bertajuk' adakah COVID-19- Bala dari Allah? http://www.youtube.com.watch? v=ERDEtcjHDE0) telah mengingatkan bahawa manusia pada asasnya terdiri dari tiga unsur yang utama iaitu fizikal, akal dan roh. Aspek fizikal manusia boleh dipelajari dalam ilmu sains atau biologi, perubatan atau ilmu anatomi manusia,

akal boleh diperdalami melalui ilmu pengetahuan dan aspek roh dikaitkan dengan aspek kerohanian atau spiritual.

Dalam menghadapi pandemik COVID-19 ini, usaha untuk menghindari pandemik ini melalui pendekatan ikhtiar secara fizikal dan spiritual dan kedua-duanya saling berkaitan:

i. Ikhtiar secara fizikal dapat dilakukan dengan menjaga tingkah laku, amalan seharian, penjagaan kebersihan, makanan dan juga mematuhi peraturan SOP dan juga mengamalkan 3C seperti yang disarankan.
ii. Ikhtiar roh – setiap individu Muslim perlu meningkatkan amalan ibadah kepada Allah seperti solat, puasa, zakat serta amalan selawat dan juga membaca a-Quran.

Ustaz Azhar Idrus telah menceritakan situasi umat Islam ketika berada dalam wabak bencana COVID-19 yang mana umat Islam tidak dapat menunaikan solat fardu secara berjemaah di masjid. Jadi bagaimanakah cara untuk umat Islam menghadapi hal tersebut? Maka Nabi SAW telah mengajarkan kepada umatnya dalam sabdanya yang bermaksud: "Rasulullah SAW pernah bersabda: Wabak taun adalah kotoran yang dikirimkan Allah SWT kepada sebahagian Bani Israil dan juga orang-orang sebelum kalian. Jika kalian mendengar ada wabak taun di suatu negeri, *janganlah kalian memasuki negeri tersebut. Namun, apabila wabak taun itu tersebar di negeri kalian, janganlah kalian keluar dari negeri kalian menghindari dari penyakit itu." (*Hadis Riwayat Bukhari-Muslim)

Maksud hadis secara jelas memberitahu bahawa sekiranya seseorang itu mendengar di suatu tempat itu adanya penyakit taun atau penyakit berjangkit yang berbahaya, ia dilarang untuk memasuki kawasan tersebut. Manakala jika tempat yang didiami seseorang itu terjadinya wabak, maka janganlah ia keluar dari daerah tersebut. Hal inilah yang dilakukan oleh beberapa negara sekarang contohnya seperti Itali yang merupakan antara negara yang paling teruk dilanda wabak COVID-19.

Maka janganlah seseorang itu sengaja pergi ke negara tersebut atas hal yang tidak penting seperti melancong atau sebagainya. Manakala jika seseorang itu telah berada dalam kawasan daerah yang terkena wabak tersebut, maka janganlah pulang atau keluar dari daerah tersebut. Kerana ianya dapat meningkatkan risiko jangkitan wabak penyakit berjangkit seperti COVID-19. Sekiranya mereka kembali ke tanah air, perlulah di kuarantin selama 14 hari sesuai aturan yang telah ditetapkan. Akan tetapi, ada sesetengah golongan manusia yang tidak patuh dengan SOP yang ditetapkan kerana beranggapan virus itu tidak perlu ditakuti kerana ianya hanyalah makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT. Anggapan ini sangat-sangatlah tidak tepat dan selari dengan ajaran Rasulullah SAW sebagai

hadis yang telah dinyatakan berikut yang bermaksud: *"Hindarilah orang-orang yang terkena judzam (kusta), sebagaimana engkau lari dari singa yang buas"* (HR. Bukhari) Jadi perbuatan melarikan dan menyelamatkan diri dari penyakit tersebut bukanlah bermaksud seseorang Muslim itu lari dari takdir melainkan sesuatu yang dituntut oleh maqasid Syariah.

Selain dari itu Ustaz Azhar Idrus menekankan Umat Islam hendaklah sentiasa bertawakal kepada Allah SWT dan mengikuti sunnah-sunnah yang telah diajarkan oleh Baginda SAW serta umat Islam jangan bersangka buruk dengan majlis fatwa alim ulama kerana mereka lebih mempunyai ilmu dalam membuat keputusan menutup masjid ketika terjadinya wabak. Hal ini kerana Islam itu bersifat menjaga nyawa umatnya.

Jadual 3: Ceramah oleh Ustaz Azhar Idrus

Penceramah	Tajuk	Jumlah tontonan	Link	Tarikh analisis
Ustaz Azhar Idrus	Adakah Covid-19 bala dari Allah	62, 531 (muat naik 24 Ogos 2020)	https://www.youtube.com/watch?v=ERDEtcjHDE0	2 Sept 2020

c. Ustaz Kazim Elias – tajuk ceramah 'Corona Virus- Islam telah lama beri panduan lengkap

Ustaz Mohammad Kazim Bin Elias dilahirkan di Kampung Paya, Batu Kurau, daerah Selama, Perak pada 28 November 1972. Beliau merupakan anak ke-7 dari dari 9 adik-beradik kepada pasangan Elias Bin Che Mat dan Nazirah Binti Ismail iaitu seorang guru agama di sekolah di Batu Kurau. Bapanya juga seorang guru agama meninggal dunia ketika beliau berusia 8 bulan. Minat beliau yang mendalam di dalam bidang agama, beliau telah memohon dan berjaya memasuki Sekolah Agama Syubbaniah, Batu Kurau selepas tingkatan 5 dan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia. Beliau kemudian menyambung pembelajarannya di Maahad Tahfiz al-Quran & Qiraat Negeri Perak di Masjid Negeri Perak sehingga mendapat Diploma Tahfiz Al Quran (Kazim Elias 2018).

Mula berdakwah pada awal tahun 1990 secara kecil kecilan di surau-surau dan madrasah, namun kegiatan dakwahnya mula mendapat sambutan yang luas apabila menubuhkan sebuah pusat dakwah yang diberi nama Sedaya Irham pada tahun 2001. Dalam ceramahnya menekankan tentang kepentingan setiap individu Muslim perlu bijak dalam menangani pandemik COVID-19. Selain dari mematuhi

arahan pihak berkuasa dengan mematuhi prosedur arahan tetap atau SOP (standard operation procedure) sebagai ikhtiar awal menjauhi pandemik ini, setiap insan Muslim juga perlu menjaga aspek hati atau batiniah dan juga menjaga aspek perilaku lahiriah selain dari bertawakal kepada Allah.

Setiap individu Muslim perlu sentiasa dekat dengan Allah SWT serta sentiasa memohon perlindungan dari-Nya. Setiap insan Muslim hatinya perlu yakin kepada Allah dan begitu juga dengan aspek kesihatan, ajal dan maut semuanya datang dari Allah. Dalam menghadapi situasi COVID-19 ini setiap individu Muslim disarankan untuk melakukan perkara berikut:

i. Memperbanyakkan istiqfar atau memohon keampunan kepada Allah.
ii. Memperbanyakkan membaca al-Quran
iii. Memperbanyakkan selawat ke atas nabi
iv. Memperbanyakkan sedekah
v. Meninggalkan perkara-perkara maksiat dalam kehidupan seharian.

Pada pandangan beliau, penyakit ini adalah datang daripada makan makanan yang pelik. Sebagai contoh di Wuhan, China terdapat pasar yang menjual pelbagai binatang eksotik. Hasil daripada makan pemakanan yang pelik-pelik telah melahirkan penyakit yang pelik sebagai bala daripada Allah. Beliau juga telah mengaitkan bahawa wabak yang muncul ini merupakan petanda bahawa dunia makin sampai ke penghujung. Beliau telah mentakrifkan wabak ini sebagai musibah. Setiap perkara yang berlaku ada hikmahnya. Dan setiap perkara yang berlaku adalah dengan izin Allah S.W.T. Setiap ujian yang Allah berikan kepada manusia adalah untuk meningkatkan keimanan seseorang manusia. Jika musibah itu adalah sakit , orang salaful soleh rasa mulia bila mendapatkannya. Hal ini adalah kerana, orang yang sakit, Allah akan gugurkan sakitnya dan diampunkan sakitnya. Tambahan lagi, doa orang yang sakit adalah mustajab kerana dosanya gugur.

Terdapat juga musibah dalam bentuk bala. Bala ini turun adalah kerana supaya seorang insan tersebut hukumannya menjadi separuh dan separuh lagi dihabiskan di akhirat kelak. Seterusnya, beliau memasuki perbincangan wabak, setiap wabak mempunyai mesti ada penyebab berlakunya wabak tersebut. Terdapat ulama mengatakan bahawa, ketika keadaan darurat seorang yang sihat boleh duduk sekali dengan seorang yang mempunyai penyakit berjangkit dengan syarat menyerah diri kepada Allah.

Pengajaran yang boleh didapati adalah, kita hendaklah sentiasa bersyukur dan tidak merungut atas ujian yang diberikan kepada kita kerana setiap yang berlaku ada hikmahnya. Selain itu, kita mestilah sentiasa bersabar dalam apa jua ujian yang dihadapi. Kesan terhadap ceramah yang boleh didapati adalah kita mengetahui perlunya pengasingan antara orang yang sihat dan yang berpenyakit

berjangkit tidak kira mereka adalah ahli keluarga mahupun tidak. Tambahan lagi, semua orang sedar bahawa tidak boleh mementingkan diri sendiri ketika di dalam keadaan darurat sebegini. Kesimpulannya, semua pihak haruslah berganding bahu dan memberi kerjasama, dalam membendung penyakit berjangkit ini daripada menular dengan lebih teruk lagi. Sikap pentingkan diri akan memburukkan lagi keadaan di mana seterusnya membahayakan semua kehidupan.

Jadual 3: Ceramah oleh Ustaz Azhar Idrus

Penceramah	Tajuk	Jumlah tontonan	Link	Tarikh analisis
Ustaz Ustaz Kazim Ilias	Corona Virus-Islam telah lama beri panduan lengkap	6,268 (muat naik 2 Feb 2020)	https://www.youtube.com/watch?v=dnCGe4_S2as	3 Sept 2020

d. Ustaz Don Danial Don Biajid – tajuk ceramah 'Apa kata Islam dengan penyakit Corona Virus

Ustaz Don Danial Pendakwah dan juga pensyarah di Kolej Islam Antarabangsa Selangor. Dalam menghadapi situasi COVID-19 ini, setiap individu Muslim perlu berpegang teguh kepada Islam dan terus yakin kepada Allah dan sentiasa mengharap pertolongan dari Allah dalam menghadapi musibah dengan pendekatan berikut:

a. Meningkatkan rasa tawakal kepada Allah
b. Melaksanakan semua perintah Allah dan menjauhi segala larangannya.
c. Sentiasa berusaha dengan melakukan ikhtiar bagi menghindari dari jangkitan penyakit yang sedang melanda.
d. Jangan terpengaruh dengan berita-berita palsu atau menyebarkan berita palsu yang berkaitan dengan wabak atau pandemik COVID-19 atau terleka dengan pelbagai berita yang terdapat dalam media sosial hari ini.
e. Waspada terhadap musibah yang lebih besar dari pandemik COVID-19.

Selanjutnya dalam ceramah Ustaz Don Danial turut menekankan perkara-perkara berikut berkaitan dengan COVID-19 iaitu:

> **Pertama: Ujian Pasti Mendatang. Allah akan memberi ujian terhadap umatnya dan salah satu ujian ialah penyakit. Ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 155-156 yang bermaksud, "***Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar – (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka di timpa oleh sesuatu musibah (kesusahan) mereka mengucapkan: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali".*

Menurut beliau, Allah S.W.T memberi khabar bahawa Dia menguji hamba-hamba-Nya yang beriman dengan beberapa ujian di saat mereka berada dalam keadaan suka dan duka, dan kesemua mereka akan mendapat pahala jika mereka bersabar terhadapnya. Mereka kemudiannya mengucapkan lafaz istirja' bukti sebagai seorang yang sabar dan syukur. Justeru, senjata yang ampuh bagi umat Islam adalah sentiasa berhati-hati, menggunakan kebijaksanaan untuk mengatasi rintangan dan cabaran, di samping doa dan tawakkal kepada-Nya.

> **Kedua: Mengucapkan Istirja'.** Berdasarkan petunjuk yang telah diberikan melalui wahyu yang mana apabila berlakunya musibah (kematian) maka antara ciri-ciri mereka yang bersabar dengan musibah tersebut adalah mereka mengucapkan istirja' iaitu ucapan yang maksudnya: *"Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali".*

> **Ketiga: Jangan Sesekali Menakutkan Dengan Hebahan Yang Tidak Tepat. Setiap individu Muslim perlu berhati-hati dalam aspek penyebaran maklumat yang urang tepat khususnya melalui media sosial. Beliau telah menyebut** Firman Allah SWT yang bermaksud, *"Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus menghebahkannya; padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada Rasulullah dan kepada - "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka; dan jika tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihanNya kepada kamu, tentulah kamu (terbabas) menurut Syaitan kecuali sedikit sahaja (iaitu orang-orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu).*

(Surah al-Nisa: 83). Perkara ini bertepatan dengan hadis daripada Ibn Umar R.Anhuma, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud, "*Sesiapa yang membawa senjata untuk menakut-nakutkan kami, maka dia bukan daripada kalangan kami.*(Riwayat al-Bukhari, no. 6874). Termasuk juga dalam erti kata menakutkan orang adalah dengan maklumat palsu yang menjadikan masyarakat merasa panik, takut dan bimbang. Begitu juga sebaran maklumat yang menggerunkan tanpa usul periksa sedangkan hakikat sebenarnya adalah berlainan.

Keempat: Mengambil Asbab Kerana Ia Termasuk Dalam Hakikat Tawakal. Menjadi sunnatullah agar kita berusaha dan mencari sebab bagi melaksanakan sesuatu atau mengenal sebarang bentuk penyakit seterusnya dengan itu dapat mencari ramuan serta rawatan untuk penyakit tersebut. Benarlah hadith Nabi SAW Daripada Abi al-Darda' RA, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah SWT menurunkan penyakit dan penawarnya. Dia jadikan setiap penyakit ada penawarnya. Maka hendaklah kamu berusaha merawat tetapi jangan merawat dengan bahan yang haram."* (Riwayat Abu Daud, no. 3874).

Kelima: Memahami Nas Dengan Sebaiknya. Sebagai orang Islam yang beriman, kita perlu mencari dan mempunyai ilmu dalam konteks ilmu kesihatan atau penyakit. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud," Tidak *ada penyakit yang berjangkit."* (Riwayat al-Bukhari, no. 5770). Apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW ialah tidak boleh membiarkan penyakit menjangkit, membiak, menjalar, menular dan merebak.

Jadual 4: Ceramah oleh Ustaz Don Danial Don Biajid

Penceramah	Tajuk	Jumlah tontonan	Link	Tarikh analisis
Ustaz Don Danial Don Biajid	Apa kata Islam dengan penyakit	587, 687 (Muat naik 3 Feb 2020)	ttps://www.youtube.com/watch?v=kOMKyhRZ4Bk	6 Sept 2020

e. Ustaz Dr Danial Zainal Abidin – Tajuk Ceramah 'COVID-19'

Dr. Danial bin Zainal Abidin berasal daripada Kampung Manggis, Sungai Ara, Pulau Pinang. Beliau merupakan anak kedua kepada Hj. Zainal Abidin bin Hasan dan Hjh. Che Su bte Hj. Jamaluddin dan dilahirkan pada bulan 21 Julai, 1955.Mendapat

pendidikan awal di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Jelutong, Pulau Pinang. Selepas mendapat gred satu dalam peperiksaan MCE beliau memasuki tingkatan enam di Sekolah Menengah Penang Free sebelum ke Universiti Iskandariah, Mesir, untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan (Danial Zainal Abidin 2011).

Dalam bidang penulisan, beliau merupakan kolumnis tetap ruangan Islam dan Sains bagi Majalah-i, Karangkraf, dan Kosmik, Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku-buku yang telah beliau hasilkan setakat ini berjumlah sepuluh buah iaitu, Konsep Perubatan Islam, Islam The Misunderstood Religion, Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden, Kit Kombat Islam, Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden, Bukti Sains dan Sejarah Kerasulan Nabi Muhammad SAW., Empayar Minda Muslim, 7 Formula Individu Cemerlang, Tip-tip Cemerlang Daripada Quran dan Quran Saintifik. Lima daripada buku-buku ini telah mencapai status terlaris atau bestseller di Malaysia. Buku Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden pula menjadi Finalis dalam Anugerah Media Islam (AMIN) bagi tahun 2006. Setakat ini empat buah buku beliau telah dilesenkan untuk pasaran di Indonesia, iaitu, Empayar Minda Muslim, Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden, 7 Formula Individu Cemerlang dan Tip-Tip Cemerlang Daripada Quran (Danial zainal Abidin 2003).

Beliau aktif berceramah dan pendidikan agama masa kini dan banyak syarahannya menggunakan kitab *'Asas al-tafsir'* karangan Said Hawa. Ceramah YouTube beliau mengenai tajuk COVID-19 ini telah dimuatnaik pada 13 April 2020 dan sehingga kini telah dilihat seramai 3,170 orang (https://www.youtube.com/watch?v=uQaN9eF1pwY).

Dr Danial dalam ceramahnya menjelaskan bahawa COVID-19 masih lagi mengenai perdebatan dalam kalangan ulama dan terdapat dalam kalangan orang-orang agama yang berpendapat bahawa penyakit ini merupakan satu musibah kepada umat. Dalam hal ini beliau telah menyorot dari aspek sejarah Islam, bahawa terdapat wabak penyakit yang menyerang negara Irak dan Syam setelah berlakunya perang Yarmuk. Penyakit tersebut dikenali sebagai penyakit taun dan ramai ulama mengaitkan peristiwa tersebut dengan COVID-19 pada hari ini. (https://www.youtube.com/watch?v=uQaN9eF1pwY).

Dr Danial juga menyorot pendapat yang disampaikan oleh Syeikh Prof Dr Abdul Razak Abdil Muhsin al-Al Abbad al-Badr pada 9 Mac 2020 yang menyorot tentang COVID-19 ini dengan menyatakan bahawa satu musibah yang ditakuti manusia ialah virus yang boleh membinasakan. Bagi menghindari virus ini umat Islam perlu merujuk petunjuk al-Quran dan umat Islam akan mendapat jawapan tersebut. Antara lain petunjuk dari al-Quran menyatakan bahawa seseorang hamba itu tidak akan ditimpa sesuatu musibah kecuali dengan kuasa Allah jua. (https://www.youtube.com/watch?v=uQaN9eF1pwY).

Selain dari itu Dr. Danial juga menyentuh tentang faktor-faktor yang membawa kerosakan dan pencemaran dalam kehidupan dan aspek yang utama ialah kecenderungan manusia untuk melakukan pelbagai kerosakan dan pada hari ini juga manusia berlumba-lumba mendapatkan kesenangan dan kekayaan dunia dan tidak segan silu memusnahkan alam dengan cara penebangan hutan yang berleluasa, perlombongan yang berlebihan dan sebagainya. Ini menunjukkan manusia tidak mengambil berat terhadap ingatan Allah dalam al-Quran bahawa kerosakan di darat, laut adalah disebabkan oleh perbuatan manusia (surah al-Rum ayat 41. Oleh itu Alah SWT memberikan musibah COVID-19 sebagai peringatan dan teguran kepada manusia. (https://www.youtube.com/watch?v=uQaN9eF1pwY).

Sebelum itu Dr denial menerangkan sejarah awal merebaknya virus ini berdasarkan ulasan dari pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), wabak coronavirus dikesan selepas organisasi itu dimaklumkan terdapat beberapa kes radang paru-paru di bandar Wuhan, di wilayah Hubei, China. WHO dalam laman sesawangnya berkata, pihak berkuasa China pada 7 Januari lalu mengesahkan Coronavirus yang baru dikenal pasti itu boleh tersebar daripada manusia kepada manusia. Virus itu tidak sepadan dengan virus lain yang diketahui, dan mencetuskan kebimbangan kerana tidak banyak yang diketahui mengenai virus ini seperti tahap bahayanya dan bagaimana kesan jangkitannya terhadap manusia. "Virus baru itu adalah coronavirus, yang merupakan keluarga yang termasuk selsema biasa, dan virus seperti Sars dan Mers," katanya. Virus baru ini buat sementara waktu dinamakan sebagai "2019-nCoV." Bagaimana Coronavirus memberi kesan kepada manusia? Menurut WHO, coronavirus adalah keluarga besar virus yang menyebabkan penyakit daripada selesema biasa kepada penyakit yang lebih berbahaya seperti sindrom pernafasan akut teruk (Sars) dan sindrom pernafasan Timur Tengah (Mers-CoV). "Tanda biasa jangkitan termasuk gejala pernafasan, demam, batuk, sesak nafas dan kesukaran bernafas. "Dalam kes yang lebih teruk, jangkitan boleh menyebabkan radang paru-paru, sindrom pernafasan akut yang teruk, kegagalan buah pinggang dan malahan membawa maut. (https://www.youtube.com/watch?v=uQaN9eF1pwY).

Jadual 5: Ceramah oleh Ustaz Dr Danial Zainal Abidin

Penceramah	Tajuk	Jumlah tontonan	Link	Tarikh analisis
Ustaz Dr Danial Zainal Abidin	Apa itu COVID-19	3,170 (Muat naik 13 April 2020	https://www.youtube.com/watch?v=uQaN9eF1pwY	10 Sept 2020

Pendakwah Sebagai Agen Perubah

Dalam konteks norma baru menjadi hadapan pendakwah juga dapat menjadi agen perubahan dalam masyarakat. Pendakwah sebagai berperanan menyampaikan pesanan dan nasihat dengan idea yang dilontarkan sehingga terdapat perubahan sikap atau pun pengukuhan terhadap sesuatu arahan (*reinforcement).* Peranan pendakwah sebagai agen-perubah masyarakat seperti yang disebutkan oleh Everent M.Roggers (2003) yang menyatakan, "*change agent seeks the influence the behavior of their client. The success of their efforts is measured in term of client awareness or motivations, persuasion, adaptation and reinforcement*. Berdasarkan isi kandungan ceramah oleh empat tokoh pendakwah di Malaysia melalui YouTube berdasarkan analisis kandungan yang telah dilakukan, pendakwah mampu berperanan sebagai agen perubah masyarakat (agent *of change*) sekali gus mampu melakukan tujuh aspek berikut iaitu:

a. Membangunkan keperluan untuk perubahan (*Develop a need for change*)
b. Menjalin hubungan dengan masyarakat dalam tindakan perubahan (*Establish a change relationship*
c. Mengenal pasti masalah (*Diagnose problem*)
d. Mencari tindakan alternatif dan inovasi (*Examine goals and alternative course of action, then create the intent into action that the client innovates*)
e. Menstabilkan perubahan dan usaha untuk mengelakkan masalah berlanjutan (*Stabilize change and attempts to prevent discontinuous)*
f. Mengukuh hubungan dengan masyarakat (*Achieve a terminal relationship*)

Selain dari itu penceramah agama berdasarkan ketokohan mereka dapat meningkatkan kewibawaan atau kredibiliti mereka seperti yang disebutkan oleh Everest M. Roggers, "*credibility is the degree to which a communication source or channel is perceived a trustworthy and competent by the receiver".* (Everent M.Roggers 2003).

Kesimpulan

Secara umumnya pandemik COVID-19 telah memberikan impak yang sangat besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan negara. Malah telah mengubah cara dan gaya hidup manusia termasuk cara kebanyakan individu bekerja, bersosial, belajar dan juga aktiviti kehidupan seharian.

Namun demikian, selain dari berusaha untuk mengatasi pandemik ini dengan pelbagai kaedah, kita perlu memahami hakikat Allah SWT sebagai Tuhan Pencipta dan hubungan sesama mereka iaitu Allah, manusia dan alam dari segi hak dan tanggungjawab masing-masing. Allah Maha Sempurna yang menciptakan manusia dan segala alam ini dengan penuh kesempurnaan. Oleh sebab Allah Maha Pengasih

dan Penyayang, maka Allah juga mencipta alam ini dengan penuh kasih sayang. Begitu juga, oleh sebab Allah Maha Bijaksana, maka Allah SWT mencipta alam ini dengan serba kesempurnaan serta lengkap. Allah juga tahu segala kelemahan, kekurangan, keperluan dan kekuatan alam ini. Oleh yang demikian, Allah telah menurunkan peraturan untuk dipatuhi bagi memelihara alam ciptaan-Nya agar ekosistem alam ini dapat memberikan manfaat secara berterusan kepada seluruh manusia yang hidup bersamanya.

Manusia telah dijadikan sebagai makhluk yang paling mulia di dunia ini. Manusia mestilah menginsafi dirinya dan bersyukur atas nikmat kurniaan Allah SWT. Sebagai makhluk yang diangkat sebagai khalifah di muka bumi ini manusia diberikan mandat oleh Allah SWT untuk mentadbir, memerintah dan memakmurkan alam ini dengan baik tanpa mengeksploitasi alam ini secara melampau. Penciptaan alam semesta ini adalah untuk kemudahan dan kesenangan manusia dalam jangka panjang. Manusia memegang amanah untuk memanfaatkan dan memakmurkan alam semesta ini untuk kepentingan manusia untuk waktu sekarang dan masa depan. Keseimbangan alam dan manusia mesti dipelihara untuk kelestarian kehidupan dan kesejahteraan manusia.

Rujukan

Azhar Idrus. (2011). *Anda bertanya, Ustaz Azhar Idrus menjawab*. Kuala Lumpur: PTS Islamika Publication.

Danial Zainal Abidin. (2003). *Empayar minda Muslim: Modul tarbiah asas alaf ketiga*. Kuala Lumpur: PTS Publication

Danial Zainal Abidin. (2011). *Persoalan Islam kontemporari*. Kuala Lumpur: PTS Publication.

Https://gtweb.co.uk/what-happens-every-60-seconds-online (2020) diakses pada 10 September 2020.

Https://www.youtube.com/watch?v=dnCGe4_S2as. Ustaz Kazim Ilias. Corona Virus- Islam telah lama beri panduan lengkap. Tarikh akses 8 Sept 2020.

Https://www.youtube.com/watch?v=ERDEtcjHDE0. Ustaz Azhar Idrus. Adakah Covid-19 bala dari Allah. Tarikh akses 2 Sept 2020.

Https://www.youtube.com/watch?v=uQaN9eF1pwY. Us Dr Danial Zainal Abidin. Covid-19. 4 Sept 2020.

https://www.youtube.com/watch?v=Zk6jsjj3Qug. Syed Norhisham bin Tuan Padang. Covid-19 Bala atau ujian. Tarikh akses 10 Sept 2020.

Iovino, P. (2011). An estimation of the technology acceptance model and usage intensity on line network. Diakses pada 8 September 2020 http://tesi.eprints.luiss.it/6080/1/iovino-tesi-2011.pdf.

J.G Blumer dan Elihu Katz (1994). *The Uses of Mass Communication: Current Perspective On Gratification Research.* California: Sage Publication.

Kazim Elias. (2018). Air mata dakwah. Kuala Lumpur: Karya Bestari Publication House.

Meyerson,M. (2019). *Success secret of the social media marketing superstars*. USA: Entrepreneur Media Inc.

Noor Azlin Bidin dan Norman Mustaffa. (2012). Blogosphere: How youth perceived blogs credibility. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 28(1) pp 33-40.

Norizan Ariffin dan rakan-rakan. (2019). YouTube dan generasi muda Islam: satu pendekatan kelompok fokus pelajau universiti dalam, *Journal of communication* Jilid 32 (1) 2016: 371-400.

Rogers, E. M. (2003). *Diffusion of innovations* (5th ed.). New York, NY: Free Press.

Samsuddin A. Rahim, Nor Ba'ayah Abdul Kadir, wan Aminah Wan Mahmud. (2011). Media time vs active time: Leisure time among the youth. *International Journal of Human and Social Sciences*. 6(3): 153-156.

Samsuddin A. Rahim. (1993). *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkiple Abd Ghani. 2019. *Eco Sistem Dakwah Dalam Era Digital*. Nilai: Penerbit Universiti Islam Malaysia.

Penulis:

Burhanuddin Jalal
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
emel*: burhanuddin@upnm.edu.my*

Amnah Saayah Ismail
Sayuti Ab Ghani
Muntaha Hj Salleh
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Ezad Azraai Jamsari
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN *TASMIK* HAFAZAN AL-QURAN SECARA ATAS TALIAN SEWAKTU PANDEMIK COVID-19

Ashraf Ismail, Khazri Osman, Nurul Hudaa binti Hassan

Abstrak

Tasmik hafazan al-Quran adalah satu kaedah yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Proses ini dijalankan secara bermuka atau *"face to face"*. Dalam pengajaran al-Quran, pelajar diminta untuk membaca atau menghafaz dan guru mendengar bacaan tersebut. Kaedah *tasmik* bacaan ayat al-Quran sesuai digunakan bagi ayat-ayat tilawah dan hafazan. Biasanya pelajar diminta membaca ayat al-Quran di hadapan guru. Jika terdapat kesalahan, guru akan memperbetulkan secara langsung. Selepas itu pelajar akan ditanya tentang hukum-hukum bacaan atau tajwid dan maksud tanda-tanda bacaan dalam ayat-ayat yang dibaca. Melalui aktiviti *tasmik* secara bersemuka, guru dapat mengetahui pencapaian pelajar, mengenal pasti tahap pencapaian, menyedarkan tentang kesilapan bacaan, meningkatkan kefahaman dan kemahiran individu seterusnya mengklasifikasikan pelajar berdasarkan pencapaian. Sewaktu pasca pandemik COVID-19, pengajaran dan pembelajaran tasmik al-Quran tidak dapat dijalankan secara bersemuka. Alternatifnya, *tasmik* dijalankan secara atas talian. Namun terdapat beberapa cabaran yang harus dihadapi. Antaranya, pelajar tidak dapat memfokuskan pembetulan yang dibuat oleh guru dan guru tidak dapat mendengar dengan jelas bacaan pelajar serta masalah kebolehcapaian internet.

Kata Kunci : Cabaran, *tasmik*, hafazan al-Quran, atas talian , pandemik COVID-19

Pendahuluan

Perubahan dunia disebabkan wabak COVID-19 ini telah membawa perubahan yang sangat besar kepada keseluruhan aspek kehidupan manusia. Perubahan tersebut turut memberi kesan terhadap sistem guruan di Malaysia. Bertitik tolak daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seluruh institusi dalam negara telah ditutup demi keselamatan dan kesejahteraan semua. Namun begitu pengajaran dan pembelajaran (PdP) tetap diteruskan secara maya. Oleh itu semua yang bergelar guru perlu cakna dengan perubahan yang berlaku secara global ini. Penularan wabak COVID-19 merupakan krisis global yang bukan sahaja menyebabkan pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka tertangguh, bahkan menjadikan tanggungjawab dan peranan guru begitu mencabar. Cabaran yang dihadapi guru apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan amalan baharu yang memerlukan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara atas talian. Situasi tersebut turut memberi cabaran yang besar terhadap *tasmik* hafazan al-Quran secara atas talian.

Kaedah *Tasmik* Hafazan al-Quran

Tasmik adalah perkataan yang diambil dari bahasa Arab yang bermaksud mendengar. Kaedah ini digunakan guru dalam pengajaran hafazan al-Quran melalui aktiviti guru mendengar bacaan pelajar. Kaedah tasmik melibatkan guru

dengan pelajar di dalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Kaedah ini digunakan untuk menguji tahap pencapaian pelajar dalam penguasaan bacaan dan hafazan al-Quran (Yanti 2017). *Tasmik* bermaksud pelajar memperdengarkan hafazan baharu kepada guru. Kaedah ini sesuai digunakan untuk menyemak kembali bacaan dan hafazan pelajar. Melalui kaedah ini guru dapat mengesan tahap pencapaian hafazan seseorang pelajar. Secara tidak langsung dapat memperbetulkan semula bacaan pelajar yang didapati kurang sempurna dan jelas. Dengan kaedah ini juga guru dapat membimbing pelajar agar meneruskan hafazan lebih baik dan catatan dilakukan dilakukan untuk mengukur tahap pencapaian pelajar (Hafiz & Nursafazilah 2016). Ini sekiranya perkara tersebut dilakukan secara bersemuka, pelajar berada di hadapan guru. Untuk menilai hafazan pelajar guru perlu melaksanakan tasmik secara bersemuka supaya boleh boleh menegur kesilapan pelajar secara lebih berkesan dan sistematik .

Cara pelaksanaan kaedah tasmik, ialah pelajar diminta membaca ayat yang ditentukan oleh guru dengan suara yang kuat di hadapan guru. Guru mendengar bacaan atau hafazan pelajar dengan teliti supaya dapat mengesan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam bacaannya. Jika terdapat kesalahan, guru akan memperbetulkan kesalahan pelajar. Untuk menentukan pelajar menguasai tajwid, guru boleh menyoal pelajar tentang hukum bacaan atau hukum tajwid dan maksud tanda-tanda bacaan (Anisa 2014).

Tasmik hafazan perlu dilaksanakan secara bersemuka kerana guru dapat mengetahui kelemahan bacaan pelajar dalam waktu yang cepat. Guru juga dapat memperbaiki bacaan pelajar dengan tepat. Guru dapat mengetahui dan mengenal pasti tahap kebolehan sebenar pelajar. Guru dapat memastikan pelajar tidak melakukan kesilapan serta dapat mendisiplinkan pelajar dengan cara yang berkesan (Abdul Hafiz & Nursafazilah 2016). Kaedah tasmik sangat sesuai diaplikasikan kepada semua peringkat dari kanak-kanak hinggalah orang dewasa. Melalui kaedah ini guru dapat mengesan dengan cepat penguasaan pelajar terhadap ayat bacaan yang diajar (Nor Musliza dan Mokmin 2014).

Dari aspek yang lain, menghafaz al-Quran memerlukan usaha yang berterusan daripada semua pihak terutamanya pelajar, guru dan pihak pentadbir. Pelajar mestilah melengkapkan diri dengan niat yang betul, mujahadah yang kuat, sabar semasa menghafaz dan disiplin dalam mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pihak guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu pedagogi hafazan al-Quran (Abd Rahman Abd Ghani 2016). Di samping itu guru tahfiz juga perlu memberi nasihat kepada pelajar dan memberi tumpuan yang lebih untuk membantu pelajar yang mengalami masalah untuk mengingat Quran. Ini juga menunjukkan bahawa peranan guru yang bertanggungjawab bukan melaksanakan tasmik semata-mata tetapi berusaha mencari jalan yang terbaik untuk membantu pelajar menguasai

hafazan al-Quran mereka agar tidak lupa sampai bila-bila (Mahmud Lutfi & Ahmad Shahir 2015).

Kepentingan Kaedah Tasmik Dalam Hafazan Al-Quran

Kaedah *tasmik* amat diperlukan dalam hafazan al-Quran kerana pelajar tidak mampu mengesahkan hafazan mereka sendiri. Justeru, kaedah *tasmik* merupakan kaedah untuk menilai hafazan mereka. Penilai terbaik hafazan mereka ialah guru mereka dan secara bersemuka. Ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran merupakan hubungan dua hala di antara pengajar dan pelajar. Isu permasalahan membaca al-Quran yang meliputi aspek kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran fasohah, tilawah bertajwid dan bacaan secara tadwir dan tartil dalam kalangan pelajar berlaku sama ada pada peringkat sekolah rendah, menengah atau di Institusi Pengajian Tinggi (Mohd Faisal, Zawawi & Rahimi , 2008).

Nor Musliza dan Mokmin (2014) pula menjelaskan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kaedah dan teknik hafazan telah digunakan untuk mencapai matlamat murni menghafaz Al-Quran secara berterusan dan usaha mengekalkan hafazan di dada para penghafaz al-Quran. Antara kaedah dan teknik hafazan Al-Quran yang dikemukakan ialah *Talaqqi*, *Musyafahah*, *Takrar*, *Tadarus*, *Semaan*, *Tasmik*, *Tarkiz*, *Tarsikh*, *Tafaqqud* dan *Murajaah*, kefahaman dan penulisan. Setelah ayat berjaya diingat, mereka selanjutnya perlu *tasmik* hafazan mereka. *Tasmik* adalah pembeza utama antara menghafaz al-Quran dengan perbuatan menghafaz yang lain. Ayat al-Quran perlu disahkan melalui *tasmik*. *Tasmik* amat penting dalam hafazan al-Quran (Azmil, Ab. Halim, Misnan & Mohd Aderi 2014).

Ada beberapa peraturan ketat yang perlu dipatuhi oleh pelajar ketika *tasmik*. Antaranya, pelajar perlu perdengarkan hafazan mereka tanpa melihat mashaf. Selain daripada pelajar, guru perlu mengikut beberapa peraturan ketat ketika *tasmik* seperti memberi teguran berkenaan hafazan yang salah. Selain daripada itu, guru turut perlu membetulkan kesalahan baris, tajwid, *makhraj* dan *fasohah* pelajar. Pada sesi *tasmik* ini, guru disarankan untuk tidak melihat mashaf. Oleh kerana itu, adalah amat penting, guru yang mengesahkan hafazan pelajar ini dalam kalangan mereka yang menghafaz al-Quran (Abdul Hafiz & Norhanan 2009).

Hafazan pelajar dikira tidak diiktiraf jika *tasmik* dilakukan oleh guru yang bukan *hafiz*. Ianya bagaikan penyata kewangan syarikat yang tidak diaudit oleh akauntan yang bertauliah. Selanjutnya ialah pengekalan hafazan. Pengekalan hafazan inilah yang menentukan status *hafiz* seseorang pelajar. Walaupun pelajar tersebut telah ingat dan *tasmik* dengan gurunya, tetapi ingatannya terhadap hafazannya tidak kekal, maka pelajar tersebut masih kurang layak untuk digelar *al-Hafiz*. Apatah lagi pelajar yang hanya ingat atau menghafaz secara sendirian tanpa *tasmik* dengan menghafaz secara sendirian tanpa *tasmik* dengan guru. Mereka tidak lagi layak digelar *al-Hafiz* (Azmil, Ab. Halim & Misnan 2013).

Mengekalkan ingatan tentang apa yang telah dihafaz dan telah *ditasmik* dengan guru adalah cabaran yang paling besar dalam kalangan penghafaz al-Quran. Ramai pelajar yang berjaya ingat, dan ramai juga pelajar yang berjaya *tasmik*, tetapi belum tentu mereka berjaya mengekalkan ingatan mereka. Ramai juga yang cepat ingat, dan berjaya *tasmik* dengan guru mereka dalam tempoh yang singkat. Tetapi pengekalan hafazan mereka masih lagi diragui. Justeru pengekalan hafazan adalah merupakan tugas yang berat, sehingga memerlukan iltizam dan kebiasaan melakukan ulangan hafazan yang berterus sehingga akhir hayat. Setidak-tidaknya selepas selesai *tasmik* dengan guru, pelajar tersebut perlu diuji hafazannya.

Kaedah tasmik ini amat berkesan jika guru ingin mengenal pasti secara amali tahap kefahaman dan pelaksanaan pelajar terhadap hukum hukum tajwid dalam bacaan Al-Quran yang meliputi makhraj huruf, sifat-sifat huruf dan lain-lain hukum tajwid (Khairil Anuar Mohamad 2016).

Cabaran *Tasmik* Hafazan al-Quran Semasa Pandemik COVID-19

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020 dan kini Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPD) bagi zon merah, proses pengajaran dan pembelajaran tetap berlaku. Semua yang bergelar guru mesti mengakui bahawa sistem pendidikan di kala pandemik ini tidak boleh terhenti begitu sahaja biarpun terdapat halangan bersemuka atau belajar secara konvensional. Inilah yang dikatakan norma baru dalam dunia pendidikan kini. Di sebalik ketiadaan pembelajaran formal dalam kelas atau dewan kuliah, terdapat inisiatif melaksanakan sesi atau aktiviti pembelajaran secara digital. Bagi tenaga pengajar di IPT, pembelajaran teradun (*blended learning*) sememangnya lama dipraktikkan memandangkan pelajar agak matang dan boleh berdikari. Namun tidak semua ilmu yang disampaikan melalui atas talian berkesan (Zetty 2020).

Dalam usaha untuk memastikan semua pelajar tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran, warga guru perlu menggunakan opsyen untuk menjalankan kelas secara atas talian. Pelbagai kegusaran yang timbul apabila ingin melaksanakan kaedah pembelajaran secara atas talian ini. Ada pelajar yang tidak mempunyai gajet atau telefon pintar peribadi, ada yang tidak mempunyai cukup data internet dan ada pula yang tidak mempunyai capaian internet langsung. Bagi guru pula, wujud kesangsian platform manakah yang sesuai untuk menjalankan pembelajaran secara atas talian dan kebanyakannya menggunakan kaedah cuba jaya, iaitu menggunakan mana-mana platform dan lihat kepada kesesuaian (Roslina 2020).

Melaksanakan *tasmik* hafazan kepada pelajar secara atas talian bukanlah sesuatu yang mudah. Cabaran yang dihadapi dalam situasi pandemik ini adalah proses *tasmik* bacaan pelajar yang kadang kala tidak jelas dari segi kualiti suara. Guru

perlu menegur bacaan pelajar yang salah atau lupa beberapa kali sehingga memuaskan. Dari segi melihat penyebutan pelajar pada skrin komputer ada ketikanya juga tidak begitu dan baik jelas kerana suara lebih cepat daripada pergerakan mulut. Aspek yang lain pula apabila disebut *tasmik* hafazan pelajar tidak dibenarkan melihat mushaf al-Quran. Namun tidak dapat dipastikan keadaan tersebut kerana ia bergantung kepada kejujuran individu tersebut. Oleh itu amat penting proses *tasmik* dilakukan secara bersemuka (Norhidayati 2020) .

Kekurangan yang paling utama bagi *tasmik* atas talian adalah masalah capaian internet. Tidak semua tempat mempunyai capaian internet yang baik. Hal ini menyukarkan bagi pelajar untuk mengikuti proses *tasmik* dengan baik. Ada juga tempat yang capaian internet sangat lemah bahkan "chat" juga sukar dilakukan. Perkara ini menjadi kekurangan utama *tasmik* hafazan atas talian. Kebolehcapaian internet menjadi salah satu perkara penting dalam mengendalikan kelas atas talian (Zetty 2020) terutamanya bagi pelajar yang tinggal di kawasan yang kurang mendapat liputan internet (Roslinda 2020). Oleh yang demikian, pelajar-pelajar ini perlu dicapai dengan menghubungi mereka melalui platform yang lebih sesuai seperti aplikasi *WhatApps, Telegram* mahupun *Messenger*.

Sekiranya pelajar-pelajar ini tidak dapat dihubungi melalui aplikasi-aplikasi ini, maka kaedah rakaman hafazan video pelajar terpaksa dilakukan dengan menutup mata dengan penutup mata supaya tiada unsur keraguan berlaku. Kaedah ini menyukarkan guru *tasmik* untuk menegur kesalahan dan kesilapan secara langsung tambahan pelajar yang terlalu ramai. Guru *tasmik* terpaksa mendengar dan menegur serta menghantar pula rakaman teguran tersebut kepada pelajar berkenaan yang kesemuanya dilakukan secara individu melalui aplikasi *Google Classroom*. Ini terpaksa juga dilakukan walaupun tidak bersemuka bagi mengelakkan pelajar ketinggalan mengikuti sesi pembelajaran, dan pada masa yang sama berupaya merangsang sistem kognitif pelajar agar belajar secara berterusan dalam keadaan tidak segerak (Norhidayati 2020).

Kesimpulan

Pelaksanaan *tasmik* secara atas talian ini memerlukan kesabaran yang tinggi sama ada di pihak guru atau pelajar. Pelajar tidak sepatutnya berpuas hati dengan *tasmik* secara atas talian kerana ia lebih bersifat alternatif sahaja kepada *tasmik* secara bersemuka Kaedah tasmik bersemuka pada hakikatnya sangat bertepatan dengan sunnah Nabi SAW yang menerima al-Quran secara langsung daripada Jibril ‘Alaihi Assalam. Kaedah *tasmik* dalam pengajaran al-Quran dan hafazan sangat penting bagi menilai kelancaran hafazan al-Quran. *Tasmik* amat penting dalam hafazan al-Quran dalam memelihara kalam Allah serta tidak boleh dipandang ringan. *Tasmik* merupakan pembeza utama antara menghafaz al-Quran dengan perbuatan menghafaz selain daripada al-Quran.

Rujukan

Abd Rahman Abd Ghani. 2016. Pembangunan Sistem Guruan Guru Tahfiz di Malaysia Ke Arah Melahirkan Tenaga Kerja Terlatih. Dlm. Zulkifli Mohd Yakub bin Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran.* Darul Quran JAKIM: Selangor.

Abdul Hafiz Bin Abdullah & Norhanan Binti Abdul Rahman. 2009. Kaedah Hafazan Al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz Al-QuranDarul Tuba, Tangkak, Johor.

Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah dan Nursafazilah Binti Maksom. 2016. Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim, Kg Tengah Kluang. Dlm. Zulkifli Mohd Yakub bin Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran.* Darul Quran JAKIM: Selangor.

Anisa Ida Khusniyah. 2014. Menghafal al-Quran dengan metode *muraja^{c}ah.* Studi kasus di rumah *tahfiẓ* al-Ikhlash Karangrejo Tulungagung. Skripsi Jurusan Pendidikan Agama Islam (PAI) Fakultas Tarbiyah Dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung.

Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali dan Mohd Aderi Che Noh. 2014. Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Journal of Al-Quran And Tarbiyyah.* Vol 1(1) : 9-16

Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri dan Misnan Jemali. 2013. Latar Belakang Guru Tahfiz dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education.* Vol. 1 (1): 28-39.

Khairil Anuar Mohamad. 2016. Sistem Kawalan Kualiti Huffaz. *Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran*. Terbitan Darul Quran JAKIM.

Musliza Musa dan Mokmin Basri. 2014. Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal. *Proceeding of the Social Sciences Research.* 9-10 June, Kota Kinabalu, Sabah.

Mahmud Lutfi Bin Abd. Hadi. Ahmad Shahir Bin Masdan. 2015. Penekanan terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt al-alfāẓ* ke arah pemantapan mutu hafazan al-Quran*.* Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah *2*015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015

Nor Hidayati Mokhtar. 2020 Pembelajaran atas talian untukpembelajaran sepanjang hayat.Ulasan Pakar UTM mengenai Isu Semasa Covid-19, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan UTM. Atas talian 1 Nov 2020. https://news.utm.my/ms/2020/04/ pembelajaran -atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/

Roslinda Rosli. 2020. Pembelajaran Norma Baharu Tingkat Profesion Guru Berita Harian Online Ogos 11, 2020 @ 11:00am. Atas talian 29 Oktober. https://www.bharian.com.my/

rencana/komentar/2020/08/719958/pembelajaran-norma-baharu-ingkat-profesion-guru

Yanti Jastari 2017. Kaedah Tasmik. Jurusan Tarbiyah Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Gajah Putih Takengon Aceh Tengah, Aceh. Atas Talian 28 Okt 2020. https://rezarahmatillah.blogspot.com/2017/12/kaedah-tasmik.html.

Zetty Raihan Mohd Yassin. 2020. Menangani Cabaran Norma Baharu Pembelajaran Dan Pengajaran Era COVID-19. Ulasan Pakar UTM mengenai Isu Semasa COVID-19. Atas talian 30 Oktober 20202. https://news.utm.my/ms/2020/05/menangani-cabaran-norma-baharu-pembelajaran-dan-pengajaran-era-Covid-19/

Penulis:

Ashraf bin Ismail (PhD)
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam UKM
ashraf@ukm.edu.my

Khazri bin Osman (PhD)
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam UKM
khazri@ukm.edu.my

Nurul Hudaa binti Hassan (PhD)
Pusat Kecemerlangan Pedagogi Bahasa Arab
Institut Guruan Guru kampus Guruan Islam
nurulhudaa2012@gmail.com